



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2241]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2281]

USUL-USUL:

Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara
[Ruangan 2281]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2352]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2382]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembekalan, 1982 [Ruangan 2285]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T.,
P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN. A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I.,
P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahamd Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 17hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENDAFTARAN PEMILIH DI LUAR
KAWASAN TEMPAT TINGGAL

1. **Tuan S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya atas mereka yang mendaftarkan diri sebagai pengundi luar dari kawasan di mana mereka tinggal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 119 Perlembagaan Persekutuan seseorang yang layak boleh didaftarkan sebagai pemilih di dalam bahagian pilihanraya di mana ianya bermastautin. Apabila membuat permohonan seseorang itu dikehendaki membuat pengakuan mengenai butir-butir dirinya, termasuk tempat tinggal tetapnya. Jika ia membuat pengakuan palsu maka ia melakukan kesalahan dan boleh dihukum di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954.

Permohonan untuk menjadi pemilih diproses oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan sebelum disahkan nama-nama pemohon akan disenaraikan mengikut bahagian-bahagian pilihanraya dan dipamirkan di tempat awam selama 2 minggu. Pemilih-pemilih di dalam bahagian pilihanraya yang berkenaan boleh membuat bantahan jika mereka mendapati ada orang-orang yang tidak bermastautin di dalam bahagian pilihanraya itu telah mendaftar sebagai pemilih. Bantahan itu akan disiasat dan jika didapati benar nama yang

berkenaan akan dipotong. Suka saya memberi amaran bahawa tindakan undang-undang akan diambil terhadap orang-orang yang berkenaan jika terdapat keterangan yang cukup untuk membuktikan bahawa mereka telah membuat pengakuan palsu.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya puas hatilah atas jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tetapi satu contoh saya memberitahu, di kawasan Parlimen Muar, kawasan di Ayer Hitam seorang bangsa asing pun tidak ada duduk, semua sekali orang Melayu, tetapi dalam register itu ada 200 orang Cina. Maka bagi pihak Parti dan juga orang yang berkenaan menghantar bantahannya kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya tetapi nampaknya list yang baru keluar pun masih ada lagi 200 orang itu. Dari malaikatulmaut mana dia masuk, di mana rumah dia duduk atau dari hutan mana pun kita tidak tahu tetapi ada diregisterkan.

Apakah langkah tegas yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya atau pihak Kerajaan kepada pihak yang berkenaan. Bukan satu tempat yang jadi macam ini, banyak tempat yang jadi macam ini yang membolehkan orang itu pinda mengundi dari satu tempat ke satu tempat. Tetapi setelah kita report, tindakan tidak diambil oleh Kerajaan. Ini satu perkara yang sangat-sangat mustahak yang saya hendak dapat tahu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara seperti ini apabila sampai masanya daftar dipamirkan maka bolehlah komplek diutarakan dan siasatan akan dijalankan oleh pihak yang berkuasa dan sekiranya ada keterangan-keterangan yang cukup maka tindakan undang-undang boleh diambil.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh

kerana soalan yang pertama yang saya hendak tanya sudah ditanya oleh saudara Yang Berhormat Dato' Sulaiman bin Ninam Shah maka saya pergi kepada soalan yang kedua.

Bilakah agaknya pilihanraya ini akan diadakan, adakah pada awal tahun 1982 atau tetap pada tahun 1983.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan ini.

Tuan S. Subramaniam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan dari jawapan beliau apabila senarai dipamirkan orang-orang yang dapat maklumat bahawa penduduk dari satu kawasan mendaftarkan diri di satu kawasan yang lain, mereka boleh buat bantahan dan apabila bantahan dibuat Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengambil tindakan di bawah Akta.

Saya mahu bertanya selain dari bantahan ini tidak bolehkah Suruhanjaya Pilihanraya membuat random check di tiap-tiap kawasan, iaitu pilih lebihkurang 200—300 orang pengundi dan buat random check di tiap-tiap satu kawasan. Oleh sebab bantahan yang di hendaki memerlukan kajian atas tiap-tiap satu senarai yang dipamirkan dan ini satu kerja yang senang, tidak semua rakyat yang berminat ataupun ada juga sekarang wakil-wakil rakyat ataupun pemimpin-pemimpin parti yang buat kerja ini. Tetapi saya ingin tahu selain dari ini tidak bolehkah Suruhanjaya Pilihanraya membuat random check di tiap-tiap kawasan dari satu masa ke satu masa untuk menentukan bahawa mereka ada duduk di tempat-tempat itu atau tidak. Umpamanya, Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan di Muar; tidak bolehkah satu random check dibuat atas nama-nama di alamat mereka dari satu masa ke satu masa untuk menentukan mereka ada tinggal di kawasan itu atau tidak.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita ada 5.8 juta pengundi dan dengan segera akan menjadi lebih daripada 6 juta—sekejap lagi, maka hendak buat random check itu adalah satu perkara atau tugas yang berat bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Sepatutnya

Pengundi-pengundi menjadikan tanggungjawab dan tugasnya untuk menghantar bantahan (objection) sekiranya mereka dapat ketahui ada orang-orang yang tidak layak berada di dalam Daftar Pemilih tetapi ada di dalam Daftar Pemilih. Bagaimanapun pandangan itu akan diberi perhatian juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

KEDAI-KEDAI PAJAK

2. Tuan K. Kumaran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa undang-undang memberi notis sekurang-kurangnya 2 minggu kepada pemajak-pemajak ini telah tidak dipatuhi oleh sebilangan besar kedai-kedai pajak di negara ini; dan
- (b) apakah tindakan yang beliau akan ambil mengenai perkara ini dan mengapakah sehingga kini beliau masih belum mengarahkan semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah supaya mengarahkan kedai-kedai pajak memberi notis kepada pemajak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Pemegang Pajakgadai, 1972 atau Peraturan-peraturan Pemegang Pajakgadai, 1972 yang berkuatkuasa sekarang tidak ada peruntukan yang menyatakan bahawa notis hendaklah diberi kepada pemajak-pemajak gadai dua minggu sebelum satu-satu gadaian itu luput tempohnya. Oleh yang demikian, tidak timbul masalah:

- (a) pemegang lesen tidak mematuhi; dan
- (b) Menteri mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kesemua pemegang lesen diperingatkan supaya menghantar notis kepada para penggadai.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun syarat ini tidak tertulis supaya diberi notis sebelum daripada sampai masa dua minggu, tetapi ada dinyatakan di dalam undang-undang kalau sekiranya barang-barang yang digadai itu dilelong maka seberapa wang yang lebih itu hendaklah dikembalikan kepada pemajak. Perkara ini juga tidak diamalkan oleh pihak pajak gadai. Jadi, perkara tidak mengamalkan syarat-syarat yang terkandung di dalam undang-undang ataupun peraturan-peraturan ini tidakkah ini satu perkara yang disifatkan sebagai bersubahat ataupun bersubahat dengan pihak pajak gadai untuk memindas pemajak yang miskin dan pemajak yang begitu susah menggadaikan barang-barangnya kerana sebagaimana yang kita tahu kadang-kadang ada barang itu harganya \$10,000 hanyalah digadai dengan harga \$500. Tetapi dengan kelalaian pihak pemajak itu barang itu akhirnya dilelong. Sudah tentu barang yang dilelong ini bukan berharga \$500 sekurang-kurangnya \$1,000 ataupun \$2,000, tetapi tidak pernah pihak pemajak itu menerima balik wang daripada barang gadaian itu. Mengapa pihak pajak-pajak gadai tidak boleh memberi surat ataupun memanggil tuan-tuan punya itu? Bukankah di dalam surat gadai itu ada tertulis dengan terang nama tuan yang menggadai, kad pengenalan dan alamatnya. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, begini lama perjalanan pajak gadai di dalam negara kita pihak Kementerian diam tidak bergerak, tidak buat apa-apa di atas perbuatan pajak gadai yang begitu serius. Apa macam, saya hendak bertanya.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan menyedari perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan oleh kerana peruntukan seperti yang saya katakan tadi tidak ada. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang menyiapkan beberapa cadangan-cadangan untuk hendak memperelokkan lagi perjalanan pajak-pajak gadai di seluruh negara. Bagi makluman Yang Berhormat juga, mengikut laporan yang didapati sebilangan besar para penggadai

menebus semula barang-barang yang digadai itu pada saat-saat akhir.

Yang keduanya, tempoh luput barang yang digadai itu adalah dinyatakan pada surat-surat gadai yang mana ini patut diingati oleh pihak-pihak yang menggadaikan barang-barang mereka.

Yang ketiga pula, dari kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya adalah menunjukkan bilangan mereka yang tidak menebus barang mungkin kerana terlupa atau sebagainya, jumlahnya tidak begitu besar; lebihkurang dalam 14% di mana pukulrata bilangan penggadai di seluruh negara setahun berjumlah 2 juta orang.

Selain daripada itu, peruntukan ataupun perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu telahpun dikaji oleh pegawai-pegawai Kementerian saya tidak wujud di negara-negara yang lain seperti di Singapura, di England, di Hongkong di Ceylon dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi pegawai-pegawai di Kementerian saya sedang menyiapkan beberapa kertas kerja untuk hendak mengubahsuaikan dengan tujuan untuk hendak melindungi pemajak-pemajak gadai daripada perkara-perkara yang tidak diingini sepertimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada perkara berkenaan dengan orang-orang yang menggadai dalam Malaysia lebihkurang 2 juta. Dari itu saya suka bertanya, adakah dalam penyiasatan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebanyak 2 juta orang kita yang bergadai itu berapa juta agaknya gadaian mengikut penyiasatan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berlaku.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian tidak mempunyai rekod tentang jumlah berapa juta barang yang digadai. Setakat apa yang kita dapati jumlah yang menggadai itu sebanyak 2 juta orang pukulrata. Jadi, insya Allah kalau Yang Berhormat berkehendak saya minta notis.

DASAR EKONOMI BARU

3. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil berkenaan dengan syarikat-syarikat asing, yang berniaga di Negara ini menerusi anak-anak syarikat, dengan nyata menghina Dasar Ekonomi Baru dan secara terbuka meniasia-siakan inspirasi Kerajaan dalam rancangan penyusunan semula pemilikan modal dalam sektor syarikat, dan nyatakan tindakan yang akan diambil ke atas syarikat-syarikat negara kita yang campur tangan dengan syarikat-syarikat asing.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang telah diterima oleh semua pihak sebagai sesuatu yang perlu dalam usaha Kerajaan membasmi kemiskinan serta mengubah struktur masyarakat di negara ini ke arah pencapaian perpaduan negara. Oleh yang demikian, mana-mana pihak yang menentang ataupun menghina dasar ini bolehlah dianggap sebagai juga menghina dan menentang hasrat rakyat negara ini untuk mewujudkan sebuah negara yang makmur dan bersatu padu. Jika Kerajaan mempunyai bukti-bukti bahawa ada syarikat-syarikat baik syarikat asing mahupun syarikat tempatan yang menjalankan aktiviti-aktiviti bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru maka Kerajaan tidak akan memberikan apa-apa kemudahan dan bantuan kepada syarikat-syarikat ini apabila mereka memerlukan. Sebaliknya bagi seseorang pegawai dagang (expatriate) yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh ditafsirkan sebagai menghina atau cuba untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru beliau tidak akan dibenarkan untuk terus berkhidmat di syarikatnya di negara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir mengenai syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang dinyatakan supaya membuat laporan kepada Kementerian saya supaya bolehlah Kerajaan membuat siasatan yang lengkap. Apabila di dapati bahawa tuduhan itu memang betul,

Kerajaan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap syarikat-syarikat berkenaan. Jenis tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat ini tidaklah dapat saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini melainkan setelah siasatan yang lengkap dibuat.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam sepanjang jawapannya tadi beliau tidak menyebutkan adakah menjadi satu kesalahan kalau syarikat induk itu yang ada joint venture dengan luar negeri mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kemudian mengikut soalan ini dia menubuhkan anak-anak syarikat dengan tidak mengikut syarat-syarat atau adakah termesti anak-anak syarikat itu juga mesti mahu mengikut syarat-syarat yang pertama yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan pada masa dia mula menubuhkan syarikat itu. Adakah anak-anak syarikat itu kalau dia tidak mengikut menjadi satu kesalahan dan kalau kesalahan itu berlaku apa langkah diambil oleh pihak Kerajaan?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi satu contoh yang jelas kepada saya dan saya kurang faham apakah perkara-perkara yang melanggar ataupun bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru. Jadi dalam hal ini oleh kerana satu-satu perkara itu mempunyai ciri-cirinya masing-masing, lebih baik perkara ini tidak dijadikan soalan, bahkan dalam kedudukan dan jawatan Ahli Yang Berhormat itu sendiri melaporkan kepada Kementerian bagi disemak dengan teliti supaya dapatlah satu tindakan yang sesuai diambil sekiranya didapati bahawa syarikat-syarikat sama ada syarikat induknya ataupun anak-anak syarikatnya menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru, maka bolehlah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyasiat dan mengambil tindakan yang sesuai.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat itu akan menjawab perkara ini berkehendakkan notis,

tetapi sebelum jawapan itu datang saya rasa sedikit sebanyak boleh diberi jawapan.

Dalam soalan tambahan ini saya ingin tahu:

- (1) Modal bagi tiap-tiap syarikat asing ini berapa peratuskah peruntukan diberikan kepada bumiputra?
- (2) Berapa peratuskah Pegawai Tadbir bagi tiap-tiap syarikat asing ini diuntukkan kepada bumiputra?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, cuba ulang soalan yang kedua. Soalan yang pertama saya dengar dengan tepat tetapi soalan yang kedua tolong ulang semula.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua: Berapa peratuskah Pegawai-pegawai Tadbir bagi tiap-tiap syarikat asing ini diuntukkan kepada bumiputra?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan mempunyai satu dasar yang praktikal dan flexible terhadap pelabur-pelabur asing di dalam negara ini. Dari segi pelaburan asing, Kerajaan telah menyatakan dari segi dasar Kerajaan bahawa bagi usaha-usaha perniagaan ataupun usaha-usaha ekonomi yang melibatkan bahan-bahan sumber alam (natural resources) yang tidak boleh diganti semula tidak dibenarkan syarikat-syarikat asing mempunyai majority control. Ini bermakna bahawa penyertaan tempatan mestilah melebihi daripada penyertaan asing dan juga dari segi industri-industri dan syarikat-syarikat yang menggunakan bahan-bahan utama tempatan, di sini juga syarat yang diberikan oleh Kerajaan ialah bagi modal syarikat atau perusahaan ini juga mempunyai modal tempatan yang majoriti. Tetapi bagi syarikat-syarikat asing yang ingin menjalankan perusahaan-perusahaan bagi tujuan mengeksport 100% daripada keluarannya maka syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat ini ialah dibebaskan penyertaan modal itu sehingga 100% kepada modalnya boleh dimiliki oleh pihak asing sekiranya keluaran syarikat itu 100% untuk eksport ke luar negeri.

Jadi dalam soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, syarat-syarat tentang penyertaan asing berbeza mengikut keadaan masing-masing dan mengikut kes-kes yang tertentu.

Berhubung dengan soal penyertaan bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru, syarat yang dikenakan atau matlamat yang telah ditetapkan ialah bagi penyertaan bumiputra di dalam bidang sektor syarikat berhad mencapai satu angka tidak kurang daripada 30% menjelang tahun 1990. Untuk mencapai matlamat ini bermaknalah bahawa di dalam syarikat-syarikat ataupun perusahaan-perusahaan yang baru ditubuhkan, terutamanya dari segi kelulusan yang diberikan oleh pihak Kerajaan, ditetapkan sekurang-kurangnya 30% modal saham syarikat-syarikat yang diberi kelulusan dalam bidang perusahaan, hendaklah dimiliki oleh syarikat bumiputra. Tetapi had 30% itu bukanlah menjadi had minima bahkan sekiranya ada usahawan-usahawan bumiputera yang ingin menubuhkan sebuah syarikat dengan mempunyai modal melebihi daripada 30% daripada jumlah modal saham syarikat itu, itu juga dibenarkan dan adalah dianggap sebagai sesuai di bawah Dasar Ekonomi Baru. Jadi harus kita membezakan matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru iaitu sekurang-kurangnya 30% daripada pelaburan dan saham dalam sektor syarikat berhad dikuasai oleh masyarakat bumiputra menjelang tahun 1990 dengan cara mencapai matlamat itu iaitu berbeza sedikit di mana had 30% itu bukanlah merupakan had minima dan terpulanglah kepada pihak penganjur syarikat itu sama ada sekiranya penganjur itu merupakan golongan bumiputra, ia boleh mempunyai modal yang lebih daripada 30% dan sekiranya tidak ada penyertaan pelabur-pelabur asing, bermaknalah bahawa matlamat 30:40:30 ini yang menunjukkan perimbangan di antara penyertaan golongan asing, penyertaan rakyat Malaysia bumiputera maka patutlah disesuaikan pembahagian modal dan saham dalam perusahaan-perusahaan yang berkenaan.

Dari segi penyertaan Pegawai-pegawai Tadbir, Kerajaan telah mensyaratkan supaya pengambilan pekerja-pekerja sama ada di peringkat pegawai ataupun di peringkat

peruntukan dan mengikut apa-apa aktiviti beliawanis yang bersesuaian dengan Islam.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan itu boleh membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan dan apabila permohonan itu dibuat Kementerian akan memberi pertimbangan sewajarnya.

BADAN-BADAN DAKWAH

5. Puan Ragayah binti Ariff minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri akan menubuhkan satu Lembaga Penyalarsan dan Pengurusan untuk mentadbir dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti semua badan-badan dakwah yang ada dalam negara kita dan sama ada Lembaga ini akan membatalkan badan-badan dakwah yang terpesong.

Menteri Tak Berportfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, badan-badan dakwah sama ada sukarela atau yang diwujudkan oleh Kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Institusi Dakwah, Latihan Islam, INDAH, Jabatan Perdana Menteri bergerak di atas landasan yang ditetapkan dan tidak pula bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Sehingga ini tidak terbukti dengan nyata kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti badan dakwah tersebut yang terpesong seperti mana kata Ahli Yang Berhormat itu. Pendek kata, tujuan utama badan-badan dakwah diwujudkan sama ada oleh Kerajaan atau badan-badan sukarela adalah untuk menyeru kepada membuat makruf yakni kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu tidak timbul badan-badan dakwah yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang terpesong. Dengan demikian, Lembaga Penyalarsan dan Pengurusan seperti cadangan Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat aktiviti-aktiviti yang terpesong dan bertentangan dengan ajaran Islam ini barangkali dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ajaran sesat dan

bukannya oleh badan-badan dakwah. Sehubungan dengan ini, dakwah mengandungi satu pengertian yang luas di bawah amal makruf dan nahi mungkar. Oleh sebab itu, kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha baik seperti mengadakan pelajaran untuk rakyat, sekolah-sekolah, kolej, universiti dan sebagainya, membangunkan penghidupan rakyat, menghapuskan kemiskinan, mengadakan pertahanan negara, membantu dan memberi subsidi kepada nelayan dan kaum tani, mengadakan pelajaran agama Islam, hubungan baik antara negara-negara Islam, memajukan pertanian dan sebagainya, menyeru umat Islam dan manusia kepada agama Allah, membina surau dan masjid dan segala perancangan pembangunan individu Kerajaan yang membawa kepada penghidupan yang baik adalah termasuk dalam hikmat dakwah. Begitu juga menghapuskan segala maksiat, seperti menghapuskan dadah, ajaran sesat yang boleh merosakkan akidah orang-orang Islam menentang komunis dan ajaran yang tidak bertuhan, menghapuskan rasuah dalam segala pentadbiran Kerajaan dan banyak lagi perkara-perkara yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan peringkat demi peringkat.

Sebenarnya, dalam menghapuskan maksiat ini banyak bergantung kepada umat Islam itu sendiri. Orang Islam patut sedar bahawa perkara maksiat itu merosakkan diri sendiri di dunia ini lagi. Janganlah kita terpengaruh bahawa jika kita pandang seorang yang memakai jubah putih, hitam atau biru atau hijau ianya adalah orang dakwah. Itu adalah identiti bagi orang itu sendiri. Agama Islam tidak memandang kepada pakaian, agama Islam memandang kepada hati. Ini bersumber daripada perkataan Al-Quran itu sendiri, "walaikunmingkum ummatunyad"-unailkhaair wayakmurunabil makruf wayanhaunabilmungkar"—Firman Allah—Hendaklah ada di antara kaum satu golongan yang menyeru kepada kebaikan iaitu menyuruh kebaikan dan mencegah mungkar. Orang-orang yang menyuruh dan kerja-kerja yang dilakukan oleh orang-orang yang kena suruh termasuk dalam dakwah Kebajikan orang yang menyuruh orang meninggalkan atau mencegah maksiat termasuk orang yang meninggal maksiat itu juga termasuk dakwah.

Ini jelaslah dakwah ini mengandungi satu pengertian yang luas dalam bidang kegiatan hidup manusia.

Dato' Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan yang kelima. Soal depan kita ini ialah masalah dakwah. Dalam negara kita ini ada dua cara dakwah. Satu yang rasmi yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitu dakwah di dalam Jabatan Perdana Menteri. Yang kedua, dakwah yang tidak bertauliah daripada sesiapa pun di dalam negeri ataupun di mana-mana badan yang berauthority. Sekarang badan yang terpesong daripada dakwah ini adalah badan-badan yang tidak ada tauliah atau dikenali oleh kita atau tidak berdaftar. Ini yang sedang menular di merata-rata kampung di luar bandar kita dan menimbulkan masalah kesulitan berkenaan dengan agama. Kebanyakan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dalam negeri ini telah membangkitkan soal berkenaan dengan dakwah ini. Misalnya baru-baru ini di Kedah telah bangkit perkara ini. Apa yang saya takut, tuan-tuan pun takut, ini dengan adanya dakwah yang tidak dalam jagaan kita akan menimbulkan satu masalah yang besar iaitu masalah kepada muda-mudi yang lari daripada pelajaran agama. Tidak peduli langsung berkenaan dengan pelajaran agama.

Jadi dengan itu sudah timbul, sudah dapat bukti iaitu banyak pemuda-pemudi kita yang telah dewasa tidak tahu mengucap kalimah syahadat. Ini telah terbukti dalam penyata Polis Di Raja bila dia beri taklimat di Ipoh baru-baru ini di mana 10,000 rekrut baru yang telah diambil bagi tahun ini yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang bumiputra kerana bangsa tidak berminat masuk dalam Pasukan Polis Di Raja dan 30% daripada bumiputra yang mengakui Islam tidak tahu mengucap.

Jikalau keadaan ini terus berjalan bagaimana agama Islam yang menjadi agama rasmi, yang sepatutnya umat Islam yang mengakui Islam kenalah tahu selok belok ataupun kesemua pelajaran Islam. Jadi soalan ini meminta Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan badan-badan yang terpesong—badan-badan bawa dakwah yang terpesong itu. Ini yang kita takut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu bukan soalan tambahan, sila kemukakan soalan itu.

Dato' Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Soalnya sama ada Jabatan Perdana Menteri ini sedar perkara ini atau kejadian ini berlaku. Yang kedua, adakah boleh Jabatan Perdana Menteri ini membatalkan badan-badan yang mengajar agama Islam, agama kita yang terpesong.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas huraian dan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Seri itu. Yang sebenarnya Jabatan Perdana Menteri sedar perkara ajaran sesat yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak. Seperti pembunuhan yang berlaku di Johor, ini adalah timbul dari ajaran sesat.

Ada satu masalah kita hendak menghapuskan orang-orang yang mengajar ilmu yang mereka kata mengajar Islam iaitu hendak mendapat bukti-bukti yang nyata, sebab di dalam tiap-tiap negeri yang berkuasa tentang agama ialah Sultan atau Raja negeri itu sendiri dan Majlis Ugama adalah bertanggungjawab melalui provision undang-undang yang ada di Majlis Ugama dan mengeluarkan tauliah-auliah kepada setiap orang yang sah boleh mengajar, boleh berdakwah di dalam agama Islam.

Jadi bagi hendak menghapuskan sesuatu puak kalau dia benar-benar ataupun dia mengajar soal ibadat, soal puasa dan soal haji, orang-orang ini sebenarnya susah kita hendak mencari mereka mengajar ilmu salah. Cuma ada segolongan kecil sepertimana yang saya katakan tadi iaitu apa yang berlaku di Johor macam mengajar ilmu sesat ini dapat kita kesan dan boleh kerana ajaran ilmu sesat ini boleh membahayakan keselamatan maka ada undang-undang kita boleh tangkap dan bawa bicara di bawah undang-undang keselamatan negara.

Adapun kita hendak tangkap mereka di bawah peraturan undang-undang agama amat sulit sedikit untuk mendapat evidence proof daripada ajaran-ajaran mereka. Jadi, saya juga merasa sebagaimana yang dirasai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, orang-orang yang hanya mengajar sepenuh-penuhnya agama

tentang ajaran agama ini juga boleh mengelirukan orang tetapi setakat apa yang dia mengajar ibadat itu adalah untuk ajaran yang boleh mengajar setakat itu sahaja, lebih daripada itu mereka tidak dapat menerangkan ajaran Islam.

Pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan atau mewujudkan satu jawatankuasa untuk menyelidiki semua sekali ajaran-ajaran sesat yang menyeleweng daripada ajaran Islam termasuklah buku-buku yang ditulis oleh orang-orang yang anti Islam, menulis mengenai Islam dan menyelewengkan Islam. Buku-buku seumpama ini kita kaji dan didapati salah kita sahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengharamkan buku-buku semacam itu.

Setakat itulah sahaja yang boleh kita lakukan dalam soal hendak menghapuskan ajaran-ajaran sesat ataupun ajaran-ajaran salah yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab di dalam negara kita ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Sebentar tadi kita dapat dengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri menyebut tentang pakaian-pakaian pendakwah yang ada sekarang ini seperti serban hijau, merah, putih; jubah yang labuh, singkat serba anika. Sekarang saya hendak mita pandangan atau pendapat, apa pandangan Jabatan Perdana Menteri terhadap pendakwah-pendakwah yang sebegini rupa seolah-olah mereka itu boleh terang dari segi hukumnya, kerana ada tersebut juga kenyataan hukum, siapa yang memakai serban hijau, siapa yang memakai jubah merupakan orang alim, apa hukumnya?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pakaian yang saya sebut tadi, pakaian jubah hijau, hitam yang dipakai yang dipanggil jubah yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah merupakan ala-Arab. Ini adalah merupakan identiti bagi orang itu, dan itu bukan pakaian agama. Kalau jubah itu pakaian agama, Yahudi pun pakai serupa itu juga. Dan Paderi Kristianpun pakai kepiah, jubah juga. Jadi yang mana satu yang dikatakan Islamic Religions ini. Cuma ada di

dalam satu hadis, dengan izin, “man thasab baha bihummin pahua min hum.” Hadis ini bermaksud barang siapa tasabuh, imitate sesuatu kaum, adalah mereka itu daripada kaum itu. Jadi kalau kaum itu makan, pakai dan berlagak, berkelakuan yang bercanggah dengan Islam, itu adalah haram.

Kalau kaum itu kita tiru ianya tidak bercanggah dengan Islam seperti pakai neck-tie macam saya ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga pakai neck-tie juga. Walaupun dia tasaboh dengan orang Eropah tetapi pakaian itu tidak menyinggung kesucian Islam kerana menutupi aurat. Jadi, ini tidaklah boleh kita katakan hukuman haram pakaian barat ini. Mungkin kalau kita hendak pergi lebih jauh, kalau kita hendak pergi Eropah misalnya sekarang kita kena pakai over-coat. Sejuk kalau tidak pakai over-coat nanti kena deman, sakit kita. Ketika itu sudah wajib pakai over-coat bukan sunat lagi. Jadi, hukum berkenaan dengan pakaian ini susah sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan dan bentuk rupa, cara dan intention. Itu yang lebih, niatnya. Jadi di situlah bergantung haram, halal, sunat, harus tentang pakaian itu kerana Nabi pernah bersabda, minta izin: Innallah alayanzuru ilawarikum walakin yanzuru ilakulubikum. Tuhan tidak memandang kepada rupa, paras dan pakaian kamu dari segi agama tetapi apa yang dipandang ialah hati di dalam tubuhnya, Tuan Yang di-Pertua. Itulah jawapan saya. Tentang haram, takut nanti niat dia mungkin lain. Takut niat dia kata, aku pakai ini kerana sebagai identiti aku orang yang meniru pakaian Arab. Pakaian Arab itu tidak haram, tidak bolehlah kita katakan yang dia itu haram, cuma itu pakaian individu bagi pakaian nasional, itu terpulanglah kepada sikap masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas dalam soalan ini yang bertanya iaitu menubuhkan Lembaga Penyelarasan. Baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri menyebutkan sudah ada Jawatankuasa ini. Ini yang mahu, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sudah ada didirikan Jawatankuasa Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri, saya rasa ini petanda yang sangat baik. Saya hendak mengesyorkan, pertama tentulah orang-orang yang tertentu

sudah dipilih oleh pihak Perdana Menteri bagi Jawatankuasa ini. Saya hendak mengesyorkan di antara Jawatankuasa ini kalau belum diambil, ambillah pakar undang-undang Islam yang mempunyai lautan ilmu dalam negeri ini empat, lima orang terutama misalnya dari Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya iaitu Datuk Ahmad Ibrahim, itu salah seorang saya cadangkan yang semuanya lima orang tetapi saya sebutkan seorang sahaja.

Dalam perkara ini, saya suka menyebut, kita akan dapat mengatasi bahaya dakwah macam semalam saya ada menyebutkan ada orang masuk Islam, ada orang yang berdakwah yang menyokong Islam tetapi yang telah nyata berlaku seperti berlaku di Johor dahulu yang telah mengorbankan nyawa dalam negeri kita ini. Menang masih ada lagi anasir-anasir seperti itu dalam negeri kita, ini tidak dapat dinafikan. Jadi, dapat dibuat analisa, membuat pandangan yang nyata yang boleh dilaksanakan dalam negeri ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri dalam keadah menyerapkan kebaikan dakwah yang akan datang hendaklah tegas hanya orang-orang yang boleh dakwah di seluruh negara kita ini hanya orang yang telah dapat kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri sahaja dan yang direstui oleh Raja-raja Melayu sahaja. Saya cukup yakin Majlis Raja-raja Melayu mesti merestui sebab semua Raja-raja Melayu sekarang kita tengok dalam akhbar-akhbar tidak bersetuju dakwah-dakwah terpesong yang merosakkan negara. Sebab itu saya yakin kuasa besar Jabatan Perdana Menteri yang menegahkan demonstrasi dakwah-dakwah yang merosakkan agama dalam negeri ini, bukan agama sahaja tetapi yang sebenarnya merosakkan Kerajaan di negara kita ini. Ini yang sebenarnya bahaya matlamat yang hebat, sebab itu saya pandang amat penting. Jadi, bolehkan Jawatankuasa ini besok memberi kata putus siapa juga yang hendak memberi dakwah di seluruh negara kita ini hanya dapat kebenaran tetap daripada Jabatan Perdana Menteri yang direstui oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam kajian

Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama dan kita akan bincangkan masalah ini di Johor akan datang mengenai beberapa masalah yang hendak dijalankan oleh tiap-tiap negeri mengenai keseluruhan mengenai agama.

TENTERA DARAT MALAYSIA— PEMBEKALAN KERETA KEBAL

6. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah tentera kita tidak dibekalkan dengan kereta-kereta kebal (tank) memandangkan kebanyakan negara-negara yang mempunyai tentera yang kuat dan lengkap mempunyai peralatan ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membekalkan kereta-kereta kebal (tank) kepada pasukan Tentera Darat Malaysia. Dalam Rancangan Pembesaran Angkatan Tentera menjelang akhir Rancangan Malaysia Keempat, satu Rejimen kereta kebal akan dibentuk. Selaras dengan rancangan ini pasukan Kavalri dipilih untuk dibekalkan dengan kereta-kereta kebal tersebut.

Urusan pembelian kereta-kereta kebal ini sudahpun berjalan lancar dan besar kemungkinannya Angkatan Tentera kita akan mendapat kereta-kereta kebal ini tidak lama lagi.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kerana kalau negeri kita ini belum lagi mengadakan tank; saya ini duduk di negeri Johor setiap hari dapat saya tengok siaran TV Singapura ini sudah dipenuhi oleh tank-tank. Di mana Kerajaan Singapura hendak tujukan tank-tanknya, hendak pergi ke Indonesia lalu tank tidak boleh masuk dalam laut, barangkali dia tujukan ke Malaysia ini, negeri Johor kena dahulu. Jadi, diharap dapatkanlah banyak tank-tank ini dengan seberapa segera dan tank yang boleh mengatasi segala-galanya tank yang lain itu, jangan tank yang tidak boleh pakai, rosak dan mulutnya tidak berapa baik itu jangan dibeli, biarlah beli mutu yang betul-betul baik boleh

mengatasi negeri-negeri lain dalam dunia ini, itulah nasihat saya.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa: Apa soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*).

Dato' Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dasar Kerajaan kita, dasar Kerajaan Barisan Nasional hari ini telah mewujudkan supaya tentera-tentera darat, laut dan udara dimodenkan, dibesarkan dengan alat-alat yang baharu. Tetapi apakah tindakan Kementerian ini kepada orang-orang yang tidak bersetuju dengan pendapat ini, iaitu Ahli dalam Dewan ini juga.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa: Soalan itu berlainan daripada soalan asal.

BANTUAN GERAN TAHUNAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN/DAERAH

7. **Dato' Ismail bin Hashim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peruntukan Geran Tahunan kepada Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah Luarbandar tidak mencukupi dan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan Geran Tahunan di masa akan datang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa bantuan Geran Tahunan kepada Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis Daerah adalah tidak mencukupi. Perlulah dititikberatkan bahawa bantuan Geran Tahunan diberikan kepada penguasa-penguasa tempatan pada tiap-tiap tahun itu adalah bertujuan untuk membantu penguasa-penguasa tempatan di dalam kekurangan kewangan semasa yang dihadapi oleh mereka dan bukanlah untuk menampung semua perbelanjaan penguasa-penguasa tempatan. Dengan adanya bantuan yang serupa ini adalah diharapkan penguasa-penguasa tempatan dapat berusaha menambahkan kedudukan kewangannya dari masa ke semasa supaya menjadi sebuah penguasa tempatan yang berotonomi dan berdiri di atas kaki sendiri dari segi kewangan. Dari segi undang-undang dan kewangan

penguasa-penguasa tempatan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bantuan Geran Tahunan yang dikeluarkan kepada penguasa-penguasa tempatan pada tiap-tiap tahun adalah didasarkan kepada formula yang diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Permintaan supaya formula ini dipinda dengan tujuan untuk menambahkan Geran Tahunan itu telahpun dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan. Permintaan ini sedang dikaji oleh pihak Perbendaharaan.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar baru-baru ini dalam Dewan Undangan Negeri Johor yang baru lepas sehingga sampai bulan Disember peruntukan yang patut dibayar oleh Kerajaan Persekutuan hingga sampai hari ini kepada Majlis-majlis Tempatan ini tidak diberi lagi oleh sebab Kerajaan Negeri Johor tidak dapat duit itu dan tak beri kepada majlis Daerah. Ini soalan saya yang pertama.

Yang kedua, dengan sebab lambatnya tambahan peruntukan yang patut diberi kepada Majlis-majlis Daerah, dengan sebab itu Majlis Daerah menaikkan cukai beribu kali ganda kerana hendak menutup perbelanjaannya, peruntukan daripada Persekutuan belum dapat lagi. Umpamanya bagi Daerah Muar beribu persen naik kerana menutup perbelanjaan kerana duit tidak dapat daripada Persekutuan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama saya sedar bahawa perkara ini telah ditimbulkan dalam Dewan Undangan Negeri Johor. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kita ada beberapa bantuan, iaitu geran pelancaran dan juga geran tahunan, geran pembangunan. Bagi geran pelancaran adalah diberi mengikut peringkat demi peringkat. Saya juga sedar bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga hingga pada tahun yang lalu bantuan itu diberikan agak lambat sedikit kerana wang yang diterima oleh Kementerian saya dari pihak Perbendaharaan itu lambat. Tetapi mulai daripada tahun akan datang peruntukan akan lebih awal dihantar, iaitu pada awal tahun.

Dalam menjawab soalan yang kedua, saya tak sedar bahawa dengan sebab kelambatan wang yang dihantar kepada Majlis Daerah yang terjadi di Muar itu hingga menyebabkan pihak Majlis Daerah Muar menaikkan cukai berganda-ganda. Sepertimana saya katakan tadi wang yang diberikan itu sebagai bantuan, bukanlah sebagai untuk hendak memenuhi keseluruhan perbelanjaan atau kewangan sesuatu majlis Daerah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sepatutnya penilaian itu dijalankan tiap-tiap 5 tahun sekali. Apa yang saya maklum, setengah-setengah Majlis daerah mungkin terlampau lama sangat dinilai, ada setengahnya 10 tahun, 20 tahun maka bila dibuat penilaian itu agak taklah begitu tinggi kalau dibandingkan dengan majlis-majlis Daerah yang lain, tetapi oleh kerana terlampau lama tak dinilai mungkin kenaikan daripada yang sebelum masa 20 tahun itu agak kalau dibandingkan nampaklah kenaikan itu terlampau banyak. Yang sebenarnya perkara itu memanglah sudah ada dalam perhatian pihak Kementerian.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Sebagaimana yang diketahui geran ataupun pemberian yang diberi kepada Majlis-majlis Daerah ataupun Perbandaran itu tidak sama di antara satu sama lain, ada berbeza, ada yang banyak ada yang sedikit. Tadi yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pemberian itu adalah berdasarkan formula. Saya ingin mahu tahu formula yang dikatakan tadi adakah berdasar di atas permintaan daripada Majlis-majlis Daerah itu sendiri, misalannya, Majlis Daerah ini minta banyak maka formulanya pun besar diberinya, yang satu lagi Majlis Daerahnya meminta sedikit sahaja maka diberi ataupun tidak begitu, yang diberikan berdasar formula Majlis Daerah sama sahaja, dengan tidak peduli sama ada Majlis Daerah itu sedikit di mana-manapun. Saya minta penjelasan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bantuan itu diberikan tidak sama antara satu Majlis Daerah dengan satu majlis Daerah mengikut formula yang telahpun dipersetujui oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ini.

Saya beri contoh, mengenai dengan formula bantuan geran tahunan, ini berasaskan kepada bilangan penduduk. Misalnya, bagi

tiap-tiap 5,000 orang yang pertama, kadarnya \$7 seorang. Kemudian selepas itu bagi 5,000 berikutnya, kadarnya \$3.50 dan bagi peringkat yang ketiga 40,000 yang berikutnya, kadarnya 50 sen seorang. Kemudian yang berasaskan dari segi pendapatan Penguasa Tempatan, bagi \$10,000 pertama hasil pendapatan yang dikutip oleh tiap-tiap Majlis Tempatan ialah \$1 bagi tiap-tiap \$1 ataupun ringgit ke ringgit. Bagi \$40,000 yang dikutip berikutnya kadarnya 50 sen tiap-tiap \$1 dan seterusnya bagi \$50,000 yang berikutnya ialah 10 sen bagi tiap-tiap \$1. Maka dengan formula-formula ini dan ada formula yang lain bagi geran pembangunan dan sebagainya maka dengan demikian jumlah bantuan-bantuan, khususnya bagi geran pembangunan tentulah tak sama berdasarkan jumlah hasil yang dipungut oleh tiap-tiap Majlis Daerah dan juga jumlah penduduk, maknanya kalau daerah-daerah itu banyak kutipannya ada harapan dia akan dapat bantuan yang banyak dengan tujuan kita hendak menggalakkan setiap Penguasa Tempatan ini menambah pendapatannya untuk hendak menjalankan pentadbiran di tiap-tiap Majlis yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

PERUSAHAAN PELANCONGAN DI BANDAR IPOH

8. Dato Chin Kim Yoong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lalulintas sama ada dari utara atau dari selatan tidak melalui bandar Ipoh dan dengan demikian tidak memajukan perusahaan pelancongan di bandar Ipoh dan jika sedar sama ada beliau ada apa-apa rancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk memajukan perusahaan itu di bandar Ipoh.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang sedar bahawa lalulintas sama ada dari utara atau dari selatan tidak melalui bandar Ipoh tetapi Kementerian tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat

bahawa kedudukan yang sedemikian tidak memajukan perusahaan pelancongan di bandar Ipoh. Kedudukan sesebuah bandar bukanlah merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan sesebuah bandar itu boleh menjadi satu destinasi pelancongan. Sebagai contoh beberapa kawasan di Negeri Perak seperti Cameron Highlands dan Pangkor adalah merupakan kawasan yang menjadi tumpuan para pelancong sungguhpun ianya terletak jauh dari lebuhraya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan pada tahun 1975 telah menyediakan satu kajian pembangunan pelancongan seluruh negara dan bagi bandar Ipoh beberapa perakuan-perakuan telah dikemukakan. Mengikuti kajian tersebut bandar Ipoh adalah sesuai dimajukan sebagai pintu masuk dan bertolak bagi pelancong-pelancong ke destinasi-destinasi pelancongan yang banyak terdapat di Negeri Perak sendiri seperti Pangkor/Lumut, Pulau Sembilan, Bukit Maxwell, Bandar Di Raja Kuala Kangsar dan Cameron Highland. Dalam konsep ini bandar Ipoh perlu dibangunkan dengan kemudahan-kemudahan penginapan yang bertaraf antarabangsa. Keperluan-keperluan lain seperti ejensi-ejensi pelancongan, kemudahan seperti kompleks membeli belah dan pertunjukkan-pertunjukkan kebudayaan, hiburan dan sebagainya hendaklah juga terus dimajukan untuk para pelawat. Bandar Ipoh sendiri mempunyai beberapa sumber yang dapat menarik perhatian para pelancong seperti bukit-bukit batu kapur di mana terdapatnya kuil-kuil Hindu dan Budha yang terkenal, contohnya, Kuil Sam Poh Tong dan Kuil Perak Tong. Bandar Ipoh yang terkenal sebagai pusat bijih timah dunia, dapat menjadikannya satu tema untuk menarik para pelancong.

Dalam tahun 1980 Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah menyediakan satu kajian kejuruteraan dan pelan induk pelancongan bagi kawasan Pangkor/Lumut sebagai satu langkah untuk memajukan perusahaan pelancongan di Negeri Perak. Bagi kawasan-kawasan lain, pihak-pihak swasta telahpun menunjukkan minat mereka untuk memajukan industri pelancongan dengan membina kemudahan-kemudahan penginapan dan rekreasi. Dengan majunya

kawasan-kawasan disekelilingnya, bandar Ipoh akan menjadi lebih penting sebagai satu destinasi pelancongan di negara kita.

Adalah diharapkan pihak-pihak swasta atau Kerajaan Negeri sendiri mengambil peluang ini untuk memajukan perusahaan pelancongan di bandar Ipoh khususnya Negeri Perak amnya.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

9. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau mengakui bahawa laporan Ketua Audit Negara adalah terlewat dalam pengumumannya, misalnya laporan tahun 1977 hanya dibentangkan pada tahun 1981 (Empat tahun kebelakangan) dan sama ada beliau akan mengarahkan supaya laporan itu disediakan lebih awal lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Kerajaan sedar tentang kelewatan laporan Ketua Audit Negara dan pihak Ketua Audit telahpun mengambil langkah-langkah perlu untuk mengemukakan Laporan Audit Tahunan kepada Dewan beberapa segera yang boleh. Ketua Audit Negara bercadang mengemukakan laporannya dalam beberapa bahagian. Laporan yang pertama akan mengandungi ulasan-ulasan beliau di atas Kira-kira Persekutuan dan ianya akan diedarkan sebaik sahaja kira-kira tahunan selesai diaudit. Adalah diharap kelewatan tidak akan timbul lagi berkenaan laporan itu di masa hadapan.

Bahagian kedua laporan Ketua Audit Negara akan meliputi ulasan ke atas operasi dan aktiviti-aktiviti kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Proses persediaannya akan memakan masa tetapi ia akan diselenggarakan dengan seberapa segera yang boleh pada masa-masa yang akan datang. Suka saya nyatakan bahawa Laporan Audit bagi tahun 1978 dan 1979 akan dibentangkan pada awal tahun hadapan.

PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)

10. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar nyatakan keadaan kemajuan dan tempoh

operasi dijangka Pusat Penyelidikan Nuklear—Pusat Tenaga Atom Tun Dr Ismail ditubuhkan pada tahun 1979 untuk mengusahakan latihan dan penyelidikan teknologi nuklear bagi pertanian, perusahaan dan perubatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas minat beliau terhadap PUSPATI. Kemajuan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail boleh ditinjau dari segi pembinaan bangunan makmal serta kemudahan-kemudahannya, pembinaan reaktor nuklear, perolehan alat penyelidikan dan juga penyediaan kakitangan terlatih.

Kerja-kerja pembinaan bangunan makmal serta kemudahan-kemudahan infrastruktur Pusat tersebut telah bermula pada bulan Januari 1980 dan dijangka siap keseluruhannya pada bulan Julai 1982. Kemajuan pembinaan setakat ini ialah 70% siap.

Komponen-komponen reaktor nuklear penyelidikan jenis Triga Mk II yang dibeli dari Amerika Syarikat, telah tiba di Malaysia dan kerja-kerja menyusunbina di Pusat tersebut dijangka siap dan akan diuji menjelang akhir bulan Jun 1982 iaitu serentak dengan siapnya kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan tersebut.

Alat-alat penyelidikan yang diperlukan oleh Pusat tersebut telahpun dikenalpasti dan akan dibeli secara berperingkat-peringkat. Sebahagian kecil dari alat-alat ini telahpun di perolehi, diuji dan digunakan untuk kerja-kerja penyelidikan asas.

Dalam usaha melatih kakitangan-kakitangan PUSPATI, sebilangan besar kakitangan telah dilatih di luar negeri dalam berbagai bidang teknologi nuklear sama ada kursus jangka pendek, bekerja sambil belajar, mahupun dalam kursus ijazah lanjutan.

Sungguhpun kompleks bangunan tersebut belum siap, tetapi PUSPATI telahpun dapat menyediakan latihan serta memberi perkhidmatan dalam bidang teknologi nuklear, dengan kerjasama agensi-agensi seperti SIRIM, Universiti Teknologi Malaysia dan IAEA (Agensi Antarabangsa Tenaga

Atom). PUSPATI telah menjalankan kursus-kursus latihan peserta-peserta tempatan dalam bidang penggunaan teknik radioisotop dan alat-alat nuklear. Kursus-kursus latihan yang telah dijalankan adalah kursus penyenggaraan alat-alat nuklear dan kursus "Train the Trainers". Di samping itu PUSPATI telah menganjurkan seminar-seminar seperti berikut:

- (i) Penggunaan Teknik-teknik Nuklear Dalam Perubatan (September 1980)
- (ii) Penggunaan Teknik-teknik Nuklear Dalam Pertanian dan Alam Sekitar (Jun 1981)
- (iii) Penggunaan Teknik-teknik Nuklear Dalam Perindustrian (November 1981)

dan seminar yang akan diadakan tahun depan ialah—

- Penggunaan Reaktor Penyelidikan Triga Mark II (dijangka diadakan pada Julai 1982)

Kursus-kursus ini adalah untuk memperluaskan teknik-teknik nuklear kepada pihak-pihak yang berkenaan. Dengan siapnya pembinaan reaktor menjelang pertengahan tahun hadapan, PUSPATI akan dapat mempertingkatkan lagi usaha-usahanya dalam mengembangkan penggunaan teknik-teknik nuklear di dalam berbagai bidang seperti pertanian, perubatan dan perindustrian, sebagai sumbangan Pusat tersebut terhadap usaha-usaha pembangunan negara.

PASARAN SAHAM MEROSOT

11. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebabnya Pasaran Saham di negara ini sangat merosot.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya percaya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada kejatuhan harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Kejatuhan harga saham yang mendadak baru-baru ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang melemahkan atau "bearish" termasuk prestasi yang lemah di dalam

pasaran barangan, kenaikan kadar faedah, kekurangan kemudahan pinjaman bank untuk membiayai pembelian saham dan kedudukan imbalan pembayaran yang lemah.

PENGELUARAN BERAS NEGARA

12. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan taraf menampung keperluan beras dalam negeri ini terutama antara bekalan tempatan dan penggunaan dan sama ada jurang itu jika ada akan menimbulkan satu krisis bagi negara ini dan tindakan-tindakan yang diambil supaya menjamin bahawa negara ini mempunyai bekalan yang secukupnya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Mengikut perangkaan yang ada pengeluaran beras negara adalah dianggarkan lebihkurang 15% lebih rendah daripada permintaan atau keperluan. Bagi tahun 1981 pengeluaran beras adalah dianggarkan sebanyak 1.4 juta tan metrik berbanding dengan keperluan yang dianggarkan berjumlah sebanyak 1.67 juta tan metrik. Kekurangan pengeluaran beras bagi tahun 1981 berbanding dengan keperluan adalah 15.5%.

Kerajaan menerusi Lembaga Padi dan Beras Negara mengimpot keseluruhan kekurangan keperluan beras tahunan dari negara-negara pengekspor beras. Bagi tahun 1981 Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengimport sebanyak 243,000 tan metrik beras.

Bagi menjamin supaya negara ini mempunyai bekalan beras yang secukupnya, kerajaan telah memutuskan supaya LPN menyimpan dan menyenggara suatu stokpail padi dan beras yang cukup bagi menghadapi dan mengatasi segala kecemasan.

INSTITUSI PELAJARAN PERSENDIRIAN/ SWASTA

13. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan terhadap penipuan oleh Institusi-institusi pelajaran persendirian/swasta yang menjalankan kempen dari rumah ke rumah memungut wang pendahuluan bagi maksud pelajaran yang tidak diketahui tujuannya.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Pelajaran dimaklumkan bahawa sehingga bulan Oktober 1981, pihak polis belum menerima sebarang laporan mengenai kegiatan institusi pelajaran persendirian/swasta yang menjalankan kegiatan memungut wang dari rumah ke rumah bagi maksud pelajaran. Sehingga kini Kementerian Pelajaranpun belum menerima laporan atau aduan mengenai kegiatan tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya kegiatan seperti ini berlaku adalah diharapkan ianya dilaporkan segera kepada pihak polis atau Kementerian Pelajaran/Jabatan Pelajaran Negeri supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dengan segera. Tindakan Kementerian Pelajaran mungkin melibatkan pembatalan pendaftaran institusi-institusi pelajaran swasta yang berkenaan.

Sehubungan dengan perkara ini, perlu dimaklumkan bahawa satu kes telah dilaporkan kepada pihak polis pada 17hb April, 1976 mengenai kegiatan penipuan oleh sebuah syarikat swasta yang telah mengiklankan kursus-kursus tempatan dan luar negeri dalam akhbar tempatan dan menjemput pemohon-pemohon untuk mengikuti kursus tersebut dengan bayaran yuran sejumlah \$80/- tiap-tiap satu. Orang yang terlibat telahpun didakwa di mahkamah dan kes mengenainya belum lagi selesai.

KANUN TANAH NEGARA DALAM BAHASA MALAYSIA

14. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bila naskah sah Kanun Tanah Negara boleh dicetak dalam Bahasa Malaysia memandangkan bahawa Kanun Tanah Negara kita itu patut sangat difahami oleh orang ramai yang mempunyai tanah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Kerajaan memang bercadang untuk menterjemahkan Kanun Tanah Negara dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam pentadbiran tanah harian, rujukan undang-undang tersebut ada dibuat dalam Bahasa Malaysia.

Buku Panduan Pentadbiran Tanah yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, adalah menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara dan bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam di dalam urusan hal-ehwal pentadbiran tanah kepada Pegawai Pentadbiran Tanah dan orang ramai. Sungguhpun pada amnya Kanun Tanah Negara belum lagi diterjemahkan tetapi bab-bab di dalamnya untuk kepentingan rakyat sudah dibuat seperti dalam buku Panduan Pentadbiran Tanah itu.

BUKU "THE MALAY DILEMMA"

15. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada:

- (a) buku "The Malay Dilemma" akan digunakan sebagai buku teks atau buku bacaan tambahan di sekolah-sekolah menengah atau di universiti-universiti negeri ini; jika ya, nyatakan bila akan mula digunakan; dan
- (b) terjemahan buku ini ke dalam Bahasa Kebangsaan telah dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan jika tidak berikan sebab-sebabnya.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kementerian Pelajaran buat masa ini, tidak bercadang hendak menjadikan buku "The Malay Dilemma" ini sebagai buku teks di sekolah-sekolah menengah atau universiti-universiti.
- (b) Dewan Bahasa dan Pustaka tidak menterjemahkan buku ini ke dalam Bahasa Malaysia kerana buku ini diterbitkan oleh sebuah penerbit lain.

KATIL KELAS DUA DI HOSPITAL DAERAH DUNGUN

16. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah pihak Kementerian akan menambahkan katil-katil di Wad Kelas Dua bagi Hospital-hospital Daerah

khasnya di Hospital Daerah Dungun yang hanya ada 4 katil sahaja (dua katil untuk pesakit lelaki dan dua untuk pesakit perempuan); dan

- (b) sama ada peruntukan 4 katil seperti di Daerah ini juga diperuntukkan di Hospital-hospital Daerah yang lain di seluruh Malaysia.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 7 buah katil Kelas Dua di Hospital Daerah Dungun. 3 katil ialah untuk pesakit lelaki dan 2 untuk pesakit perempuan di Unit Perubatan. Ada jua 2 katil lagi untuk pesakit perempuan di Unit Perbidanan dan Sakitpuan.

Pada tahun 1982, 2 katil Kelas Dua untuk pesakit lelaki akan ditambah lagi untuk menjadikan sejumlah 9 buah katil di Kelas Dua.

Kementerian akan menambahkan bilangan katil Kelas Dua di hospital-hospital daerah lain apabila dan di mana perlu dengan berpandukan kepada kadar kegunaan katil-katil itu.

- (b) Jumlah katil-katil Kelas Dua di hospital-hospital Daerah adalah ditetapkan berdasarkan kepada keperluan dan kadar pengisian (occupancy rate) bagi katil-katil itu dan jua jumlah muatan bagi katil-katil pada keseluruhannya di hospital tersebut.

ISTERI ASING WARGANEGARA MALAYSIA

17. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan rancangan Kerajaan mengenai masalah isteri-isteri asing warganegara Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini Kerajaan telahpun menetapkan dasar berkenaan dengan isteri-isteri asing kepada warganegara.

Semua isteri asing yang berkahwin sebelum 6-2-1980, tanpa mengira tarikh mereka memohon Permit Masuk, mereka akan dibenarkan tinggal di negara ini di atas pas lawatan (sosial) dari setahun ke setahun selama lima tahun. Hanya selepas jangka masa tersebut permohonan permit masuk mereka akan dipertimbangkan.

Bagi mereka yang berkahwin selepas 6-2-1980 pula, mereka akan dibenarkan masuk sebagai pelawat biasa di pintu masuk. Selepas itu pas lawatan (sosial) mereka akan dilanjutkan selama 6 bulan. Setelah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen, mereka akan dibenarkan tinggal seterusnya di atas pas lawatan (sosial) setahun ke setahun selama lima tahun. Hanya selepas jangkamasa tersebut, barulah mereka ini layak membuat permohonan permit masuk.

Walau bagaimanapun, saya sukalah juga menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kemudahan ini hanyalah diberikan kepada isteri warganegara sahaja. Sekiranya berlaku perpisahan atau penceraian maka kemudahan ini akan ditarik balik.

ANAK SYARIKAT

18. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahldin Aljamlud minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) dasar Kerajaan mengenai penubuhan anak-anak syarikat (subsidiaries) dan usaha-sama (joint-venture) yang berdaftar di bawah Akta Kompeni oleh Syarikat Kerjasama yang berdaftar di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama dan mempunyai prinsip-prinsip yang tertentu; dan
- (ii) sistem kawalan yang dikenakan oleh Ketua Pendaftaran Koperasi di atas anak-anak syarikat dan usaha-usaha sama itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi Junid):

- (i) Sebenarnya koperasi tidak menubuhkan sesuatu syarikat anak; koperasi cuma memperolehi syarikat anak itu dengan melabur wang dalam modal ekuitinya sehingga lebih dari

50%. Syarikat itu ditubuh atau diasaskan oleh "subscribers" yang mungkin terdiri dari ahli-ahli atau bukan ahli. Ada kalanya sesuatu syarikat yang kemudiannya menjadi syarikat anak kepada koperasi itu pada mulanya berupa syarikat sekutu (associated company) dalam mana koperasi memegang syer minoriti sahaja. Kerajaan tiada halangan koperasi memperolehi syarikat anak. Akan tetapi sebelum melaburwang dalam modal ekuiti sesuatu syarikat, sama ada untuk menjadikan syarikat itu syarikat anak atau syarikat sekutunya, koperasi hendaklah mendapat kebenaran Ketua Pendaftar menurut kehendak Ordinan Koperasi. Bagi menimbang sesuatu permohonan untuk kebenaran yang demikian Ketua Pendaftar meminta koperasi yang memohon itu mengemukakan keterangan-keterangan lengkap, termasuk kajian; kemungkinan (feasibility study) dan laporan penilaian (valuation report), dan sebelum membuat keputusan Ketua Pendaftar merujuk kepada satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Pembangunan Koperasi.

- (ii) Kawalan secara langsung ke atas syarikat-syarikat anak tidak boleh dikenakan kerana syarikat-syarikat itu berdaftar di bawah Akta lain dan berada di luar bidangkuasa Ketua Pendaftar Koperasi. Bagaimanapun, kawalan secara tidak langsung boleh dan sedang dibuat oleh Ketua Pendaftar menurut peruntukan Ordinan No. 33/48 yang antara lain:
 - (a) mewajibkan koperasi menyediakannya akaun-akaun yang disatukan (Consolidated Account) meliputi akaun syarikat anaknya;
 - (b) menghendaki Juruodit melapor kepada Ketua Pendaftar akan akaun-akaun yang disatukan itu;
 - (c) meluluskan akaun-akaun itu sebelum dibentang kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli dan

- (d) mewajibkan Lembaga Pengarah melapor kepada Mesyuarat Agung akan keadaan dan perjalanan syarikat-syarikat anak.

RADIO MALAYSIA— PENERBITAN RANCANGAN

19. Datuk G. Pasmanickam minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Radio Malaysia dengan mengadakan sistem unit sebanyak 6, mutu penerbitan rancangan telah jatuh merosot terutamanya dari segi bahasa semua kaum disebabkan tidak terdapat satu ketua yang pakar dan mahir dalam bahasa-bahasa itu untuk mengawasi mutu rancangan-rancangan dan dalam keadaan ini sama ada Kementerian bercadang menghapuskan sistem ini dan membawa semula sistem lama iaitu melantik ketua untuk setiap bahagian.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Bahagian rancangan Radio terbahagi kepada beberapa Perkhidmatan Penerbitan Rancangan iaitu:

1. Perkhidmatan Persembahan
2. Perkhidmatan Hiburan
3. Perkhidmatan Pembangunan dan Pertanian
4. Perkhidmatan Hal Ehwal Awam
5. Perkhidmatan Drama dan
6. Perkhidmatan Ugama dan Dakwah

Kesemua rancangan yang diterbitkan oleh Perkhidmatan-perkhidmatan ini disiarkan melalui Rangkaian-rangkaian tertentu, iaitu:

1. Rangkaian Nasional
2. Rangkaian Biru
3. Rangkaian Hijau dan
4. Rangkaian Merah

Sistem ini, yang telah berjalan sejak tahun 1973, antara lain adalah bertujuan untuk menghapuskan tembok-tembok perkauman, di samping mewujudkan perpaduan antara kaum di negara kita tanpa menjejaskan kepentingan satu-satu kaum—tidak seperti dahulu apabila sistem Perkhidmatan Bahasa seperti Perkhidmatan Bahasa Melayu,

Perkhidmatan Inggeris, Perkhidmatan China dan Perkhidmatan India dilaksanakan.

Di bawah sistem yang ada sekarang ini mutu rancangan tidak terjejas langsung, bahkan tiap-tiap Perkhidmatan Penerbitan Rancangan adalah "specialised" dalam lapangan masing-masing dan dapat menumpukan perhatian terhadap kandungan, penerbitan dan mutu rancangan dengan lebih baik lagi.

Soal kemerosotan mutu bahasa bagi tiap-tiap kaum berkenaan tidak timbul, kerana tiap-tiap Rangkaian atau Perkhidmatan Penerbitan Rancangan mempunyai seorang pegawai kanan yang menyelia rancangan-rancangan bukan saja dari segi mutu penerbitan bahkan juga dari segi mutu Bahasanya.

Setakat ini, Kementerian Penerangan tidak bercadang menghapuskan sistem ini dan menghidupkan semula sistem lama.

PESAWAT IBU KOMPUTER

20. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa pesawat ibu komputer telah diambil oleh pejabat-pejabat dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, dan berapa harga kesemuanya;
- (b) berapa jam purata seminggu pesawat-pesawat ini digunakan; dan
- (c) berapa pakar-pakar dan pekerja-pekerja digunakan untuk menjalankan pesawat-pesawat ini.

Tjmbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat sehingga akhir tahun 1980 sebanyak 21 pesawat ibu komputer telah dibeli oleh pejabat-pejabat dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Pesawat ibu komputer yang dimaksudkan di sini ialah sebarang sistem komputer yang mempunyai saiz 'Memory' atau Unit Pemerosesan Pusat (CPU) lebih dari 1 Mega bytes. Harga bagi semua pesawat ibu komputer

tersebut ialah berjumlah kira-kira \$37.5 juta.

Bagi tahun 1981 pula, sehingga bulan November yang lalu Jawatankuasa Prosesan Data Otomatik (JPDO) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan 7 permohonan dari berbagai agensi kerajaan untuk membeli pesawat ibu komputer yang harganya berjumlah kira-kira \$15 juta.

- (b) Penggunaan pesawat-pesawat tersebut dari segi jumlah jam dalam seminggu adalah berbeza di antara satu pesawat dengan satu pesawat yang lain, bergantung kepada keadaan dan jenis kerja yang dilakukan oleh pejabat-pejabat dan agensi-agensi kerajaan berkenaan. Dalam keadaan yang biasa penggunaannya adalah mengikut waktu pejabat (antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang). Di pejabat-pejabat dan agensi-agensi kerajaan yang tertentu di mana kerja-kerja mesti disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan, seperti Sistem Memproses Data di Lembaga Peperiksaan, Pejabat Akauntan Negara dan lain-lain, masa penggunaan komputer adalah di antara jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam atau lebih lewat lagi.

Oleh itu secara purata pesawat-pesawat ibu komputer digunakan di antara 44 jam hingga 80 jam atau lebih dalam seminggu mengikut keadaan dan jenis kerja yang dilakukan oleh pejabat-pejabat dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

- (c) Pada amnya, kakitangan yang terlibat secara langsung dengan perjalanan operasi komputer adalah terdiri dari Juru Analisa Sistem, Pengatur Program Komputer dan Operator Konsol. Jumlah pegawai-pegawai ini dalam perkhidmatan kerajaan sehingga bulan Mei 1981 ialah 105 untuk Juru Analisa Sistem, 114 untuk Pengatur Program Komputer dan 105 untuk Operator Konsol. Bagaimanapun, jumlah ini bukanlah meliputi pegawai-pegawai bagi pesawat-pesawat ibu komputer,

bahkan meliputi juga jenis-jenis komputer yang lebih kecil.

PENCEMARAN AIR

21. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang diambil terhadap pencemaran air yang sering berlaku di kawasan Pulau Aman, Kuala Juru dan sekitarnya di Seberang Perai yang sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan kaum nelayan di kawasan-kawasan tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator di atas minat beliau terhadap masalah pencemaran khasnya yang menjejaskan kehidupan nelayan.

Ingin saya menegaskan yang Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan pencemaran alam sekeliling khasnya yang menjejaskan kehidupan golongan pendapatan rendah dan telah mengambil tindakan-tindakan tegas. Misalnya, kes pencemaran air oleh tumpahan minyak di kawasan Pulau Aman telah diselesaikan dengan cepat. Siasatan oleh pegawai-pegawai Alam Sekitar menunjukkan yang tumpahan minyak di Pulau Aman berpunca dari Janaletrik LLN di Seberang Perai. Tindakan serta-merta telah diambil untuk mengawal pencemaran dari punca ini.

Berkenaan dengan kawasan Kuala Juru juga, Kementerian saya telah mengesan punca-punca pencemaran dari kilang-kilang perindustrian kumbahan domestik serta buangan dari aktiviti ternakan babi dan tindakan yang sewajarnya telah diambil dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan khasnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Untuk mengatasi pencemaran dari kawasan perindustrian di Seberang Perai yang akan mengambil masa, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MAJUJIKAN telah melancarkan rancangan seperti Rancangan Ternakan Kerang untuk nelayan-nelayan di Kuala Juru. Adalah didapati yang pendapatan nelayan-nelayan tersebut adalah lebih lumayan dari penangkapan ikan biasa mengikut laporan akhbar.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil di bawah peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dan akan diambil. Sejak 15 Julai 1981, Kementerian saya telah menubuhkan satu pejabat di Butterworth supaya tindakan-tindakan yang cepat dan berkesan dapat diambil terhadap masalah pencemaran bagi kawasan-kawasan Di Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta Utara Perak.

Oleh yang demikian, masalah pencemaran di kawasan Pulau Aman, Kuala Juru dan sekitarnya di Seberang Perai tidak lagi sering berlaku sehingga ianya menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan.

ISTERI ASING DIBERI TARAF WARGANEGARA MALAYSIA

22. Datuk Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah isteri-isteri asing (foreign wives) yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi tahun 1980 dan 1981.

Dato' Musa Hitam: Jumlah permohonan kewarganegaraan daripada isteri-isteri asing yang telah diberi taraf warganegara Malaysia bagi tahun 1980 ialah sebanyak 958 orang, dan bagi tahun 1981 pula ialah sebanyak 455 orang.

KEMASUKAN UBAT-UBAT—KAWALAN

23. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan kawalan lebih ketat terhadap kemasukan ubat-ubat ke negara ini di masa akan datang dengan memeriksa atau menyelidikinya terlebih dahulu tentang kesan-kesan sampingannya terhadap kesihatan awam sebelum membenarkan ubat-ubat tersebut dibawa masuk dan dijual di negara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Langkah-langkah kawalan sedang diambil ke atas ubat-ubat sama ada racun atau bukan racun yang mengandungi bahan-bahan mudarat pada kesihatan di bawah Ordinan Racun 1952 dan Ordinan Penjualan Makanan dan Ubat 1952.

Adalah menjadi sebahagian dari program Kementerian Kesihatan untuk mengawal semua import-import ubat. Bagi tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan dalam tahun 1979 untuk menjalankan pemeriksaan ke atas ubat-ubat yang disyaki mengandungi bahan-bahan mudarat pada kesihatan seperti racun berjadual dan pencemaran-pencemaran (contaminants).

Sejak tahun 1979, Kementerian telah mengadakan pengawasan ke atas import-import ubat di tempat kemasukan Kastam (Custom Entry Points), dengan memeriksa salinan-salinan borang perakuan kastam jua. Pada masa ini, tindakan sedang diambil untuk menambah lagi bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa supaya pemeriksaan yang lebih teliti dapat dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi lain di tempat kemasukan kastam. Rundingan telah diadakan dengan wakil-wakil Malaysian Pharmaceutical Trade and Manufacturers Association dan Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries mengenai kawalan ke atas mutu ubat-ubat yang diimport dan dikilang secara tempatan.

Di samping itu perhubungan rapat jua diadakan dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, dan Kastam supaya peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal pengeluaran, import, jualan dan penggunaan semua ubat boleh dikuatkuasakan dengan lebih berkesan lagi.

ORANG-ORANG PELARIAN—BILANGAN

24. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pelarian yang masuk ke Malaysia semenjak bulan Januari tahun 1981; dan
- (b) sama ada beliau sedar pelarian-pelarian yang bukan benar-benar refugees datang ke negara ini melalui 'organised syndicate' dengan harapan mereka akan di tempatkan ke negara ketiga dan apakah tindakan yang diambil untuk mengelakan penipuan ini.

pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir dan tidak mahir, hendaklah menggambarkan komposisi kaum di negara ini. Walau bagaimanapun bagi setengah syarikat-syarikat asing ada juga diberikan kelonggaran bagi mereka mempunyai jawatan-jawatan penting (key posts) yang dihaskan bagi diisi oleh rakyat-rakyat asing tetapi pada keseluruhannya adalah menjadi harapan dasar Kerajaan juga untuk sebuah syarikat ataupun perusahaan itu sama ada asing atau tempatan mempunyai kedudukan pengambilan pekerja dan tenaga manusia yang menggambarkan komposisi kaum di negara ini. Itulah dasar Kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi meliputi syarikat-syarikat yang baru sahaja. Tuan Yang di-Pertua, semalam ada satu Kedutaan asing mengeluarkan satu laporan menyatakan penyusunan semula pemilikan modal dalam sektor syarikat di negara kita ini seperti digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru jauh sekali untuk dicapai. Satu daripada sebabnya adalah syarikat-syarikat yang telah lama di negara kita cuma akan menyusun semula pemilikan modal bila syarikat-syarikat ini menambah modal-modal mereka yang diperolehi daripada keuntungan atau pertumbuhan.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan mendesak syarikat-syarikat yang lama yang bertempat di negara kita ini untuk menyusun semula pemilikan modal mereka dengan tidak menunggu pembesaran modal-modal mereka daripada keuntungan yang berlipat ganda?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat sama ada hendak menggunakan pandangan dan pendapat daripada sebuah Kedutaan asing sebagai asas pandangan kita sendiri terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kalau digunakan pandangan daripada Kedutaan asing seolah-olah pula kita mengatakan bahawa Kedutaan asing sebuah negara yang begitu besar mempunyai maklumat yang lebih dan mengetahui dengan lebih apa yang dilakukan oleh Kerajaan sendiri. Sebenarnya, apa yang disebutkan

oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah untuk menyusun semula syarikat-syarikat yang sudah lama ditubuhkan di negara ini sedang dijalankan dan memang dijalankan sebagai satu usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Setakat itulah jawapan saya dan sebagai jaminan Kerajaan bahawa Kerajaan ingin mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru dan tidak kiralah apa yang disebutkan oleh satu kedutaan asing dengan angka-angkanya tersendiri pula berlainan pula dengan angka-angka kita. Jadi, terpulang kepada kita sama ada hendak menerima kenyataan daripada kedutaan asing ataupun kenyataan daripada pihak Kerajaan sendiri yang memang serius terhadap pencapaian matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BERPAKAIAN SERAGAM

4. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bentuk bantuan yang diberi kepada pertubuhan-pertubuhan berpakaian seragam yang menjalankan kegiatan di luar bilik darjah di sekolah-sekolah, seperti Pasukan Pengangkap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi pertolongan kepada pertubuhan-pertubuhan berpakaian seragam dengan berbagai cara seperti khidmat-nasihat, kerjasama dalam menjalankan programnya dan juga sedikit sebanyak subsidi yang difikirkan sesuai untuk menjalankan projek-projek.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apabila sudah mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, suka saya membuat soalan tambahan ini. Baru-baru ini ada sebuah Pertubuhan Putri Islam yang telah ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara ini. Adakah Kementerian ini bercadang juga untuk memberi apa-apa

Dato' Musa Hitam: Jumlah orang pelarian yang memasuki negara ini semenjak Januari, 1981 ialah seramai 1,700 orang.

Orang-orang pelarian ini tidaklah bermaksud untuk pergi ke mana-mana negara ketiga. Tujuan mereka adalah semata-mata untuk mencari perlindungan sementara di negeri ini sehingga suatu masa kelak apabila keadaan membolehkan mereka kembali semula.

Oleh yang demikian, masalah kemasukan mereka ini yang dikatakan dikelolakan oleh sendiket untuk membolehkan mereka ditempatkan di negara-negara ketiga tidak timbul.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG WAKTU STANDARD MALAYSIA

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai waktu standard di seluruh Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN—PERATURAN MESYUARAT DEWAN NEGARA

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah dibentangkan sebagai Kertas Nombor DN. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasakan mulai daripada tarikh penerimaannya.

Laporan ini mengemukakan beberapa pindaan kepada Peraturan-peraturan mesyuarat Dewan Negara.

Pindaan yang pertama ialah berkenaan dengan teks Doa dalam Bahasa Kebangsaan. Pada masa ini ada dua bentuk doa dalam Bahasa Kebangsaan yang tertulis dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Tujuan pindaan ini ialah untuk memotong satu daripada doa tersebut. Dengan memotong satu daripada doa itu maka tinggalah satu sahaja doa di dalam Bahasa Kebangsaan yang tertulis dalam peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara dan doa itu ialah doa yang dibaca sekarang ini pada tiap-tiap hari dimulakan persidangan Dewan, iaitu doa yang bermula dengan bacaan "Bismillah-irrahmanirrahim".

Pindaan yang kedua, ialah berkaitan dengan waktu Persidangan Dewan pada hari Jumaat. Tujuan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 11 (1) ialah bagi memperuntukkan supaya persidangan pada hari Jumaat hendaklah dimulakan pada pukul 3.00 petang dan berakhir pada pukul 7.00 malam. Dengan pindaan yang dicadangkan ini adalah diharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat dapat hadir di Persidangan Dewan yang mulia ini dengan tidak tergojoh-gojoh.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 15 (1) dan (2) adalah berbangkit daripada pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 11 (1). Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17 (2) bertujuan hendak menukarkan perkataan "Mesyuarat" dengan perkataan "Persidangan" supaya bersesuaian dengan takrifan Persidangan.

Yang akhirnya, ialah pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat 88. Tujuan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ini ialah untuk mengemaskinikan takrifan syarat yang terdapat di dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio untuk dibahas.

3.42 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit dalam membahaskan masalah doa. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih atas perubahan yang baru dibuat, tetapi eloklah juga pada pendapat saya andainya doa itu dibuat dengan secara bentuk baru dan dikeluarkan dengan rupa tulisan Jawi, tidak sepertimana yang dikeluarkan dahulu dengan tulisan Rumi. Sesiapa yang boleh membaca, ayuh bacalah; siapa yang tidak boleh, mungkin dari situ dia akan mempelajari tulisan jawi yang kita gunakan sebagai doa di dalam Majlis Dewan ini.

Yang kedua, mengenai permulaan Persidangan hari Jumaat. Perubahan inipun adalah satu perubahan yang baik. Ini memberi peluang kepada kita khusus kepada orang-orang yang beragama Islam menunaikan Fardhu Jumaat, selepas itu barangkali adalah peluang baginya untuk berihat, tetapi sekali fikir begitu, dan sekali fikir pula apakah salahnya kalau dimulakan jam 2.30 petang kerana tidak menjadi masalah rasa saya sekalian Ahli-ahli yang beragama Islam berada di sekeliling bandar Kuala Lumpur ini selepas mereka menunaikan Fardhu Jumaat tidak payah lagi berihat, sebab ini adalah satu daripada kehendak agama juga, dengan izin firman Tuhan: Faiza kubiyati sallah fantasirul filardi warda'u min fadillah wazkurullah al-kasiran, laal'alakum tuflihun. Ayat ini juga bermaksud supaya selepas menunaikan sembahyang, apa guna hendak tidur, apa guna rihat lagi, ayuh datang pergi buat kerja. Jadi terus kita datang ke sini menunaikan kewajipan kita selepas jam 2.30 petang, cukup elok bagi saya sepertimana biasa kita adakan sekarang ini. Itu sahaja, terima kasih.

3.44 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah perkara ini terbuka untuk dibahaskan maka di dalam membahaskan dan menyokong ini, rasa saya tidak payahlah diperbahaskan dengan panjang lebar bagi kami Ahli-ahli Dewan ini, kerana sudah sampai masanya perubahan ini dilaksanakan. Sepatutnya bukan hari ini dilaksanakan, bahkan sepatutnya pada masa-masa yang lampau kerana semua kita tahu

bahawa perkara ini adalah penting. Jadi dalam empat masalah ini bagi saya sendiri untuk menjalankan perbahasan yang seperti saya katakan tadi tidaklah saya hendak bercakap panjang oleh kerana perkara ini baik dilaksanakan, maka saya menyokong perkara ini.

3.45 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada teguran yang pertama yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat iaitu apa yang diucapkan atau yang diberi pandangan oleh beliau itu akan dibawa ke mesyuarat dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat nanti. Soal sama ada perlu ditulis dalam tulisan Jawi ataupun Rumi itu tidak jadi masalah itu boleh dibuat jika dikehendaki.

Berhubung dengan pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat yang kedua, beliau tidak ada apa-apa hendak berucap panjang dalam masalah ini, kerana didapati bahawa itu adalah satu perubahan yang baik, yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Sehubungan dengan ini, suka juga saya menerangkan lebih sedikit iaitu dalam doa kita ini dimulakan dengan "Bismillahirrahmanir-rahim". Ada dalam satu hadis Nabi Muhammad s.w.t. tiap-tiap pekerjaan yang dimulakan dengan "Bismillahirrahmanir-rahim" akan membawa berkat. Ertinya apa yang dibincangkan dalam mesyuarat kita ini akan membawa manfaat kepada negara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam doa ini kita dapati ada unsur-unsur tauhid, kerana kita berdoa kepada Tuhan, minta Tuhan memberi pimpinan dan perbahasan kita dalam Dewan ini, maka itu adalah satu perkara baik di dalam Islam.

Saya rasa haruslah kita merasa gembira dan bersyukur kepada Kerajaan yang telah membuat satu perubahan pada Dewan ini yang telah membuat satu pindaan yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang kemukakan Usul ini untuk diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah dibentangkan sebagai Kertas Nombor DN. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasakan mulai daripada tarikh penerimaannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Disember, 1981).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, teguran-teguran serta syor-syor yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa Perbahasan Mengenai Dasar Belanjawan 1982. Bagi menyelamatkan masa, saya akan hanya menjelaskan beberapa perkara yang saya fikir perlu dijelaskan dan lain-lain teguran serta cadangan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman telah menyentuh berkenaan dengan kejujuran dan dedikasi pegawai-pegawai Kerajaan berhubung dengan hasrat Kerajaan mempercepatkan lagi projek pengurusan dan accountability dan keseluruhan pelaksanaan rancangan pembangunannya.

Sebagai menjawabnya, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan terus berusaha untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan menambah fahaman terhadap konsep accountability antara pegawai-pegawai Kerajaan.

Kerajaan sedang dan terus berusaha untuk mengatasi kecuaihan dan kelemahan pengurusan melalui berbagai-bagai skim latihan, mengetatkan undang-undang dan peraturan-peraturan serta memberi garis-garis panduan dalam menjalankan kerja.

Kerajaan telah melancarkan satu Ethika Perkhidmatan Awam yang antara lain menghendaki seseorang pegawai itu mengikis sifat mementingkan diri sendiri dan berpegang teguh kepada ajaran agama. Kerajaan akan juga menguatkuasakan Ethika Perkhidmatan Awam ini terhadap badan-badan awam, jika ini dirasakan perlu.

Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman juga menyebut tentang penggunaan sistem kad perakam waktu (punch card).

Mengenai perkara ini ingin dijelaskan bahawa penggunaan sistem kad perakam waktu atau "punch card" di semua pejabat-pejabat Kerajaan telah dibuat untuk memastikan supaya tidak ada lagi perbuatan datang lambat, pulang sebelum waktu, dan keluar pejabat dalam waktu bekerja tanpa sebab-sebab rasmi yang penting.

Bersama-sama dengan tindakan ini Kerajaan memang menumpukan perhatian kepada soal memberi orientasi baru kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya mereka lebih bertanggungjawab dan sentiasa berusaha untuk meninggikan mutu serta hasil kerja.

Semua tindakan-tindakan baru ini adalah merupakan tambahan kepada usaha-usaha yang sedia berjalan. Program Khidmat Cemerlang tidak akan dihapuskan, malah akan diperbaiki lagi supaya galakan atau "incentive" yang diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang tekun bekerja, cekap dan jujur akan lebih bermakna dan berkesan.

Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh juga menyebut tentang masalah yang wujud dalam pentadbiran. Beliau mendakwa adanya ketidakselarasan sikap pisah-memisah di antara pegawai pentadbiran Negeri dan Pegawai Tadbiran dan Diplomatik. Adalah dimaklumkan bahawa pisah-memisah tidak wujud di dalam hubungan di antara Pegawai Tadbir Negeri dengan Pegawai Tadbir dan

Kerani dan Jurubahasa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator S. I. Rajah, saya ingin menjelaskan bahawa tindakan-tindakan perlu sekarang ini sedang diambil. Mengenai dengan cadangan menterjemahkan buku undang-undang ke Bahasa Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah, saya ingin menjelaskan bahawa penterjemahan buku undang-undang dalam Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia sedang dijalankan dengan giatnya oleh Jabatan Peguam Negara bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Senator Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar, telah menimbulkan 3 perkara iaitu:

- (i) Terdapat banyak kekosongan jawatan-jawatan awam Persekutuan di Negeri Sabah yang belum diisi dan ini menjejaskan usaha-usaha pembangunan;
- (ii) Perwakilan kuasa melantik yang lebih hendaklah diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah; dan
- (iii) Pertukaran pegawai-pegawai kanan Persekutuan di Sabah patutlah dirundingkan ataupun dimaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang berat di dalam usaha-usaha pengisian kekosongan jawatan Persekutuan di Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, terdapat kesulitan untuk mengisi kekosongan-kekosongan jawatan profesional dan teknikal, khususnya di dalam Kumpulan 'A' dan 'B'.

Tindakan-tindakan telah diambil bagi mengisi kekosongan-kekosongan jawatan Persekutuan di Sabah dengan anak-anak tempatan yang berkelayakan, dan di mana berkaitan, Pegawai-pegawai daripada Semenanjung juga ditukar bagi mengisi kekosongan-kekosongan jawatan Persekutuan jika anak-anak tempatan yang berkelayakan tidak mencukupi.

Bagi mempercepatkan usaha-usaha pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan Persekutuan di Sabah, SPA

Persekutuan telah juga memberi perwakilan kuasa melantik secara sementara kepada Setiausaha Persekutuan, Sabah bagi jawatan-jawatan di dalam Kumpulan 'A' dan 'B' mulai 1hb September, 1981, dan bagi jawatan-jawatan Kumpulan 'C' dan 'D' mulai 1hb Disember, 1981. Oleh sebab perwakilan kuasa yang diberi itu adalah menyeluruh, iaitu daripada Kumpulan 'A' hingga 'D', maka saya berpendapat soal untuk memberi kuasa melantik yang lebih kepada SPA Negeri Sabah tidaklah timbul lagi.

Saya juga mendapat tahu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah tiada halangan menerima calon-calon daripada Semenanjung ataupun daripada Sarawak bagi mengisi kekosongan-kekosongan jawatan Persekutuan di Sabah jika anak-anak tempatan yang berkelayakan tiada mencukupi.

Saya percaya dengan perubahan daripada segi pengambilan melalui perwakilan kuasa yang diberikan, serta sikap positif daripada Kerajaan Negeri Sabah itu, maka usaha-usaha pengisian kekosongan jawatan Persekutuan akan dapat dibuat dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai pertukaran pegawai-pegawai kanan Persekutuan ke Negeri Sabah, saya suka menegaskan di sini Kerajaan Persekutuan sentiasa berunding dahulu dengan Kerajaan Negeri Sabah sebelum pertukaran ketua-ketua Jabatan Persekutuan ke negeri tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, bagi pertukaran pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang bukan Ketua Jabatan, Kerajaan Negeri adalah dimaklum sebelum pertukaran itu dilakukan melalui Setiausaha Persekutuan, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sedikit sebanyak jawapan atau penjelasan saya berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan mengenai Dasar Belanjawan 1982.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain, Kerajaan akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Diplomatik. Mungkin, apa yang berlaku ialah perbezaan pendapat dan pendekatan di antara pegawai-pegawai yang berkenaan berhubung dengan Pentadbiran Negeri. Perhubungan di antara Pegawai-pegawai Tadbir Negeri dengan Pegawai Tadbir dan Diplomatik adalah dijalin dan selaras dengan sempurna oleh Ketua Pentadbiran Negeri. Bagi Negeri Perlis, Pegawai-pegawai Tadbir Negeri adalah dalam proses penyesuaian berikutan dengan menyerap Pegawai Tadbir Negeri ke dalam Perkhidmatan Persekutuan mulai daripada 1-10-1981 yang lalu. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menempatkan seramai 4 orang Pegawai P.T.D./P.T.A. ke Negeri Perlis pada awal Disember 1981, dan hubungan mereka dengan Pegawai-pegawai Tadbir Negeri adalah didapat memuaskan.

Mengenai usaha-usaha membasmi kemiskinan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman, suka dinyatakan bahawa kemajuan pesat yang telah dicapai untuk mengurangkan kadar kemiskinan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% dalam tahun 1980 bagi Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya dan dari 58.7% kepada 37.7% bagi sektor luar bandar dalam tempoh yang sama. Sungguhpun kejayaan ini telah tercapai untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini, masalah kemiskinan di luar bandar masih wujud dan usaha-usaha pembangunan akan diteruskan untuk membasmi kemiskinan. Memang nyata bahawa pembasmian kemiskinan di peringkat negeri memerlukan jentera perancangan dan pelaksanaan yang berkesan dan bagi maksud ini unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan pejabat Pegawai Kemajuan Negeri (PKN) telah ditubuhkan di semua negeri menepati hasrat-hasrat yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tanggungjawab mengenalpastikan, merancang dan menggalakkan aktiviti-aktiviti pembangunan adalah ditugaskan kepada UPEN, sementara penyelarasan, pengesanan dan penilaian kepada PKN. Selain daripada itu, agensi-agensi pelaksanaan juga ditugaskan untuk mengawasi dan menilai rancangan-rancangan serta projek-projek mereka dengan tujuan untuk menentukan kekesanannya. Pengalaman kedua-dua agensi UPEN dan PKN bersama dengan agensi-agensi

perlaksanaan telah membolehkan Kerajaan meneliti dengan berkesannya penggunaan sumber-sumber untuk pembasmian kemiskinan.

Berhubung dengan cadangan supaya Kerajaan melatih kakitangan untuk menjadikan tenaga mahir, sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Nor Mohamad adalah dimaklumkan iaitu:

1. Kerajaan senantiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan bahawa tenaga-tenaga terlatih dan mahir, terutamanya di dalam bidang-bidang kejuruteraan dan professional akan diperolehi untuk membangunkan negara kepada ekonomi perindustrian.
2. Penghantaran penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi, sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri bertambah pada tiap-tiap tahun. Jumlah penuntut-penuntut anjuran JPA dalam bidang-bidang Kejuruteraan, Senibina dan Ukur Bahan bagi tahun 1978 hingga 1981 di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri adalah juga bertambah.
3. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga sedang berusaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi tempat-tempat pengajian di luar negeri, khususnya di Amerika Syarikat, Canada, Australia dan New Zealand. Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan untuk mendapatkan tempat-tempat pengajian teknikal dan Vokasional di Korea, Jepun dan beberapa negara lagi yang mempunyai mutu teknologi yang tinggi.

Mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) beberapa perkara telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Antara lainnya Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh menyebut tentang masalah yang dihadapi oleh bakal-bakal haji dan juga peranan pegawai Tabung Haji.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Jumaah Haji bertolak ke Tanah Suci LUTH telah berkali-kali menekankan kepada mereka sama ada di

dalam Kursus-kursus Haji, taklimat mahupun melalui risalah-risalah, tentang betapa pentingnya bagi mereka memakai lencana nama mereka semasa berada di Tanah Suci.

Keengganan memakai lencana nama itulah yang menyebabkan seorang Jumaah Haji yang meninggal dunia di Bilik Orang Sesat di Bangunan LUTH Madinah pada 20 September 1981 yang lalu disalah kenaikan jenazahnya sebagai jenazah seorang Jumaah Haji dari Balik Pulau yang masih hidup.

Bagi mengelakkan perkara seperti itu daripada berlaku lagi, mulai Musim Haji tahun hadapan, semua pesakit yang dimasukkan ke Hospital Dispensari Malaysia di Tanah Suci akan dipakaikan gelang pengenalan plastik di mana ditulis nama dan No. Paspot Hajinya.

Dengan cara itu jika ada yang meninggal dunia, kesilapan mengenai pengenalan jenazah tidak akan berlaku lagi.

Mengenai cadangan LUTH hendak memberi subsidi tambang kepada Jumaah Haji pula, pihak Kerajaan perlu mengkaji dengan lebih mendalam dan dengan teliti lagi cadangan itu dari semua sudut khasnya dari segi keagamaan dan kewangan, sebelum ianya dilaksanakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad supaya Tabung Haji menjalankan projek-projek perumahan kos rendah saya sukacita menyatakan bahawa 31 Oktober 1980 yang lalu LUTH telahpun menubuhkan sebuah anak syarikatnya yang bernama Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji Sdn. Bhd.

Mengenai ucapan Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh yang mendakwa LUTH kini terlibat dalam perniagaan dan dengan demikian tidak memberi keutamaan dan pandangan yang serius terhadap bakal-bakal haji, saya suka menegaskan bahawa perkara ini adalah tidak benar.

Seperti yang tersedia dimaklum, LUTH ditubuhkan bukan sahaja untuk menjamin perlindungan, pengawalan dan kebajikan bakal-bakal haji, malah ianya juga bertujuan untuk membolehkan orang-orang Islam,

melalui wang simpanan mereka, mengambil bahagian dengan lebih berkesan lagi di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan, melalui cara yang halal di sisi Ugama Islam dan selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Dengan yang demikian, LUTH memberi keutamaan sama berat kepada kedua-dua fungsinya yang besar itu dan ianya sama sekali tidak mengabaikan perkhidmatannya kepada bakal-bakal haji baik di Malaysia mahupun di Tanah Suci.

Mengenai bakal-bakal haji kekurangan wang—bagi mereka yang benar-benar keputusan wang LUTH ada memberi pinjaman daripada Tabung Kebajikan Jumaah Haji dan jumlah pinjaman yang telah diberi pada tahun ini sahaja adalah hampir M\$50,000.00

Menyentuh tentang masalah rasuah terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi sokongan terhadap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membenteras dan mencegah amalan rasuah di negara kita tanpa mengira lapisan masyarakat sama ada golongan atasan, pertengahan dan peringkat bawahan.

Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh dan Yang Berhormat Senator Rahmah Othman dalam ucapan beliau telah menyuarakan harapannya:

- (a) langkah Kerajaan membenteraskan kegiatan rasuah perlu dilaksanakan dengan segera meliputi semua lapisan masyarakat dan juga.
- (b) Kerajaan tidak boleh bertolak ansur dalam segala kegiatan yang boleh mewujudkan kepincangan di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan; dan
- (c) pihak Kerajaan menjalankan kempen-kempen yang menyeluruh menyedarkan rakyat agar sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan pada setiap masa dalam usaha-usaha untuk membenteras rasuah.

Bagi menjawabnya saya suka menyatakan bahawa Biro Siasatan Negara pada masa sekarang sedang berusaha sedaya upaya untuk mengambil tindakan segera terhadap mereka yang mengamalkan perbuatan rasuah tanpa mengira kedudukan mereka dalam masyarakat sama ada kaya atau miskin, perpangkat tinggi atau rendah. Apa yang perlu diambil ingatan juga ialah bahawa siasatan hendaklah dilakukan dengan segera dan mutu penyiasatan juga adalah penting supaya apabila kes-kes pendakwaan terhadap mereka yang berkenaan dikemukakan kepada mahkamah maka kes-kes ini mendapat kejayaan. Kes-kes penyiasatan kadangkala terpaksa memakan masa oleh kerana faktor-faktor di luar kawalan Biro Siasatan Negara seperti saksi-saksi yang penting telah berpindah ke tempat lain dan perlu dikesan alamat barunya ataupun saksi-saksi dari warganegara asing dan sebagainya.

Berkenaan dengan harapan Yang Berhormat Senator iaitu Kerajaan tidak boleh bertolak ansur dalam segala kegiatan yang boleh mewujudkan kepincangan di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan, saya suka menegaskan bahawa memang menjadi pendirian Kerajaan tidak boleh bertolak ansur dalam perkara seumpama ini.

Berkenaan dengan mengadakan kempen-kempen yang menyeluruh dalam usaha-usaha untuk membentasi rasuah, saya suka memaklumkan bahawa Biro Siasatan Negara sedang berusaha untuk mengadakan kempen penyedaran seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu. Ada kemungkinan besar kempen kesedaran itu juga disampaikan di peringkat sekolah-sekolah.

Cadangan Yang Berhormat Senator Rahmah Othman supaya pegawai-pegawai BSN diberi latihan-latihan tertentu adalah dalam tindakan Biro Siasatan Negara, Biro ini menjalankan rancangan-rancangan latihannya sendiri dalam berbagai bidang seperti membuat laporan, temuduga dan juga penyediaan kes. Selain dari itu pegawai-pegawai BSN juga dihantar mengikuti latihan yang diuruskan oleh lain-lain agensi Kerajaan seperti Polis dan INTAN. Jua setengah-setengahnya ada dihantar di Seberang Laut untuk latihan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator S. I. Rajah supaya Rukun Tetangga dimansuhkan, suka saya memaklumkan bahawa semenjak bulan Februari 1980, Urusetia Rukun Tetangga telah dicantumkan dengan Lembaga Perpaduan Negara dan gabungan kedua-dua agensi tersebut sekarang dikenali dengan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.

Berikutan dengan penggabungan tersebut satu konsep baru telah ditubuhkan yang mana aspek-aspek operasi Rukun Tetangga diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti Perhubungan Masyarakat yang berupa satu Bahagian daripada Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Konsep baru ini yang dikenali juga sebagai Pertubuhan Kemasyarakatan adalah mementingkan kepada aktiviti-aktiviti bercorak muhibah antara kaum di kawasan-kawasan tersebut. Hanya apabila kawasan-kawasan itu difikirkan masih diancam oleh penjenayah atau anasir-anasir subversif dan anti-nasional, baharulah ianya dikenakan Peraturan Perlu mengenai Rukun Tetangga yang melibatkan rondaan.

Oleh yang demikian, tidaklah tepat jika dikatakan bahawa Sekim Rukun Tetangga tidak memberi faedah dan undang-undang mengenai ini serta aspek-aspek operasinya, yang akan terus berjalan di kawasan seperti yang dinyatakan di atas tadi tidak akan dimansuhkan.

Berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad dan Senator Ibrahim bin Abdullah, saya ingin menjelaskan bahawa semua perbicaraan di Mahkamah mahkamah Rendah di seluruh Semenanjung Malaysia telah dijalankan dalam Bahasa Malaysia dengan seluas-luasnya.

Penggunaan Bahasa Inggeris hanya digunakan apabila difikirkan patut dan jika diizinkan oleh pihak berkenaan semasa perbicaraan kes-kes tertentu bagi faedah mereka yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia demi memelihara keadilan.

Berhubung dengan cadangan untuk menambahkan jawatan-jawatan Majistret,

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian saya, semasa membahaskan Belanjawan 1982 yang dibentangkan baru-baru ini, terutamanya di bidang perumahan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang disentuh tetapi sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program rumah awam kos rendah yang mana akan merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan 1982 pada 11hb Disember, 1981 baru-baru ini, Yang Berhormat Senator Dato' Ismail bin Hashim ada menyarankan supaya Kerajaan Pusat memainkan peranan yang lebih giat dalam kemajuan perumahan dan kerjasama serta penyelarasan perlu wujud antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat suka saya menerangkan di sini Kerajaan sentiasa mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek perumahan yang dijalankan di peringkat negeri dan kerjasama yang baik memang telah wujud antara Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam mempergiatkan lagi usaha-usaha pembinaan perumahan. Kementerian saya sentiasa menerima laporan-laporan perkembangan mengenai perumahan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Beberapa langkah telah diambil untuk mempererat lagi hubungan ini iaitu melalui:

- (1) Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Perumahan Negeri mengenai Rumah Awam Kos Rendah di tiap-tiap negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri sendiri, dengan dianggotai oleh pegawai-

pegawai Kanan Negeri, wakil Perbendaharaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB)/Borneo Housing Mortgage Finance (BHMF)/Sabah Foundation (SF) di mana berkaitan. Jawatankuasa ini adalah dipertanggungjawabkan bagi memastikan bahawa pelaksanaan program rumah awam kos rendah dapat berjalan dengan teratur dan mengikut jadual. Ianya juga diberi kuasa untuk membeli rumah awam kos rendah yang dibina oleh pihak swasta.

- (2) Untuk memperkuat lagi pelaksanaan dan melicinkan penyelarasan projek-projek Rumah Awam Kos Rendah, Kementerian saya bercadang untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan Perumahan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini juga merupakan forum yang tertinggi dari segi perumahan di mana masalah pelaksanaan boleh dibangkitkan untuk dibincangkan.
- (3) Kerjasama juga diwujudkan melalui Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan di mana baru-baru ini ada dibincangkan langkah-langkah untuk mempercepatkan pemberian Sijil Kelayakan Menduduki dan sebagainya yang berhubung dengan perumahan.

Di samping itu Kerajaan Pusat juga menambah peruntukan Tabung Wang Amanah, daripada \$5 juta kepada \$20 juta bagi tiap-tiap negeri, kecuali negeri Perlis \$10 juta. Peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah ini adalah bermaksud untuk digunakan bagi membeli dan mengambil balik tanah, pembayaran kerja, penyediaan tapak, pembayaran kos infrastruktur dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan projek perumahan awam kos rendah.

Selain daripada itu bagi makluman Ahli Yang Berhormat program-program pembangunan perumahan ini juga dijalankan oleh Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti FELDA, FELCRA, DARA, KEJORA, KETENGAH dan sebagainya,

juga menyediakan perumahan untuk peserta-peserta mereka. Sebahagian besar daripada mereka ini adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Dengan program-program perumahan yang disediakan di dalam RME dengan peruntukan yang begitu besar maka jelaslah menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat sememangnya memainkan peranan yang giat dalam kemajuan perumahan terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Puan Hajjah Salmah ada meminta supaya Kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam kemajuan perumahan kerana masa ini harga rumah begitu tinggi dan hanya orang yang berada saja yang mampu untuk membeli rumah-rumah yang tersebut.

Kementerian saya memang menyedari rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta meningkat naik pada akhir-akhir ini. Faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga ialah kerana kekurangan bilangan rumah yang dapat ditawarkan kepada pembeli, ditambah pula dengan beberapa faktor yang lain seperti kesan inflasi, kekurangan bahan-bahan binaan, kekurangan tenaga mahir, tergendalanya proses pelaksanaan dan pengambilan untung yang melampau melalui kegiatan spekulasi. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menstabilkan harga rumah di negara ini, termasuklah langkah-langkah mengurangkan spekulasi melalui kawalan kredit bank atas pinjaman perumahan dan juga dengan memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah untuk keperluan rakyat terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Mengenai pembahagian rumah yang lebih adil seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah juga sukalah saya menerangkan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa yang sepenuhnya dalam masalah ini. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah menetapkan Garis Panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memilih penghuni rumah dan setakat ini apa yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri

tidak bercanggah dengan garis panduan tersebut walaupun Kerajaan-kerajaan Negeri ada menambah syarat-syarat yang sesuai dengan keadaan dan keperluan tempatan.

Suka juga saya memaklumkan di sini iaitu pembahagian rumah awam kos rendah adalah berdasarkan kepada bilangan kaum di satu-satu tempat dan diselaraskan dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Puan Rahmah Othman pula ada menggesa Kerajaan membuat kajian yang mendalam untuk mengetahui jumlah sebenar rumah kos rendah yang diperlukan. Sukacita saya memaklumkan bahawa untuk tempoh Rancangan Malaysia Keempat bilangan unit rumah awam kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan ialah sebanyak 176,500 unit, yakni lebih dua kali ganda daripada sasaran matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan bagi 1982 sebanyak 49,600 unit adalah sebahagian daripada jumlah sasaran ini. Kerajaan juga telah menganggarkan bahawa 90,000 unit rumah kos rendah akan dibina oleh pemaju swasta berdasarkan kepada syarat yang akan dikenakan kepada mereka untuk membina di antara 30%—50% daripada rumah mereka adalah dalam bentuk rumah kos rendah. Jadi jumlah rumah kos rendah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah 266,500 unit. Untuk makluman Dewan ini, rumah kos rendah yang saya sebutkan tadi adalah ditujukan untuk golongan mereka yang berpendapatan tidak lebih daripada \$750 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga telah membuat anggaran bahawa pada penghujung tahun 1983 lebih kurang 54,341 unit yakni 42% daripada sasaran 128,855 unit yang akan dikendalikan oleh Kementerian saya, dijangkakan akan dapat disiapkan.

Berkenaan dengan jangkaan, sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah yang akan dibina di sektor swasta itu, pihak Kerajaan Negeri stakat ini belum lagi menerima permohonan daripada pemaju-pemaju swasta untuk melaksanakannya di setiap negeri. Kementerian saya telahpun menyediakan garis panduan untuk kegunaan pemaju-pemaju swasta yang telah diedarkan kepada Persatuan Pemaju Swasta yakni satu

Persatuan Pemaju Swasta yang ulung di negara ini. Kementerian saya ada juga menyebut dalam garis panduan itu sekiranya keterangan lanjut diperlukan, pemaju swasta bolehlah menghubungi Kementerian saya. Oleh yang demikian sekali lagi saya ingin merayu kepada pemaju swasta supaya tampil ke hadapan membantu Kerajaan dalam menyediakan rumah kos rendah ini. Di samping itu pemaju-pemaju swasta juga hendaklah membina dengan lebih banyak rumah-rumah harga sederhana di dalam lingkungan harga antara \$30,000—\$90,000 seunit.

Suka juga saya menerangkan di sini Kerajaan telah mensyaratkan bahawa swasta mengkhaskan antara 30%—50% dari unit perumahan yang dimajukan untuk rumah kos rendah. Dan bagi memastikan rumah kos rendah ini didapati oleh golongan yang dimatlamatkan, Kerajaan akan melibatkan diri dalam pembahagian rumah-rumah tersebut atau dalam keadaan tertentu dengan membeli rumah tersebut untuk dibahagi-bahagikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ismail Hashim mengenai peruntukan kepada kampung-kampung baru, sukacita saya menjelaskan bahawa Kementerian ini tidak menafikan bahawa Kementerian ini ada memberi peruntukan kampung-kampung baru di seluruh Malaysia. Ini adalah berdasarkan keadaan yang mendesak di mana pembangunan harus dititik beratkan terhadap kampung-kampung baru yang tersebut. Apatah lagi, penduduk-penduduk di setengah-setengah kampung baru telah bertambah dan berlaku kesesakan. Kementerian saya juga sedar tentang keadaan fizikal dipersekitaran kampung-kampung baru yang kurang memuaskan. Dalam hal ini Kementerian saya ada juga meluluskan peruntukan bagi projek-projek pembangunan kecil bagi kawasan tersebut untuk memperseimbangkan kemudahan-kemudahan sosial dan fizikal di antara kampung-kampung baru dan kampung-kampung yang di sekelilingnya.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kampung-kampung

tradisional ada mendapat peruntukan pembangunan di bawah Skim Pemulihan Kampung yang diawasi oleh Jabatan Perdana Menteri, di samping menikmati pembangunan dari Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Menyentuh tentang Sekim Pinjaman Perumahan untuk golongan yang berpendapatan keluarga tidak lebih daripada \$350 seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Salim Mahmud itu suka saya menerangkan bahawa publisiti yang meluas sememangnya telah pun dijalankan oleh Kementerian saya.

Mengenai masalah pemberian Tahunan yang diperuntukkan kepada Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail Hashim pada 11hb November, 1981 yang lalu, suka saya menerangkan di sini bahawa peruntukan ini diberi adalah mengikut satu Formula dan maksima yang akan diberi kepada sesuatu Penguasa Tempatan ialah sebanyak \$107,500.00. Pemberian ini adalah diberikan bertujuan untuk menampung perbelanjaan penguasa-penguasa tempatan iaitu untuk membayar gaji dan membeli peralatan pejabat. Jumlah Geran yang diberi tiap-tiap tahun kepada semua penguasa-penguasa tempatan mengikut negeri ialah sebanyak \$9,536,533.21.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga memperuntukkan Geran Pelancaran yang mana ianya telah dan sedang diberi kepada penguasa-penguasa tempatan yang disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pemberian ini juga adalah tertakluk kepada formula yang berasaskan kepada pengiraan jumlah peruntukan atas bilangan penduduk dan luas kawasan (batu persegi) yang baru disusun semula. Geran ini diberi kepada penguasa-penguasa tempatan terutamanya untuk membeli alat-alat kelengkapan dan kenderaan yang perlu untuk menjalankan perkhidmatan Kerajaan Tempatan. Selain daripada itu peruntukan ini juga adalah digunakan untuk membaiki atau membina pasar, bengkel, jalan dan longkang dan sebagainya. Sehingga sekarang, Kementerian saya telah mengeluarkan peruntukan \$23,825,334.41 kepada semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping dua jenis geran yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan itu, satu lagi pemberian oleh Kerajaan ialah "Pemberian untuk Projek-projek di kawasan Bandar dan Majlis Tempatan". Dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$27,116,501.00 telah diberi dan Kementerian saya telah membelanjakan sebanyak \$19,093,874.00 iaitu peratusan pelaksanaan ialah 70.41%. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat pula peruntukan sebanyak \$91,994,460.00 diluluskan dan Kementerian saya sedang berusaha untuk meminta tambahan supaya beberapa projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat disambung dan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Oleh yang demikian, dari fakta-fakta yang saya sebutkan tadi, saya berpendapat tidak ada sebab mengapa Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis Daerah tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pentadbiran Majlisnya.

Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook telah menyentuh tentang perlunya disusun semula sistem pertukaran milik tanah yang ada. Seperti Yang Berhormat sedia maklum pertukaran syarat tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan buat masa ini terpulanglah kepada budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing untuk memperbaiki proses permohonan pertukaran syarat yang tersebut. Memandangkan bahawa proses pertukaran syarat ini mengambil masa untuk program-program awam kos rendah, Kementerian saya telah meminta semua Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan lebih awal lagi dalam proses pengambilan balik tanah bagi tapak-tapak perumahan yang diperlukan. Tanah yang diambil balik itu termasuklah tanah yang diwartakan sebagai untuk kegunaan pertanian.

Mengenai satu lagi cadangan Yang Berhormat supaya sistem pembinaan rumah disusun semula untuk mengatasi kekurangan perumahan, sukacita saya maklumkan bahawa bagi projek-projek yang mengandungi banyak unit rumah, Kerajaan sememangnya menggalakkan kegunaan bahan pasang siap serta juga sistem

pembinaan industrial yang dapat dipercepatkan pelaksanaan perumahan awam kos rendah. Kerajaan juga sememangnya menggalakkan kegunaan bahan-bahan cara yang tersebut oleh pemaju swasta supaya sasaran program Rancangan Malaysia Keempat akan dapat dipenuhi.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat juga mengenai persediaan kemudahan kewangan untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah, rasa saya adalah lebih mencukupi. Program perumahan awam kos rendah serta rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta kesemuanya berjumlah 266,500 unit sebagaimana yang saya telah perkatakan sebentar tadi ditujukan kepada golongan berpendapatan rendah di mana Kerajaan menyediakan peruntukan yang cukup untuk membolehkan sebilangan unit itu dilaksanakan dan juga untuk memberi peluang kepada mereka yang layak menduduki rumah yang tersebut unit mereka yang belum mempunyai rumah lagi dan mempunyai pendapatan sebulan tidak melebihi \$750.

Sebagai satu langkah untuk membantu mereka ini kos infrastruktur bagi rumah-rumah tersebut tidak diambil kira apabila sewa bulan itu dikenakan kepada penghuni rumah kos rendah yang tersebut. Hanya kos binaan bangunan dan kos tanah sahaja diambil kira semasa menentukan sewa bulanan itu. Kerajaan juga akan mengenakan bayaran sewa secara berperingkat-peringkat bagi 10 tahun yang pertama untuk membolehkan lebih ramai rakyat berpendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan kos rendah yang disediakan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu, Kementerian saya ada juga skim pinjaman perumahan yang dituju kepada mereka yang berpendapatan tidak melebihi \$350 dan mempunyai tanah untuk dicagarkan. Skim pinjaman ini adalah ditujukan kepada penduduk-penduduk kampung baru, pekerja di lombong-lombong dan estet dan juga kepada mereka yang tinggal berdekatan dengan kawasan punca pendapatan mereka umpamanya persekitaran sesuatu estet perindustrian dan sebagainya.

Skim ini juga terbuka kepada setinggan yang telah dipindah daripada kawasan projek-projek Kerajaan ke sesuatu tempat dan diberi tapak yang baru. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian saya perkenal pembinaan rumah secara self-service, cadangan ini bolehlah dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa pembinaan cara ini perlu diawasi dengan rapi supaya tidak wujud keadaan rumah yang tidak menghiraukan keperluan keselamatan dari segi kebakaran, kesihatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan perkara yang menyentuh Kementerian saya. Mana-mana cadangan yang membina, ianya akan diambil ingatan dan perhatian dalam merangka dasar pelaksanaan program pembangunan bagi Kementerian saya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.28 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Terlebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap serta menyentuh berkenaan dengan perkara di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Nampaknya ada tiga perkara penting yang telah disentuh iaitu masalah setinggan, yang keduanya rumah kos rendah dan yang ketiganya masalah keugamaan yakni agama Islam yang melibatkan soal makanan halal-haram, perbuatan maksiat di Wilayah Persekutuan dan masalah-masalah saudara baru.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Masalah setinggan telah dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator S. Subramaniam dan

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah. Kerajaan Malaysia sentiasa mementingkan kebajikan dan kepentingan rakyat termasuklah golongan setinggan-setinggan. Kemudahan-kemudahan asas memang diberikan kepada kampung-kampung setinggan yang telah lama established. Walau bagaimanapun, masalah setinggan merupakan salah satu daripada masalah terbesar yang sedang dihadapi oleh bandaraya Kuala Lumpur. Jika tidak ada kawalan rapi bandaraya ini akan menjadi daya penarik yang kuat untuk menggalakkan pendatang-pendatang baru dan ini akan menyebabkan percambahan kampung-kampung setinggan yang baru. Oleh yang demikian, Peraturan-peraturan Perlu Pembersihan Setinggan tahun 1969 masih berkuatkuasa bertujuan untuk mengawal pertumbuhan kampung-kampung setinggan baharu di Wilayah Persekutuan yang kini sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersikap adil dan bertimbang rasa memandangkan mereka terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah. Bagi setinggan-setinggan yang menduduki tanah-tanah Kerajaan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan serta dipindahkan pula, mereka akan diberi peruntukan tempat tinggal ganti. Manakala setinggan yang tinggal tanah-tanah kepunyaan persendirian atau swasta adalah menjadi tugas tuan punya tanah itu sendiri untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Abdul Razak bin Abu Samah ada menimbulkan kes Kampung Polo. Sukalah saya menyatakan bahawa notis telahpun diberi kepada penghuni-penghuni rumah di situ dua minggu sebelum tindakan diambil. Pada hal pihak Dewan Bandaraya boleh merobohkan terus tanpa memberi notis mengikut Peraturan-peraturan Perlu Pembersihan Setinggan tahun 1969. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi juga ada menyebut berkenaan dengan pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah, sukacita saya menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME), Dewan Bandaraya mendapat peruntukan yang mana berjumlah \$201 juta untuk membina 30,000 unit rumah murah. Walaupun angka ini suatu angka yang besar pelaksanaannya adalah

berdasarkan kepada kemampuan dan keupayaan semasa Dewan Bandaraya baik dari segi pengurusan mahupun tenaga pekerjanya. Adalah menjadi tujuan Dewan Bandaraya dalam membina rumah murah di Wilayah Persekutuan untuk:

- (a) Mengadakan tempat perlindungan yang selesa kepada golongan yang berpendapatan rendah;
- (b) Menyelesaikan masalah setinggan secara beransur di Wilayah Persekutuan;
- (c) Sebagai alternatif kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan;
- (d) Untuk memperbaiki taraf hidup bagi golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan; dan
- (e) Untuk mencapai matlamat perpaduan kaum melalui perumahan murah di Wilayah Persekutuan.

Penelitian terhadap objektif-objektif ini menunjukkan projek rumah Dewan Bandaraya merangkumi tujuan-tujuan penting untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah setinggan dan menyediakan keperluan asas bagi golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah agama yang ditimbulkan itu oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah, Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu walaupun di dalam keadaan dan bidangkuasanya yang terhad.

Menyentuh dengan makanan halal haram, siasatan boleh dibuat terhadap jualan barang-barang makanan yang dicampur aduk yang halal dengan yang beracun jika ada aduan rasmi. Di samping itu juga dari penguatkuasaan undang-undang perkara berkait dengan barang-barang makanan halal haram adalah di bawah bidangkuasa undang-undang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengambil tindakan terhadap penyelewengan tersebut. Walau

bagaimanapun, Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian itu dalam hal ini. Sebaliknya adalah sukar bagi Jabatan Ugama Islam bertindak untuk secara bersendirian. Kerajaan memerlukan kerjasama daripada orang ramai khususnya umat Islam itu sendiri.

Mengenai kekerapan berlaku maksiat terutama terdapat pasangan-pasangan Bersekedudukan, pada masa ini Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan memanglah sentiasa berusaha untuk mengatasi malah jika boleh menentukan perkara-perkara maksiat seumpama itu dibenteraskan sama sekali. Langkah-langkah sedang diambil untuk menambah pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Ugama. Bagi tahun 1981 ini terdapat 11 orang pegawai tersebut dan bagi tahun 1982 akan datang seramai 11 orang lagi jawatan pegawai penguatkuasa telahpun diluluskan oleh Perbendaharaan.

Dalam mendidik dan membekalkan pelajaran yang cukup kepada saudara-saudara baharu Islam, Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan telah mengambil beberapa langkah yang tertentu selain daripada berhubung rapat dengan Perkim peringkat pusat dan peringkat Wilayah Persekutuan. Di antara program-program yang telah diatur ialah mengadakan Kelas-kelas Khas di Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan misalnya berbentuk minggu. Sukalah saya berseru agar mereka saudara-saudara baharu dapat memberikan sambutan yang sewajarnya kepada program-program seperti yang dianjurkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu program kursus intensif agama selama tiga bulan untuk saudara-saudara baharu juga disediakan oleh pihak Jabatan Ugama Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada mana-mana teguran yang tidak dijawab tidaklah bererti Kerajaan mengenyepkannya. Mana-mana teguran dan pandangan-pandangan yang baik dan membina akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Perusahaan Utama.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya sepanjang perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1982 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah mengenai peristiwa tanah runtuh dan memberi kebenaran mengusahakan lombong di kawasan yang berdekatan dengan jalan raya.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri adalah merupakan pihak berkuasa di dalam melulus atau membenarkan sesuatu pemberian kawasan bagi maksud perlombongan. Kementerian Perusahaan Utama, melalui Jabatan Galiannya, adalah diberi kuasa hanya untuk mengawal kegiatan-kegiatan perlombongan di atas kawasan tanah yang telah pun diluluskan oleh pihak berkuasa negeri bagi maksud perlombongan.

Tuan Yang di-pertua, kebenaran yang diberikan untuk mengusahakan sesebuah lombong yang berdekatan dengan jalan raya dan rumah kediaman adalah mengikut dan tertakluk kepada undang-undang perlombongan yang terdapat dan setelah dipastikan yang kegiatan melombong tersebut tidak membahayakan serta mengancam keselamatan hartabenda dan nyawa manusia. Para pelombong juga adalah bertanggungjawab di dalam menentukan keselamatan di sekeliling lombong-lombong mereka. Sekiranya ada mana-mana pihak awam yang mengesyaki akan adanya kegiatan melombong yang didapati mengancam harta benda awam, perumahan dan jalan raya, perkara tersebut hendaklah dilaporkan segera kepada Jabatan Galian, berserta butir-butir, supaya siasatan dapat dijalankan oleh Jabatan berkenaan. Sekiranya penyiasatan Jabatan Galian membuktikan bahaya atau ancaman

diakibatkan oleh kegiatan perlombongan yang berkenaan, kerja-kerja melombong tersebut akan diberhentikan dan tindakan selanjutnya akan diambil bagi memperbaiki keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya jelaskan di sini bahawa pihak pelombong tidaklah boleh disalahkan selalu di dalam perkara seumpamanya ini. Terdapat ketika di mana sesuatu kawasan itu telahpun diluluskan oleh pihak berkuasa negeri bagi maksud perlombongan dan kegiatan melombong sedang dijalankan apabila ada pihak-pihak yang mendirikan rumah kediaman di atas dan berdekatan dengan tanah yang berkenaan dan ini menimbulkan keadaan di mana seolah-olah kegiatan melombonglah yang membahayakan kedudukan rumah-rumah tersebut. Di dalam menghadapi keadaan-keadaan seperti ini, para pelombong mendapatkan Pejabat Tanah bagi menyelesaikan masalah tersebut dan sentiasa bersedia bekerjasama dan tolak-ansur dengan pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam, supaya cukai export dihapus atau dikurangkan. Bagi mengatasi masalah kemerosotan harga getah di samping menolong pekebun-pekebun kecil, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kemerosotan harga getah bukanlah semata-mata disebabkan oleh cukai eksport kerana banyak lagi faktor-faktor yang mempengaruhi harga getah tersebut, seperti penawaran dan permintaan serta keadaan kemerosotan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai eksport getah telahpun dikaji dari masa ke semasa dan sejak beberapa tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengumumkan pengurangan cukai eksport ke atas getah bagi memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato Hajjah Fatimah binti Salim supaya diadakan stok penimbal bagi getah, kelapasawit, kelapa dan koko untuk menstabil harga bahan-bahan tersebut, sukalah dimaklumkan di sini bahawa skim penstabilan harga getah asli telah

diwujudkan dengan terjalannya Perjanjian Getah Asli Antarabangsa 1979. Perjanjian ini telah memperuntukkan satu stok penimbal yang mencukupi untuk mempertahankan harga getah dalam keadaan seperti sekarang di mana pasaran dunia getah asli adalah lembab. Stok Penimbal di bawah perjanjian tersebut telah mula beroperasi (operates) semenjak awal November tahun lalu.

Manakala bagi koko pula, melalui Perjanjian Koko Antarabangsa ke 3 berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1981 secara 'provisional' telah mewujudkan satu skim stok penimbal. Stok Penimbal ini berasaskan pembelian dan penjualan koko mengikut harga tertentu sebagai alat untuk mencapai harga yang setabil. Paras pembelian tertinggi stok penimbal ini ialah 250,000 tan metrik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan stok penimbal bagi minyak kelapa sawit dan minyak kelapa dalam keadaan yang ada sekarang adalah dirasakan kurang wajar, memandangkan minyak kelapa sawit dan minyak kelapa menghadapi saingan yang hebat daripada lain-lain minyak dan lemak dunia seperti minyak kacang soya, minyak 'rapeseed', minyak 'sunflower seed', 'tallow' dan lain-lain lagi.

Kedudukan minyak kelapa sawit di pasaran adalah disekitar 6 peratus dari keseluruhan bekalan minyak dan lemak dunia. Kebanyakan minyak dan lemak ini boleh ditukar ganti antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, jika diadakan stok penimbal untuk menstabilkan harga minyak kelapa sawit dan kelapa di paras yang berpatutan, ini akan mengakibatkan pengguna-pengguna beralih kepada minyak dan lemak yang lain yang lebih murah. Keadaan ini akan menggagalkan tujuan stok penimbal minyak kelapa sawit dan minyak kelapa oleh kerana stok penimbal ini tidak dapat mengawal kedudukan harga minyak dan lemak yang lain.

Atas sebab-sebab di atas, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan skim stok penimbal bagi minyak kelapa sawit dan minyak kelapa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan pendapat masing-masing mengenai Kementerian saya, dan insya Allah sekiranya ada apa-apa yang telah dikemukakan tidak sempat saya jawab akan insya Allah diberi perhatian di masa akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menteri Pertanian.

4.45 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian. Segala pandangan-pandangan tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Berhubung dengan subsidi baja yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Fadzil Ahmad, suka memaklumkan bahawa sebelum baja-baja ini dikeluarkan semua penanam-penanam padi di seluruh negara telah terlebih dahulu didaftarkan. Pendaftaran ini disemak pada tiap-tiap musim untuk menentukan supaya tiap-tiap penanam padi yang layak sahaja akan mendapat faedahnya. Melalui sistem pengembangan (Extension 2L) iaitu latihan dan lawatan, penerangan-penerangan telah dibuat atas faedah serta cara penggunaan baja dan melalui sistem ini juga penilaian telah dibuat untuk menentukan kekesan penggunaan baja. Sehingga ini hasilnya sangatlah menggalakkan.

Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh dan Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Hussein telah menegur beberapa aspek berhubung dengan pinjaman oleh Bank Pertanian. Bank Pertanian merupakan satu daripada agensi-agensi Kerajaan untuk menggalakkan kemajuan di dalam sektor pertanian. Walaupun begitu tiap-tiap pinjaman yang dikeluarkan mestilah berasaskan kepada kegunaan pinjaman itu, iaitu untuk projek-projek atau perniagaan yang viable. Begitu juga kadar faedah dan cara pembayaran balik yang kebanyakannya lebih baik daripada bank-bank perdagangan biasa, adalah bergantung kepada jumlah pinjaman dan projek itu sendiri.

Berhubung dengan bekalan jentera-jentera modern yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman, perkara ini memang telahpun diperkenalkan kepada petani-petani melalui jabatan dan agensi-agensi yang tertentu dan usaha ini akan ditingkatkan lagi menurut kesesuaian tempat, tanah dan jentera itu sendiri supaya faedah yang maksima dapat diperolehi.

Berhubung dengan tanah-tanah terbiar pula di Pulau Pinang, beberapa kawasan telahpun dikesan dan tindakan sudah dan sedang diambil, khususnya di Seberang Prai dan Balik Pulau.

Di atas perkara perlesenan nelayan-nelayan yang juga diutarakan oleh Senator Fadzil Mahmood ini adalah bergantung kepada sumber-sumber ikan yang ada di dalam satu-satu kawasan perairan dan cara satu-satu penangkapan itu akan diusahakan. Walau bagaimanapun, tiap-tiap permohonan itu akan dikaji sehalus-halusnya.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat atas perhatian yang telah diberikan terhadap Kementerian Pertanian. Semua teguran telah diambil ingatan dan akan diguna untuk membangun lebih pesat lagi sektor pertanian demi untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Perusahaan Awam, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat-pendapat.

Yang Berhormat Senator Ishak telah membangkitkan perkara mengenai subsidi Padi Negara dan Lembaga Beras yang mana buat pada masa ini subsidi itu hanya diberi kepada petani-petani yang menjual hasil sahaja. Sebenarnya dasar subsidi harga padi ini adalah merupakan satu subsidi pemasaran, iaitu subsidi berasaskan kepada jumlah padi yang dijual oleh petani-petani kepada pembeli-pembeli yang bertaualiah. Ianya bukanlah merupakan subsidi pengeluaran ataupun subsidi input. Subsidi input adalah diberi oleh Kerajaan dengan cara-cara yang lain seperti subsidi baja.

Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil telah menyeru agar pihak Kementerian dan LPN mengemaskan cara pelaksanaan pembayaran subsidi ini agar pihak Kerajaan atau rakyat tidak tertipu oleh orang yang tidak bertanggungjawab yang mana mendapatkan keuntungan yang berlipatganda.

Suka saya menyatakan pelaksanaan skim subsidi harga padi adalah diharapkan dapat meningkatkan pendapatan petani-petani. Bagi memastikan tujuan ini tercapai tindakan diambil dari semasa ke semasa untuk mengemaskan lagi cara pelaksanaan skim tersebut. Bagi mengalakkan berlakunya dua kali pembayaran subsidi ke atas satu jualan tindakan-tindakan adalah diambil seperti berikut. Kerani Subsidi ditempatkan di tiap-tiap pusat belian untuk mengawasi pembelian padi, pengeluaran dan pembayaran kupon subsidi. Pegawai Penyelia Subsidi dilantik untuk menyelia Pegawai-pegawai Kerani bagi 5 hingga 7 pusat belian. Setiap kupon yang dikeluarkan dimestikan mempunyai dokumen sokongan resit belian dan/atau bil belian padi yang dikeluarkan oleh pembeli padi berlesen dan pusat belian. Dokumen-dokumen tersebut dikepilkan kepada kupon salinan kedua dan disimpan untuk pemeriksaan dan audit.

Bagi pihak kilang-kilang padi pula mereka dimestikan menyimpan rekod dan buku stok padi dan beras di kilang mereka. Mereka juga dimestikan menghantar penyata dua mingguan stok ke Ibu Pejabat LPN. Analisis penyata stok kilang padi ini akan dibandingkan dengan penyata dan pengeluaran kupon. Pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa dilakukan ke atas pusat-pusat belian oleh Pegawai-pegawai LPN. Pemeriksaan dilakukan ke atas stok padi sama ada bersamaan dengan rekod belian kisan dan jualan yang dibuat. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka yang didapati menyeleweng.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat LPN telah merancang untuk menambah lagi bilangan kompleks mengering padi bagi mengatasi kesesakan dan kesebokan semasa menerima padi di musim menuai. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat LPN akan membina 11 buah kompleks intergrated mengering dan mengilang iaitu sebuah di

Kuala Perlis, dua buah di Kedah, sebuah di Seberang Perai Tengah, Seberang Perai, Pulau Pinang, dua buah di Perak, dua buah di Selangor, dua buah di Kelantan dan sebuah di Endau-Rompin, Pahang. Di samping 11 buah Kompleks integrated tersebut LPN telah diarah untuk mengkaji kemungkinan mengadakan pusat-pusat mengering padi yang sederhana yang berkeupayaan mengering satu hingga dua tan satu jam.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang peranan Perbadanan Kemajuan Negeri dan telah membuat beberapa teguran serta pandangan-pandangan. Semua pandangan-pandangan dan teguran ini akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian dan PKEN sendiri.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain bahawa banyak kegiatan-kegiatan PKEN lebih merupakan ikut ketua politik tempatan, seolah-olah PKEN itu kepunyaan tokoh-tokoh politik tanpa mengira adakah projek itu menguntungkan rakyat. Saya menafikan sama sekali dakwaan ini.

Seperti yang kita sedia maklum, PKEN adalah dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif negeri-negeri iaitu Menteri-menteri Besar dan ataupun Ketua-ketua Menteri. PKEN sememangnya dianggap sebagai satu jentera di peringkat negeri untuk membantu proses pembangunan di negeri itu dan juga membantu mencapai Dasar Ekonomi Baru. Adalah tidak benar bahawa ketua-ketua politik tempatan telah bertindak sesuka hati oleh kerana di masa-masa yang lepas mereka telah memberi pertimbangan kepada semua faktor-faktor yang sewajarnya dalam mewujudkan projek-projek oleh PKEN. Namun demikian ada berlaku keadaan di mana oleh kerana beberapa kekurangan serta kelemahan seperti kurang daya hidup, pengurusan yang tidak cekap dan keadaan pasaran yang tidak menggalakkan telah menyebabkan beberapa projek-projek PKEN gagal ataupun mendapat kerugian. Sebab-sebab kerugian dan kegagalan itu berlaku telahpun dikesan dan PKEN adalah diarah supaya memastikan apa juga kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang ada supaya dapat diperbaiki. Bagaimanapun, di dalam masa

yang akan datang ini PKEN-PKEN telah diarah untuk menghitung prestasi mereka dalam konteks prestasi kewangan dan juga dalam konteks faedah kepada masyarakat khususnya kaum bumiputera.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abu Samad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan syor-syor dan teguran-teguran mereka bagi meningkatkan lagi prestasi Kementerian saya. Walau bagaimanapun, saya tidak berhajat untuk memberi ulasan kepada semua teguran dan syor-syor itu.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah mengesyorkan supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menubuhkan satu Badan Khas bagi menyiasat kegagalan kaum bumiputra yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Dalam hubungan ini sukacita saya menjelaskan bahawa sebenarnya kerja-kerja untuk menyiasat kenapa berlakunya kegagalan di kalangan bumiputra, di samping memberi cara yang positif ke arah menentukan kejayaan bumiputra di bidang perniagaan memanglah menjadi satu bidang tugas yang sedang dilakukan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya. Bahagian ini disamping membantu bumiputra menceburkan diri dan meningkatkan penyertaan mereka di bidang perniagaan dan perindustrian juga membuat siasatan ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka di dalam bidang-bidang yang diceburi. Setelah mendapat kepastian di atas kejayaan-kejayaan dan masalah-masalah yang dihadapi, Bahagian ini akan mengenalpasti cara-cara untuk mengatasinya bagi membantu mereka menjayakan perniagaan mereka.

Ahli Yang Berhormat itu juga memandangkan supaya kerajaan menubuhkan industri-industri kecil bagi membuat barang-barnag yang boleh dijadikan

cendermata-cendermata yang beridentitikan Malaysia untuk dijual kepada pelancong-pelancong. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun menubuhkan Perbadanan Kraftangan Negara yang sekarang ini berusaha memperbanyakkan lagi hasil-hasil kraftangan yang beridentitikan Malaysia daripada usahawan-usahawan kecil yang boleh dijadikan cendermata kepada pelancong-pelancong. Selain daripada itu menerusi KEMAS projek Karyaneka telah juga diadakan untuk mengeluarkan hasil kraftangan yang boleh juga dijual kepada para pelancong. Kerajaan juga adalah sentiasa menggalakkan dan sedia membantu usahawan-usahawan kecil menjalankan perusahaan membuat cendermata untuk para pelancong oleh kerana ini adalah merupakan satu bidang yang mempunyai prestasi yang besar di Negara ini memandangkan Kerajaan sedang giat menggalakkan industri pelancongan.

Berkenaan dengan masalah barang tiruan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya memang menyedari adanya pengeluaran dan penjualan barang-barang tiruan di negara ini. Kementerian saya telah, sedang dan akan terus bergiat mengadakan pemeriksaan, pengawasan dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang terlibat berdasarkan kepada kuasa yang diuntukkan di bawah Perihal Dagangan 1972. Sukacita saya mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian saya adalah didapati berkesan dan dalam bulan Januari, 1981 hingga akhir bulan November, 1981, seramai 262 orang peniaga dan pengeluar barang-barang tiruan diambil tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat barang-barang yang bernilai kira-kira \$2 juta telah pun dirampas dalam tempoh masa tersebut. Sepertimana yang saya maklumkan di Dewan yang mulia ini pada minggu yang lepas, bahawa Kementerian saya sedang dalam proses meminda peruntukan dalam Akta Perihal Dagangan 1972 bagi meninggikan hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah di bawah akta itu.

Menyentuh tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato

Yap Peng, sukacitalah saya memaklumkan bahawa satu Bahagian Khas yang dinamakan Bahagian Perusahaan Kecil telah pun ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menyelaraskan perancangan, pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi pembangunan perusahaan kecil. Bahagian tersebut dengan kerjasama berbagai agensi dan Jabatan Kerajaan antara lain adalah menjalankan berbagai usaha untuk membantu usahawan-usahawan kecil termasuklah masalah tapak dan tempat perniagaan.

Berkenaan dengan tapak-tapak dan bangunan-bangunan bagi perkilangan kecil masalah-masalah ini terdapat di bandar-bandar besar disebabkan permintaan yang melebihi penawaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-Penguasa Tempatan telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi menyediakan tapak-tapak yang sesuai bagi perkilangan kecil. Sementara itu Syarikat MIEL adalah bersedia untuk membina kilang-kilang untuk dijual atau disewa di mana terdapat tapak-tapak yang sesuai. Sektor swasta juga digalakkan membina kilang-kilang di tapak-tapak yang bukan dimiliki atau diusahakan oleh Kerajaan.

Senator Puan Hajjah Salmah Sheikh Hussein telah menyuarakan kebimbangan beliau terhadap kedudukan imbalan perdagangan negara ini. Dalam hubungan ini adalah diakui bahawa kedudukan imbalan perdagangan eksport-import Malaysia sedang mengalami kemerosotan. Dalam tahun 1980, bagi jangkamasa bulan Januari hingga September, nilai eksport ialah sebanyak \$21,718.3 juta berbanding dengan nilai import yang berjumlah sebanyak \$17,087.6 juta. Iaitu menghasilkan lebihan perdagangan sebanyak \$4,630.7 juta. Dalam jangkamasa yang sama pada tahun 1981, kedudukan eksport merosot kepada \$19,449.9 juta, manakala nilai import bertambah kepada \$19,635 juta. Dengan ini imbalan perdagangan mencatatkan kekurangan sebanyak 185.1 juta ringgit.

Sebagai tindakan untuk membetulkan kedudukan imbalan perdagangan Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

sentiasa menjalankan beberapa langkah untuk menggalakkan eksport. Langkah-langkah itu telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Dato Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau menjawab pertanyaan mengenai perkara yang sama oleh Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chang Soong pada 16hb Disember, 1981 dan saya tidak berhajat untuk mengulangi jawapan itu.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Samah bahawa daging ayam di Kentucky Fried Chicken sebahagian besarnya adalah tidak halal, sukacita saya nyatakan bahawa mengikut siasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya pada tahun lalu daging-daging ayam itu adalah didapati "halal". Walau bagaimanapun, perkara ini akan disiasat sekali lagi dan jika sekiranya didapati peniaga-peniaga itu tidak mematuhi Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975, tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil. Walau bagaimanapun, dalam hubungan ini, ingin Kementerian saya menyarankan bahawa ada baiknya jika aduan-aduan seperti ini dikemukakan terus ke Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya supaya pemeriksaan dan siasatan segera dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas segala pandangan-pandangan terhadap perjalanan Kementerian saya dan bagi pandangan-pandangan yang tidak saya huraikan di sini, saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil ingatan dan cuba melaksanakan semua pandangan-pandangan yang dapat memperbaiki perjalanan Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pertahanan.

4.59 *ptg.*

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian pada Kementerian Pertahanan dengan memberi cadangan-cadangan serta teguran

yang berkaitan dengan Kementerian ini semasa perbahasan yang baru lalu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris supaya Angkatan Tentera kita diperkuatkan dan dilengkapi dengan senjata moden, saya ingin memberi jaminan bahawa sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dalam soal pertahanan, Kementerian saya sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa perkembangan Angkatan Tentera supaya sejajar dengan keadaan keselamatan di seluruh negara dan sekitar rantau ini, bukan sahaja dari segi kelengkapan-kelengkapan pertahanan, tetapi juga dari segi kekuatan anggota dan peningkatan mutu latihan peperangan.

Kementerian saya telah pun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berupaya menghadapi ancaman sama ada ancaman dari dalam atau luar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini sedia maklum Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pertahanan negara. Langkah pembesaran dan perkembangan termasuk pembelian kelengkapan yang lebih moden dan sofistikated untuk ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera telah dan sedang dijalankan. Pada masa ini tentera kita adalah dibekalkan dengan berbagai kelengkapan moden termasuk senjata-senjata dan peralatan-peralatan yang sejajar dengan keperluan negara.

Tentang syor Yang Berhormat itu juga dan Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah supaya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kerapkan rondaan di perairan Sarawak, ingin saya nyatakan bahawa TLDM sentiasa membuat rondaan mengharung laut di perairan Malaysia, Laut China Selatan dan perairan Selat Melaka. Perairan kita sentiasa dijaga bagi menentukan bahawa tidak ada musuh negara yang khianat masuk menceroboh melalui laut. Kawasan rondaan TLDM meliputi keseluruhan perairan Malaysia termasuk 'exclusive economic zone'.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Haji Fadzil Ahmad yang telah menyokong peruntukan untuk Kementerian Pertahanan. Dalam sokongannya, Yang Berhormat itu juga telah menggesa agar pelajaran tatasusila atau moral Angkatan Tentera diperhitungkan dan perhubungan kemanusiaan di antara mereka dan awam dititikberatkan. Moral angkatan tentera sentiasa dijaga dan dipupuk dengan disiplin yang tinggi. Belum ada rekod yang menunjukkan anggota-anggota tentera yang menderhaka melawan ketua dan hakikat ini menjamin bahawa pasukan keselamatan di negara ini masih ditahap yang tinggi dan disegani.

Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera adalah satu jentera yang diwujudkan dari rakyat untuk rakyat, disertai oleh rakyat dan perlu direstui oleh rakyat, kerana itulah Angkatan Tentera sentiasa memberi perhatian yang berat kepada hubungan dan ikatan yang wujud antara tentera dan rakyat kerana persiapan-persiapan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Angkatan Tentera dengan tersendiri tidak akan menjamin keselamatan negara. Benteng negara yang sebenar, tulin, padat dan yang kukuh ialah hasil dari kekuatan tentera yang diselaraskan dengan ketahanan nasional secara umum. Kerajaan memang menyedari bahawa memenangi hati dan fikiran rakyat adalah begitu penting di dalam menjamin pertahanan negara. Sebab itulah Kerajaan mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi dan perpaduan rakyat dan memberi peruntukan pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan telah mengambil perhitungan terhadap kemampuan negara terhadap pertahanan tanpa menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi. Di sini jelas bahawa memang menjadi dasar Kerajaan memenangi hati dan fikiran rakyat di samping memperkuatkan pertahanan negara.

Ahli Yang Berhormat itu juga dan juga Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir mengharapkan Kementerian Pertahanan berhati-hati apabila membuat pembelian peralatan pertahanan untuk kepentingan jangka panjang. Dalam pembesaran Angkatan Tentera yang sedang dalam pelaksanaannya sekarang Kerajaan tidak

tergesa-gesa dalam pengambilan tenaga dan pembelian kelengkapan pertahanan. Tindakan yang tergesa-gesa boleh menjejaskan kebolehan serta keutuhan seluruh angkatan tentera. Oleh itu, program pembesaran ini, dilaksanakan berasaskan kepada kemampuan ekonomi dan kajian dan pandangan jauh negara terhadap pergolakan politik dunia sekarang. Ini adalah selaras dengan matlamat pembesaran yang self-reliant. Begitu juga dalam proses pembelian alat-alat pertahanan, Kerajaan begitu berhati-hati memilih alat-alat pertahanan agar benar-benar sesuai bagi memenuhi objektif tentera dan kehendak negara sejajar dengan keupayaan membeli dan pengurusan pengendaliannya. Dalam setiap pembelian alat-alat kelengkapan angkatan tentera, satu proses penaksiran (evaluation) dan percubaan (trial) yang rapi dijalankan. Proses ini dilaksanakan untuk menentukan supaya alat-alat tersebut dapat digunakan untuk jangka masa yang tertentu dan bersesuaian pula dengan kehendak dan keadaan tempatan.

Untuk memastikan yang pembelian-pembelian tersebut benar-benar bertepatan dengan kehendak pertahanan negara, pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan sentiasa dihantar ke negara-negara pengeluar untuk meninjau dengan lebih dekat alat-alat yang akan dibeli itu.

Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh dan Yang Berhormat Senator Haji Fadzil Ahmad telah menyentuh tentang hubungan antara polis dengan anggota tentera telah terjejas akibat peristiwa yang berlaku di Perlis baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, tohmahan Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah kurang tepat kerana hubungan anggota polis dan tentera tidak pernah terjejas. Peristiwa yang berlaku di Perlis baru-baru ini adalah merupakan satu-satunya kes yang terpencil dan jarang berlaku. Sebenarnya tidak ada sebarang masalah dalam hubungan polis dan tentera, kejadian itu adalah merupakan satu perselisihan kecil yang berpunca dari kesilapan individu dan bukannya satu perkara yang luar biasa tetapi sebaliknya telah dibesar-besarkan oleh akhbar tempatan. Tidak ada keistimewaan kepada mereka yang melakukan kesalahan, pihak tentera dan polis sedia bekerjasama untuk mengambil tindakan yang setimpal

kepada anggota yang bersalah. Pihak tentera dan polis akan tetap menghormati tugas dan tanggungjawab masing-masing. Mereka tetap bekerjasama menjalankan tugas-tugas demi menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Untuk mengelakkan perkara seumpama ini berlaku beberapa acara muhibbah akan dilaksanakan. Ini termasuk mengadakan majlis-majlis kenduri, majlis dailog, suaikenal dan juga mengadakan pasukan sukan bergabung. Di pihak atasan pula, untuk memupukkan lagi tali persaudaraan di antara kedua-dua belah pihak, rancangan lawatan bersama telah dilancarkan di mana pegawai kanan tentera dan polis bersama-sama membuat lawatan ke pasukan tentera dan polis tempatan.

Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh juga menggesa Kerajaan supaya mengambil tindakan kepada anggota-anggota tentera yang terlibat dengan pengedaran dan penagihan dadah. Sebagaimana yang seringkali diterangkan di Dewan yang mulia ini, Angkatan Tentera sememangnya berkehendakkan taraf disiplin yang tinggi di kalangan anggota-anggotanya. Tindakan tegas dan hukuman berat sentiasa diberikan terhadap anggota-anggota yang terlibat dalam dadah, jenayah dan lain-lain perkara yang melibatkan disiplin ketenteraan. Pihak Angkatan Tentera sentiasa mengawal keadaan ini dengan memberikan ceramah-ceramah serta peringatan melalui perintah-perintah harian dan pemeriksaan menjejut ke atas anggota tentera untuk menentukan perkara tersebut terkawal. Tindakan tatatertib dan hukuman tertentu mengikut undang-undang ketenteraan tetap dikenakan terhadap anggota-anggota yang didapati bersalah dan dengan ini dapat menentukan disiplin ketenteraan yang ketat dipatuhi.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir pula antara lain telah menyentuh mengenai Depoh Baikpulih Kapalterbang di Subang serta mengesyorkan supaya Depoh tersebut diperbesarkan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Depoh Baikpulih Kapalterbang Subang memang dalam proses pembesaran yang mana kerja-kerja pengambilan tanah seluas 151 ekar untuk pembinaan tersebut sedang dijalankan

sekarang. Projek yang menelan belanja berjuta-juta ringgit ini apabila siap nanti dapat menjalankan kerja-kerja baikpulih dan selenggaraan kapal-kapal terbang dengan lebih berkesan lagi. Depoh ini dijangka siap pada tahun 1984.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya diberhentikan penghantaran Juruteknik-juruteknik untuk latihan ke luar negeri, di sini suka saya jelaskan iaitu buat masa ini Juruteknik-juruteknik memang dihantar ke luar negeri untuk mendapat latihan disebabkan kita masih lagi belum mempunyai satu pusat latihan untuk juruteknik yang benar-benar mampu untuk melatih Juruteknik-juruteknik ini. Tetapi adalah dijangka kita akan dapat melatih Juruteknik-juruteknik ini dalam negara sendiri apabila Sekolah Juruteknik Udara Kinrara yang dalam proses pembinaannya siap sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator K.Kumaran membangkitkan mengenai pembelian kelengkapan perang yang dibuat melalui agen-agen tertentu sebagai orang tengah dan mengesyorkan supaya pembelian melalui agen-agen ini diketepikan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Senator agak terkeliru sedikit ketika membangkitkan perkara ini. Sebenarnya, Kementerian ini tidak pernah menandatangani apa-apa kontrak pembelian kelengkapan perang dengan agen-agen yang memainkan peranan sebagai orang tengah. Semua kontrak adalah dibuat terus dengan pihak pengeluar atau pembekal itu sendiri. Agen-agen yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah agen-agen yang dilantik oleh pembekal itu sendiri sebagai wakilnya untuk memudahkan proses pengendalian dan pengurusan yang berkaitan dengan kontrak tersebut. Masalah agen-agen yang menjadi orang tengah sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir sekali lagi telah melahirkan rasa bimbangnyanya kalau-kalau negara kita dipermainkan oleh negara-negara perindustrian dalam pembelian alat-alat pertahanan pembelian kereta-kereta perisai dan kereta kebal. Yang Berhormat Senator tidak perlu bimbang dengan soal negara

perindustrian mempermainkan negara kita. Pihak Kerajaan telah memikirkan dengan semasak-masaknya sebelum membuat sebarang keputusan untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan kereta perisai dan kereta kebal (tank) oleh kerana sebelum keputusan pembelian dibuat, pihak Kerajaan telah mengkaji keadaan keselamatan dan berasaskan kepada keperluan negara kita dan juga pengalaman yang lalu serta ancaman yang akan dihadapi di masa akan datang maka keputusan telah diambil untuk melengkapkan negara dengan kedua-dua jenis kereta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkuatkan lagi Angkatan Tentera untuk peperangan conventional dan untuk mempertahankan negara dari ancaman luar berikutan daripada perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini dan sejajar dengan perkembangan istimewa Angkatan Tentera, beberapa keputusan telahpun diambil dari segi pembelian alat-alat kelengkapan untuk Angkatan Tentera. Baru-baru ini Kerajaan telahpun menandatangani pembelian, dengan izin:

<i>Jenis</i>	<i>Buatan</i>
1. LIGHT TRACKED VEHICLES	
(i) SCORPION (90 mm AFV)	British
(ii) FV 4333 (20 mm APC)	.. British
(iii) FV 4333 (Twin GPMG APC)	British
2. 6 × 6 ARMoured VEHICLE	
(i) SIBMAS FSV (90 m)	.. Belgium
(ii) SIBMAS AVR Belgium
3. 4 × 4 ARMoured VEHICLES	
APC (20 mm CAV) Amerika
APC (Twin GPMG CAV)	.. Amerika
ACV Amerika
AFV Amerika
AMV Amerika
APC (Twin GPMG) Infantry	.. Amerika

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir, Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh dan Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah telah menyentuh peristiwa serang hendap penganas komunis yang berlaku di Ulu Legong, dengan menimbulkan bahawa

Bahagian Perisik kita lemah, senjata yang digunakan sudah 'out-of-date' dan juga beliau menyatakan pasukan keselamatan kita kurang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sesuatu gerakan peperangan counter-insurgency, memerlukan maklumat-maklumat perisikan yang betul, tetap dan semasa kejadian penganas komunis menyerang hendap kumpulan kecil pasukan keselamatan yang bergerak dalam sebuah kenderaan menjalankan tugas-tugas biasa pada 29hb Oktober, 1981 bukan kerana kelemahan perisikan, atau senjata-senjata pasukan keselamatan yang 'out-of-date' atau anggota-anggota pasukan keselamatan yang bertugas di situ tidak berpengalaman. Kejayaan mereka disebabkan oleh tiga faktor:

- (1) Gerakan yang dilancarkan oleh penganas komunis dilakukan di dalam masa yang sangat singkat. Mereka menyusup dari sempadan, menyerang hendap dan lari semula ke sempadan.
- (2) Serang hendap dilakukan di tempat yang tidak disangka-sangka. Serang hendap itu telah dilakukan di pinggir jalan raya tanah di dalam sebuah kampung. Perisikannya telah membolehkan mereka melakukan gerakan dengan segera.
- (3) Muslihat yang telah digunakan berkesan menyebabkan tindakan balas segera pasukan keselamatan menjadi terhad. Mereka bertindak dengan satu kumpulan besar menyerang hendap, dan satu kumpulan kecil menembak pengkalan pasukan keselamatan.

Hasil dari peristiwa itu pasukan tentera telah melancarkan tindakan balas dengan serta merta dan pihak tentera telah melancarkan kumpulan 'follow-up' untuk menjejak tapak musuh diikuti dengan tembakan-tembakan meriam. Hasil dari tindakan ini pasukan keselamatan telah berjaya mengesan musuh yang sama dan membunuh tiga musuh-musuh tersebut. Dalam masa yang sama, pihak Thailand telah juga membuat gerakan menghalang di Wilayah Thai bersempadan dengan kawasan Ulu Legong berhampiran dengan Sempadan Malaysia/Thai.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada perkara yang tidak sempat saya jawab, Kementerian saya akan mengkaji sedalam-dalamnya dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya akan terus bersedia menerima pandangan, teguran dan aduan-aduan yang membina pada bila-bila masa sahaja demi kebaikan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera seluruhnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pelajaran.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berterima kasih ke atas teguran-teguran dan ulasan-ulasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan kegiatan Kementerian Pelajaran semasa membahaskan keperluan Belanjawan 1982 kerana dengan segala pandangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dapatlah Kementerian Pelajaran mengambil tindakan yang sesuai untuk memperbaiki keadaan di mana terdapat kelemahan-kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi pandangan ke atas teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu seberapa yang boleh, dan ini akan dibuat mengikut program-program yang telah ditentukan bagi Kementerian Pelajaran.

I. Program Pelajaran Rendah dan Menengah

Banyak perkara di bawah program ini telah disentuh oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Seperti termaklum Pelajaran Rendah dan Menengah adalah satu-satunya program yang terpenting di Kementerian Pelajaran kerana ianya adalah asas pendidikan negara. Oleh itu, segala tindakan untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan Pelajaran Rendah dan Menengah ini berjalan dengan baik dan berkesan adalah sentiasa diusahakan. Yang demikian pandangan Yang Berhormat Senator S. Subramaniam untuk

membaiki keadaan di sekolah-sekolah khasnya sekolah-sekolah kecil dan di pendalaman adalah disanjung tinggi. Perkara ini sedang dijalankan. Umpamanya, untuk tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah sahaja sebanyak \$67,399,400 diperuntukkan untuk maksud tersebut. Selain daripada itu kadar-kadar dan jenis-jenis bantuan ke sekolah-sekolah telah dikaji semula. Di bawah perakuan-perakuan yang baru ini sekolah-sekolah luar bandar akan layak diberi bantuan yang agak lebih dari sekolah-sekolah dalam kawasan-kawasan bandar.

Berhubung dengan ulasan Yang Berhormat Senator K. Kumaran mengenai kemungkinan sekolah-sekolah kecil di kawasan-kawasan ladang dicantumkan sukalah saya nyatakan di sini percantuman tersebut hanya akan dibuat setelah mendapat persetujuan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Lembaga Pengurus yang berkenaan. Tujuan percantuman ini ialah untuk memberi peluang-peluang kepada murid-murid yang berkenaan mendapat pengajaran dan pembelajaran dengan lebih sempurna dalam sekolah yang lebih besar. Mengenai kemudahan pengangkutan berulang-alik ke sekolah, adalah dimaklumkan bahawa pada amnya, Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk menampung perbelanjaan tambang berulang-alik ke sekolah. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu di pendalaman, kemudahan ini bolehlah dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sukalah saya menjelaskan bahawa teguran Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad yang menyatakan Kerajaan akan mengambilalih 10 buah Sekolah Menengah Ugama itu adalah kurang tepat. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengambilalih mana-mana Sekolah Ugama dalam tahun 1982. Sebaliknya, Kementerian Pelajaran telah merancang untuk membina 10 buah lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain supaya sekolah-sekolah menyediakan kemudahan untuk murid-murid dan guru-guru sembahyang, sukalah saya

menerangkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menyediakan bilik sembahyang di setiap sekolah bagi tujuan menunaikan fardhu sembahyang. Dalam melaksanakan dasar ini Kementerian telah menentukan bahawa setiap sekolah baru yang dibina akan dilengkapi dengan bilik tersebut untuk digunakan bagi menunaikan sembahyang dan pembelajaran hal-hal Ugama Islam. Bagi sekolah-sekolah yang sudah wujud tetapi tidak mempunyai bilik sembahyang, langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk mengadakan kemudahan tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir serta juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad telah membangkitkan masalah pengajaran Tulisan Jawi di sekolah-sekolah. Mengenai perkara ini, adalah diakui bahawa Tulisan Jawi ialah salah satu alat penulisan untuk Bahasa Malaysia. Pada masa sekarang ia sedang diajar di sekolah-sekolah tetapi tidak diberi penekanan sewajarnya. Walau bagaimanapun, dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang akan dilaksanakan dalam tahun 1983 nanti kemahiran menulis dan membaca dalam Tulisan Jawi akan diberi tempat yang sewajarnya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Kumaran, telah mengemukakan beberapa kekuatirannya mengenai pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah pada tahun 1983. Untuk makluman Yang Berhormat tersebut, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk memastikan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah akan berjalan dengan lancar. Berhubung dengan masa bagi matapelajaran Bahasa Malaysia SRJK (T), dan SRJK (C) adalah benar peratus masa bagi matapelajaran Bahasa Malaysia pada tahap satu adalah dikurangkan sedikit untuk memberi penekanan kepada penguasaan bahasa pengantar iaitu Bahasa Tamil dan Bahasa China. Akan tetapi pada tahap II iaitu pelajaran tahun 4, 5 dan 6 nanti peratus masa untuk Bahasa Malaysia d SRJK (T) dan SRJK

(C) akan ditambah. Mengenai guru-guru yang akan melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah, Yang Berhormat Senator K. Kumaran janganlah kluatir kerana mereka ini adalah terdiri dari guru-guru terlatih yang ada sekarang. Mereka akan diberi orientasi bagi membolehkan mereka melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah. Masalah kekurangan guru tidak akan timbul. Bagi alat-alat mengajar pula, Kementerian Pelajaran akan menyediakan contoh-contoh pengajaran dan pembelajaran selaras dengan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah. Bahan-bahan lain juga akan disediakan oleh pihak sekolah dan guru-guru supaya ia benar-benar sesuai bagi murid-murid sekolah berkenaan. Dalam Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah sememangnya ada disediakan buku-buku teks di peringkat awal tetapi pada tahun I hanya dua jenis buku teks sahaja akan digunakan. Selain dari itu murid-murid akan menggunakan bahan-bahan pembelajaran seperti kad-kad bacaan, buku-buku bacaan tambahan dan sebagainya. Kementerian Pelajaran akan juga menyediakan bahan-bahan rujukan berkenaan sistem 3M untuk membantu guru melaksanakan rancangan ini. Di antara bahan-bahan ini ialah Buku Teras, Sukatan Pelajaran, Panduan Am, Panduan Khas dan Buku Sumber.

Mengenai Pelajaran Ugama di sekolah-sekolah, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid Tahir meminta Kementerian Pelajaran mencari jalan supaya melengkapkan murid-murid dengan pengetahuan ugama agar mereka benar-benar dapat mengamalkannya. Sementara, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad pula meminta waktu mengajar matapelajaran ugama di sekolah-sekolah ditambah. Berhubung dengan perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk memastikan pengajaran Ugama Islam berjalan dengan baik dan berkesan. Dalam tahun 1982, kurikulum matapelajaran Ugama yang baru Sekolah Rendah akan dilaksanakan. Dalam tahun 1983, Kementerian Pelajaran akan menambahkan lagi masa yang diuntukkan bagi matapelajaran Ugama di Sekolah-sekolah Rendah dari 120 minit seminggu kepada 150 minit seminggu.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran dan Senator Haji Mahmoud Salim telah mengulas tentang peluang kenaikan pangkat guru-guru. Seperti yang telah saya terangkan dalam Dewan ini dahulu, peluang-peluang kenaikan pangkat bagi semua guru adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti adanya kekosongan jawatan, kelayakan dan kesesuaian seseorang itu sebagaimana yang diperlukan oleh Ketua Jabatannya dan juga dari segi kebolehan serta kecekapannya. Semua guru termasuk guru-guru dari Sekolah-sekolah Tamil akan ditimbangankan berasaskan faktor-faktor di atas.

Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menambah peruntukan bagi membina sekolah-sekolah rendah khususnya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat, pembinaan sekolah-sekolah rendah adalah diberi keutamaan dengan memberikan peruntukan yang lebih banyak iaitu sebanyak \$649,754,000 (termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China sebanyak \$63,422,678) berbanding dengan peruntukan bagi pelajaran menengah sebanyak \$544,517,000.

Yang Berhormat Dr Gan Kong Seng mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran membina lebih banyak sekolah rendah di luar bandar dan di kawasan perumahan baru di bandar-bandar. Peruntukan yang lebih juga diadakan untuk maksud ini.

Kementerian Pelajaran sememangnya memberi keutamaan bagi membina lebih banyak sekolah rendah di luar bandar dan di kawasan-kawasan yang dikhaskan (rezab) oleh pemaju perumahan di kawasan-kawasan baru. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat jumlah peruntukan untuk maksud ini ialah sebanyak \$649,754,000.

Yang Berhormat Tuan Ishak Abdul Rahman mencadangkan Kementerian Pelajaran jangan lagi mengeluarkan buku-buku Ugama dalam tulisan rumi. Buku-buku tersebut hendaklah dikeluarkan dalam tulisan jawi untuk menggalakkan pembacaan tulisan jawi.

Kementerian Pelajaran memang mengeluarkan buku-buku Ugama dalam tulisan jawi semenjak tahun 1980 tetapi mengikut peringkat-peringkat tertentu iaitu 20% tiap-tiap tahun bagi semua tingkatan. Di harap pada tahun 1984 semua buku-buku Ugama untuk sekolah menengah akan ditulis dalam tulisan jawi. Bagi pelajaran rendah, bukunya akan disesuaikan dengan kurikulum baru sekolah rendah. Untuk Darjah 1-3 tiada buku Ugama ditulis dalam tulisan rumi. Buku semuanya ditulis dalam tulisan jawi iaitu buku-buku mengenai panduan pengajaran sembahyang. Buku-buku untuk Darjah 4-6 belum ada mempunyai keputusan untuk menggunakan tulisan jawi kerana kita masih lagi dalam peringkat awal mengikuti kurikulum baru sekolah rendah. Kalau mengikut sukatan Kurikulum lama, semua buku-buku Ugama sekolah rendah memang ditulis di dalam tulisan jawi iaitu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Senator Basharon Hanafiah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa ada di antara Pengetua-pengetua Sekolah yang mengeluarkan tender kepada saudara mara mereka. Beliau seterusnya mengesyorkan supaya Kementerian menyiasat tentang pemberian tender di Sekolah-sekolah.

Adalah dimaklumkan bahawa memandangkan bilangan sekolah yang banyak dan berselerak dan nilai tender yang kecil terlibat dengan kantin sekolah, Kementerian Pelajaran di masa-masa lalu dan pada masa ini menyerahkan pengendalian kantin sekolah kepada pihak sekolah. Biasanya ini dikelolakan oleh Jumaah Pengelola Sekolah atau Persatuan Ibubapa dan Guru. Untuk makluman Yang Berhormat itu sekiranya terdapat penyelewengan dari segi pemberian tender, Kementerian Pelajaran akan mengatasinya secara mengeluarkan arahan kepada semua sekolah untuk memberhentikan amalan yang tidak sehat itu.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah membangkitkan masalah Guru-guru Penyelia Petang di sekolah-sekolah yang mempunyai 2 sesi yang tidak diberi elaun. Seterusnya beliau menyatakan bahawa sekiranya benar Kerajaan akan mewujudkan

2 jawatan Penolong Kanan di sekolah-sekolah, maka dicadangkan supaya jawatan-jawatan Penolong Kanan itu diberi kepada Guru-guru Penyelia Sessi Petang yang sedia ada. Berhubung dengan perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sekarang ini sedang menimbangakan kemungkinan untuk mewujudkan 2 jawatan Guru Penolong Kanan bagi tiap-tiap sekolah yang mempunyai 2 sesi. Salah satu daripada Guru Penolong Kanan ini akan menggantikan Guru Penyelia Petang. Berkenaan dengan pengisian jawatan-jawatan Penolong Kanan, asas-asas yang digunakan ialah kekenanan dan pengalaman guru-guru yang berkenaan. Yang demikian pengisian jawatan-jawatan Penolong Kanan itu tidak semestinya dari Penyelia Petang yang ada sekarang.

Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman pula telah menegur beberapa sekolah yang mana Guru Besarnya telah bersara atau ditukarkan, tidak diberi Guru Besar baru sehingga 6 bulan atau 1 tahun lamanya. Saya rasa hairan kenapa perkara ini berlaku kerana bagi tiap-tiap Guru Besar yang bersara atau bertukar, jawatan yang dikosongkan itu akan diisi dengan cara pemangkuan. Dengan ini bermakna salah seorang daripada guru-guru yang terkanan di sekolah berkenaan akan diarahkan menjalankan tugas-tugas Guru Besar yang dikosongkan sehinggalah jawatan tersebut diisi secara hakiki. Pengisian jawatan Guru Besar tersebut secara hakiki akan dibuat berdasarkan kelayakan-kelayakan kenaikan pangkat kepada gred berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Dewan ini telah mengulas tentang projek pembinaan sekolah-sekolah baru serta penggantian sekolah-sekolah lama.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood menyeru Kerajaan untuk menggantikan sekolah-sekolah lama dengan sekolah-sekolah moden dan baru supaya murid-murid khususnya daripada luar bandar boleh belajar dengan lebih selesa. Beliau seterusnya menambah bahawa pembinaan bilik-bilik darjah hendaklah mengambil kira keperluan jangka panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut sukalah dinyatakan bahawa bangunan-bangunan baru untuk menggantikan bangunan-bangunan sekolah

yang lama dan buruk sedang dilaksanakan. Bilangan bilik-bilik darjah dalam tiap-tiap sekolah itu adalah dirancangakan untuk mengambil kira keperluan masa panjang. Namun demikian, proses ini akan dijalankan secara berperingkat oleh kerana peruntukan Kementerian adalah terhad.

Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman dan Senator Haji Mahmood Salim Mohamad telah membangkitkan masalah kelewatan menyiapkan pembinaan projek-projek sekolah khususnya di negeri Pulau Pinang. Kementerian ini menyedari bahawa beberapa projek sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat berjalan oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Di antaranya ialah ketidakupayaan pihak kontrektor dan Jabatan Kerjaraya. Justru itu di dalam Rancangan Malaysia Keempat sebagai usaha untuk memastikan tercapainya objektif yang ditentukan projek-projek sekolah akan dan sedang dilaksanakan secara bersama oleh pihak swasta, Lembaga Pembangunan Wilayah serta Jabatan Kerjaraya. Berhubung dengan pembinaan Sekolah Kebangsaan Sri Penanti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman adalah dimaklumkan bahawa sekolah ini sekarang telahpun 78% siap. Kadar ini amat tidak memuaskan, saya tahu, dan pihak Jabatan Kerjaraya sedang menimbangakan untuk memansuhkan kontrak yang ada sekarang.

Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam mengesyorkan supaya Guru-guru Sekolah Rendah yang telah lama berkhidmat diberi kursus khas. Kementerian Pelajaran memang berusaha untuk menghantar atau memberi kursus-kursus khas kepada guru-guru terlatih yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun. Biasanya apabila sahaja Kementerian Pelajaran dapat mengesan satu-satu perubahan baru mengenai apa sahaja aspek pembelajaran dan pengajaran, Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan supaya kursus-kursus khas dapat diberi kepada guru-guru yang difikirkan perlu memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang baru itu. Sememangnya menjadi hasrat Kementerian Pelajaran supaya guru-guru di sekolah dapat meningkatkan keberkesanan mereka sesuai

dengan perkembangan baru di dalam dunia pendidikan.

Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam juga mencadangkan supaya lebih ramai guru Bahasa Malaysia yang terlatih ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Pelajaran telah mengarahkan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri-negeri supaya mengutamakan penempatan-penempatan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kementerian Pelajaran juga telah dapat menempatkan bilangan guru-guru terlatih di kedua-dua jenis sekolah itu mengikut bilangan yang dipohon oleh Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri. Adalah dimaklumkan juga bahawa bilangan guru-guru sementara adalah berkurangan.

II. Program-program Pelajaran Teknik dan Vokasional

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program ini Yang Berhormat Senator Haji Latip Haji Dris telah meminta Kerajaan menambah lagi bilangan Sekolah-sekolah Vokasional di Malaysia terutamanya di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat supaya lebih ramai lagi tenaga mahir dapat dikeluarkan. Untuk makluman Yang Berhormat tersebut penambahan bilangan Sekolah-sekolah Vokasional sememangnya ada dalam perancangan Kementerian Pelajaran. Lebihkurang 48 buah Sekolah Vokasional sedang dan akan dibina. Misalnya bagi Semenanjung Malaysia sebanyak 37 buah Sekolah Vokasional yang baru akan dibina, Sarawak sebanyak 7 buah dan Sabah sebanyak 4 buah.

Sementara Yang Berhormat S. Subramaniam pula meminta supaya matapelajaran teknikal dipentingkan di sekolah-sekolah agar lebih ramai guru-guru yang mempunyai kelulusan teknikal dapat dibekalkan kepada Kementerian Pelajaran. Perkara ini sememangnya berlaku sekarang. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran pun menekankan pentingnya pelajaran teknik dan vokasional. Bagi melaksanakan dasar ini seperti yang

diterangkan sekejap tadi, lebih banyak sekolah akan dibina untuk memberi lebih banyak tempat-tempat belajar. Di samping itu Sekolah-sekolah Menengah biasa akan terus menawarkan lebih banyak matapelajaran-matapelajaran teknik seperti pertukangan kayu, pertukangan logam, lukisan teknik, prinsip perakaunan, perdagangan dan lain-lain.

Berhubung dengan pembekalan guru-guru teknik yang terlatih, latihan sememangnya sedang berjalan di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Lulusan dari maktab-maktab ini akan mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Rendah dalam matapelajaran Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Perdagangan dan Pertanian. Bagi Sekolah-sekolah Menengah atas pula guru-guru tekniknya dilatih di Maktab Perguruan Teknik, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan. Universiti-universiti tempatan seperti Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia juga mengeluarkan guru-guru teknik yang terlatih.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah mencadangkan supaya Politeknik Ungku Omar di Ipoh disesuaikan untuk dijadikan satu cawangan Universiti Teknologi Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Politeknik Ungku Omar sebagai cawangan Universiti Teknologi Malaysia. Sebaliknya, langkah-langkah untuk memperbaiki dan mengembangkan Politeknik tersebut sedang dijalankan supaya ia dapat mengeluarkan lulusan-lulusan di peringkat separa iktisas dengan lebih banyak lagi.

III. Program Kebajikan Penuntut

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program ini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad menyeru supaya lebih banyak asrama dibina. Jika perlu beliau mencadangkan asrama-asrama mini dibina di pendalaman di mana murid-murid tinggal jauh dari sekolah. Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menyediakan kemudahan asrama bagi sekolah-sekolah di luar bandar khasnya untuk kepentingan murid-murid yang tinggal jauh

dari sekolah. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja sejumlah 180 buah asrama telah dirancang untuk dibina bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, kerana peruntukan yang terhad, projek-projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Seterusnya Yang Berhormat tersebut telah meminta supaya semua murid-murid Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional diberi tempat kediaman.

Untuk makluman Dewan ini, pada masa sekarang seramai 70% daripada murid-murid di Sekolah-sekolah Vokasional dan Teknik tinggal di asrama. Yang 30% lagi itu terdiri daripada pelajar-pelajar penduduk tempatan atau mereka yang memilih untuk tinggal di luar. Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan untuk mengadakan asrama bagi semua pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Menengah Vokasional dan Teknik di masa hadapan ianya akan dipertimbangkan dan sewajarnya.

Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook telah mencadangkan supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera diambil tinggal di asrama-asrama. Ini ialah untuk membolehkan mereka bergaul dengan penuntut-penuntut Bumiputera dan seterusnya menjalin perpaduan negara. Adalah dimaklumkan bahawa dasar pemilihan penuntut-penuntut untuk tinggal di asrama-asrama sekolah ialah jarak sekolah dengan tempat tinggal penuntut-penuntut serta latarbelakang ekonomi dan pencapaian akademik penuntut. Keutamaan adalah diberi kepada penuntut-penuntut dari luar bandar yang mempunyai potensi dalam pencapaian akademiknya. Oleh yang demikian, sekiranya murid-murid bukan Bumiputera memenuhi kriteria di atas maka mereka akan dipertimbangkan untuk tinggal di asrama-asrama. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini memang terdapat murid-murid bukan Bumiputera di asrama-asrama sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada teguran-teguran yang telah tertinggal dan tidak diberi jawapan. Jika ada, saya mohon maaf. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai saya telah mencatatkan semua ulasan-ulasan dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada darinya boleh diselesaikan

secara pentadbiran oleh Kementerian ini, oleh itu susulan yang sesuai akan dibuat oleh pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran. Saya tidak ada halangan, sekiranya tindakan susulan ini masih belum diselesaikan, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk menghubungi saya supaya perkara-perkara yang dibangkitkan itu mendapat perhatian yang sewajarnya.

Saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan memberi teguran dan pandangan yang membina terhadap Kementerian Pelajaran. Semua pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dikemukakan itu adalah dalam perhatian dan Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk memperbaiki segala aspek pembelajaran di semua peringkat. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Kesihatan.

5.48 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telahpun membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Masalah mengenai kekurangan doktor-doktor di negara ini keseluruhannya telahpun dibangkitkan sekali lagi. Pada masa yang lalu saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini dan jua di Dewan Rakyat mengenai perkara ini, bagi menerangkan tentang adanya perkembangan pesat dalam perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan Kerajaan dan jua sektor persendirian. Dengan itu kekurangan ini pasti berlaku sehinggalah kita dapat mengeluarkan pegawai-pegawai profesional yang cukup bagi memenuhi kedua-dua permintaan tersebut.

Perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan telahpun diperluaskan dan akan diperkembangkan sehingga kita berpuashati bahawa perkhidmatan-perkhidmatan ini mudah diperolehi oleh mereka yang memerlukannya. Tidaklah benar untuk menyatakan bahawa kita tidak mempunyai rancangan-rancangan jangka panjang bagi memenuhi matlamat-

matlamat kita. Sesungguhnya tiap-tiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun itu adalah merupakan sebahagian dari proses ini untuk perancangan jangkamasa yang panjang. Pengambilan doktor-doktor secara kontrak dari luar negeri adalah perlu di peringkat ini sekarang bagi mengisi beberapa kekosongan yang ada. Usaha-usaha seperti ini jua adalah dilakukan oleh beberapa negara yang telah maju.

Perancangan jangkamasa panjang untuk mengeluarkan doktor-doktor ini hendaklah menegaskan latihan tempatan, dan tidak bergantung kepada punca-punca ataupun daya tenaga dari luar negeri sahaja. Dalam usaha-usaha untuk melanjutkan rancangan inilah maka saya telah mendapatkan persetujuan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan bagi menambahkan bilangan pengambilan tahunan penuntut perubatan mereka dalam bidang perubatan mulai tahun ini. Dengan itu Universiti Malaya telahpun menambahkan bilangan penuntut-penuntut dari 120 orang pada tahun 1980 kepada 160 orang pada tahun 1981. Begitu jua Universiti Kebangsaan telah pun menambahkan bilangan penuntut perubatan dari 160 orang kepada 192 orang setahun. Universiti Sains telah memulakan kursus perubatannya tahun ini dengan bilangan permulaan seramai 60 orang penuntut. Kementerian Kesihatan sedang memberikan kerjasama dalam semua usaha-usaha ini di mana penuntut-penuntut perubatan dari Universiti Kebangsaan adalah menggunakan Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk tujuan-tujuan latihan ini jua. Begitu jua, Universiti Sains adalah menggunakan kemudahan-kemudahan di Hospital Besar, Pulau Pinang seterusnya kelak di hospital yang baru yang sedang dibina di Kubang Krian, Kota Bharu.

Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama rapat dengan universiti-universiti tempatan, bukan sahaja bagi melatih doktor-doktor ini tetapi jua pakar-pakar. Kementerian telah pun mengadakan perbincangan-perbincangan yang terus-menerus dengan fakulti-fakulti perubatan ini mengenai bilangan doktor-doktor yang patut dilatih di negara ini, jua mengenai pelajaran lanjutan bagi mereka. Selain daripada itu terdapat beberapa penuntut Malaysia yang

mengambil kursus-kursus perubatan di luar negeri. Oleh hal yang demikian kita berharap untuk mendapat bekalan doktor-doktor yang lebih banyak lagi pada masa hadapan bagi memenuhi permintaan-permintaan yang semakin bertambah.

Di samping itu beberapa orang doktor-doktor yang muda telahpun meletakkan jawatan mereka tiap-tiap tahun. Ini khususnya adalah disebabkan Kementerian Kesihatan sahaja yang mengenakan perkhidmatan wajib dari segi undang-undang, bagi doktor-doktor ini berkhidmat dengan Kerajaan, untuk tempoh masa yang minima selama 3 tahun selepas pendaftaran mereka. Sebilangan daripada doktor-doktor ini semasa memberikan perkhidmatan yang wajib dari awal lagi tidak berniat untuk menjadi pegawai Kerajaan, kerana bukan semua orang ingin untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Dengan itu mereka meninggalkan perkhidmatan Kerajaan sebaik-baiknya sahaja tempoh perkhidmatan wajib ini tamat. Ini memberikan gambaran seolah-olah doktor-doktor secara berterusan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, keadaan ini sedikit demi sedikit adalah semakin bertambah baik kerana sebahagian daripada doktor-doktor ini ada yang terus kekal memberikan perkhidmatan mereka yang dedikasi untuk masyarakat, melalui Kementerian Kesihatan. Kita telahpun memperbaiki prospek-prospek kenaikan pangkat untuk mereka, dan akan cuba memberikan peluang-peluang yang lebih baik lagi untuk latihan kepakaran bagi mereka yang berminat.

Seperti lain-lain negara yang mengamalkan sistem Kerajaan yang demokratik, kita tidak boleh menghalang doktor-doktor ataupun lain-lain pegawai profesional lagi dalam hal ini, dari menyertai sektor persendirian yang berkembang dan dinamik di negara ini. Semakin banyak hospital-hospital persendirian jua sedang dibina yang akan menarik minat doktor-doktor untuk menyertainya.

Mengenai Unit Jantung yang dicadangkan itu, saya telahpun memaklumkan pada masa yang lalu bahawa Kementerian Kesihatan telahpun menghantar suatu kumpulan terdiri daripada 11 orang pegawai-pegawai

profesional dan separuh perubatan ke Australia pada bulan Jun, 1981, untuk latihan dalam teknik-teknik pembedahan jantung. Kumpulan ini termasuklah doktor-doktor, juruteknik-juruteknik dan jururawat-jururawat. Apabila mereka kembali pada awal tahun 1982 kelak, mereka akan menjadi nukleus bagi Unit Jantung ini, yang akan ditubuhkan secara permulaannya di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Dalam pada itu, Kementerian jua adalah sedang membeli alat-alat bagi unit ini ditubuhkan. Sebuah Unit Jantung telah pun ada di Hospital Universiti. Dengan itu Unit yang akan ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan kelak akan menjadi yang kedua di negara ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil Ahmad kerana menunjukkan perhatian beliau yang berat mengenai kesan-kesan merokok terhadap kesihatan. Kementerian Kesihatan bersama-sama lain-lain agensi Kerajaan akan meneruskan kempen anti—merokok melalui pelajaran Kesihatan dan kempen-kempen publisiti. Lebih banyak tempat akan mempamerkan tanda-tanda “Dilarang Merokok”. Iklan-iklan rokok melalui televisyen telahpun diubah, dan akan terus diawasi supaya merokok tidak akan lagi menunjuk dan mengaitkan kedudukan tinggi ataupun “glamour” seseorang perokok itu, sebagaimana yang telah dilakukan pada masa-masa yang lalu. Amanan Kerajaan mengenai bahaya merokok kepada kesihatan akan ditegaskan lagi. walaupun merokok itu adalah hak kebebasan seseorang, tempat di mana ia boleh dibenarkan merokok di kalangan orang ramai haruslah ditentukan oleh masyarakat keseluruhannya jua. Dengan pandangan ini kita akan terus melancarkan kempen kita selanjutnya.

Mengenai latihan Juru-juru X-Ray, Kementerian Kesihatan akan meluaskan Sekolah Latihan Juru X-Ray yang ada sekarang, dan menubuhkan sebuah Sekolah Latihan yang baru di Kuantan. Kita berharap untuk menambahkan bilangan Juru-juru X-Ray yang ada sekarang daripada 275 orang kepada 425 orang menjelang tahun 1987.

Teguran telah jua dibangkitkan mengenai sikap pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat kita yang bertugas di

Mekah. Sebenarnya rombongan perubatan di Mekah bagi tahun 1981 tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada jemaah berkaitan dengan sikap pegawai-pegawai tersebut. Sekiranya ada kes-kes tertentu yang boleh ditakrifkan sebagai kasar oleh jemaah haji, saya harap ianya bolehlah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat yang bertugas di tanah suci adalah dipilih oleh Lembaga Pemilih yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan pihak Lembaga Urusan Tabung Haji, di mana sikap-sikap tanggungjawab, sabar dan sopan santun serta kemahiran kerja mereka adalah diutamakan.

Dari segi kawalan disiplin, kakitangan rombongan perubatan adalah tertakluk kepada Perintah Am walaupun mereka berada di seberang laut dan rombongan itu adalah diberi taklimat tentang tugas-tugas mereka sebelum berlepas ke Mekah. Saya percaya bahawa mereka sentiasa mengambil berat tentang tanggungjawab mereka untuk menjaga kesihatan jemaah haji Malaysia.

Akhir sekali, saya sukacita mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah membuat teguran-teguran atas Kementerian Kesihatan. Oleh kerana masa yang singkat, saya tidak dapat memberi jawapan kepada semua butir-butir yang dibangkitkan tetapi semua masalah itu telah dicatitkan dan akan dikaji dengan teliti.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan bagi pihak Menteri Pengangkutan, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan pendapat-pendapat terhadap Kementerian Pengangkutan semasa perbahasan Dasar Belanjawan. Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim supaya pembinaan jalan keretapi ke Trengganu dilaksanakan dengan segera, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan sedang berusaha mendapatkan

pakar-pakar untuk mengadakan kajian kejuruteraan bagi mengadakan perkhidmatan dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan seterusnya ke Trengganu. Pihak Keretapi Tanah Melayu sedang menyediakan butir-butir rujukan bagi kajian ini dan dijangka akan bermula pada tahun 1982.

Ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan perkara mengenai lapangan terbang Kuala Trengganu dan mengesyorkan supaya lapangan terbang tersebut diperbesarkan bagi membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat. Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk membesarkan lapangan terbang Kuala Trengganu.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bangunan terminal baru di lapangan terbang tersebut telahpun siap dibina dan akan digunakan tidak lama lagi. Pada masa ini kerja-kerja sedang dijalankan bagi memanjangkan serta menguatkan landasan bagi membolehkan pendaratan pesawat B. 737 dan kerja-kerja ini dijangka akan siap pada tahun 1983. Selain daripada itu tindakan juga sedang diambil bagi pemasangan alat-alat untuk membolehkan pendaratan waktu malam di lapangan terbang Kuala Trengganu.

Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah telah membangkitkan perkara mengenai perancangan bangunan Terminal Dua di Subang yang ada sekarang. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini kerja-kerja pembaikan dan pembesaran Terminal Satu sedang giat dijalankan. Tujuan asal mengadakan bangunan Terminal Dua yang baru itu ialah untuk mengendalikan separuh daripada aktiviti-aktiviti keperluan penumpang bagi mengurangkan kesesakan dan kesesakan di Terminal Satu semasa kerja-kerja pembaikan dan pembesaran tersebut berjalan. Bagaimanapun dengan adanya kepesatan untuk mempercepatkan lagi tarikh siapnya kerja-kerja di Terminal Satu adalah didapati perlu untuk memindahkan semua operasi dan aktiviti di Terminal Satu ke Terminal Dua dan dengan demikian Terminal Dua terpaksa diperbesarkan lagi.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar telah membangkitkan perkara mengenai kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Subang dengan membandingkan dengan kemudahan yang ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Singapura. Di sini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan dengan seberapa daya yang boleh sentiasa berusaha memajukan dan meningkatkan kemampuan Subang supaya ianya setanding dengan lain-lain lapangan terbang Antarabangsa di rantau ini. Seperti yang telah saya sebutkan kerja-kerja sedang dijalankan bagi membesar serta memodenkan Lapangan Terbang Subang. Apabila siap kelak lapangan terbang ini akan mempunyai 12 nose-loaders atau aerobridges, moving walkways, 22 buah tempat letak kapal terbang, close circuit TV untuk mengumumkan ketibaan dan keberangkatan pesawat-pesawat dan sistem pengendalian beg-beg yang moden di mana saluran beg akan ditambah dari dua menjadi lima saluran. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat keseluruhan bangunan terminal akan diawasi untuk keselesaan penumpang-penumpang dan orang ramai.

Mengenai kemudahan pengangkutan dari Terminal Satu ke Terminal Dua atau sebaliknya pihak MAS telah mengadakan perkhidmatan bas yang secukupnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan menumpukan supaya perkhidmatan tersebut sentiasa mencukupi dan memuaskan.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Pulau Pinang sekarang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah, adalah didapati bahawa ianya mencukupi bagi menampung keperluan penumpang-penumpang pada masa ini. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat pertambahan keperluan di masa akan datang, Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah telah mengesakan supaya Pejabat-pejabat MAS di luar negeri diletakkan di tempat istimewa yang ramai pengunjung dan dibekalkan dengan risalah-risalah mengenai Malaysia untuk menarik pelancong-pelancong datang ke Malaysia.

Suka saya menyatakan bahawa kebanyakan Pejabat-pejabat MAS di luar negeri diletakkan di tempat-tempat perdagangan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai di bandar-bandar berkenaan. MAS juga ada mengeluarkan risalah-risalah mengenai tempat-tempat menarik di Malaysia. Dengan kerjasama Perbadanan Pelancongan Malaysia MAS akan terus mempergiatkan usaha-usahanya untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar negeri berkunjung ke Malaysia.

Mengenai kegagalan rundingan udara antara Malaysia dan Korea Selatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim, adalah dimaklumkan bahawa sungguhpun rundingan udara tersebut telah diadakan baru-baru ini, persetujuan muktamad tidak tercapai di antara kedua pihak. Ini adalah kerana terdapat beberapa percanggahan pendapat mengenai perkara yang telah dipersetujui dalam rundingan tersebut. Dalam perkara ini kedua-dua Kerajaan akan berusaha untuk menyelesaikan masalah ini demi kepentingan kedua-dua negara.

Sekali lagi bagi pihak Menteri Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membina tentang perkhidmatan Kementerian Pengangkutan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran-teguran dan syor-syor terhadap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap membahaskan cadangan Belanjawan Negara bagi tahun 1982. Di antara perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai hal ehwal Polis Diraja Malaysia, Pendaftaran Negara, Unit Pencegah Penyeludupan, pagar keselamatan dan penapisan filem.

Saya akan cuba memberi ulasan kepada teguran-teguran atau syor-syor yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh dalam ucapannya telah menggesa supaya Kerajaan membuat siasatan ke atas peristiwa pergaduhan di antara anggota-anggota tentera dan polis di negeri Perlis baru-baru ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini siasatan ke atas peristiwa tersebut telahpun selesai dilakukan oleh pihak Kerajaan. Hasil penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa peristiwa itu adalah berpunca dari salah faham di antara beberapa orang anggota polis dan anggota tentera sahaja. Saya suka menegaskan bahawa tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa peristiwa tersebut telah berlaku atas hasutan oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh juga telah menyeru supaya Kerajaan menyekat dan mengambil tindakan yang sesuai ke atas mana-mana anggota Pasukan Polis yang didapati terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana juga anggota Polis Di-Raja Malaysia yang didapati terlibat dengan kegiatan tersebut. Ini adalah selaras dengan hakikat bahawa Pasukan Polis adalah satu pasukan yang berdisiplin dan bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam. Tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah tahan kerja, gantung kerja dan seterusnya buang kerja. Dari tahun 1979 hingga bulan Oktober, 1981 seramai 58 orang anggota polis telah ditahan kerja dan jangka masa yang sama seramai 39 anggota polis yang telah digantung kerja sementara itu seramai 60 orang polis telah dibuang kerja. Walau bagaimanapun kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang kini terlibat dengan kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah, tetapi masih belum dapat dikesan, Kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk tampil ke hadapan dan membuat pengakuan kepada Ketua Jabatan masing-masing agar mereka dapat diberi rawatan serta pemulihan tanpa dikenakan apa-apa tindakan tatatertib.

Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun telah meminta supaya pihak Kerajaan membeli dan membekalkan senjatapi kepada anggota-anggota polis semasa menjalankan rondaan oleh kerana penggunaan cota adalah tidak lagi sesuai sekarang ini. Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang pembunuhan seorang anggota polis di Rembau, Negeri Sembilan pada bulan November yang lalu dan berharap supaya Kerajaan memberi perhatian ke atas peristiwa tersebut.

Berhubung dengan teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan memang sentiasa mengkaji dan menimbang pembekalan senjatapi dan segala alat kelengkapan yang diperlukan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia kita.

Mengenai penggunaan cota, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa satu kajian yang mendalam telah dibuat ke atas perkara ini. Hasil dari kajian tersebut Kerajaan berpendapat keperluan menggunakan senjatapi oleh anggota polis adalah bergantung kepada keadaan tempat-tempat di mana mereka itu bertugas. Berasaskan keselamatan dan kejadian-kejadian jenayah di kawasan masing-masing Ketua-ketua Polis Negeri dan Ketua-ketua Polis Daerah boleh menentukan tempat-tempat di mana senjatapi perlu digunakan oleh anggota-anggota polis semasa bertugas. Mereka juga boleh menentukan kawasan-kawasan memerlukan kedua-dua senjatapi dan cota digunakan oleh anggota-anggota Polis semasa mereka bertugas malahan ada tempat-tempat di mana anggota polis yang hanya memerlukan cota sahaja.

Mengenai peristiwa pembunuhan seorang anggota pasukan Polis di Rembau, Negeri Sembilan baru-baru ini, Kerajaan sentiasa mengambil berat ke atas kejadian-kejadian seumpama itu. Ini sudah jelas terbukti apabila pihak Kerajaan mengerahkan beratus-ratus orang anggota Polis Diraja Malaysia di dalam satu operasi khas untuk mengesan dan menangkap penjenayah-penjenayah yang dipercayai melakukan pembunuhan kejam tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh dalam ucapannya

telah menggesa supaya Kerajaan membuat kajian dan menyusun semula Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) untuk menjadikan unit itu sebuah badan yang berkesan. Saya sukalah memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sedang membuat kajian ke atas struktur organisasi UPP supaya badan tersebut akan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi. Sukalah saya menyatakan bahawa di antara aspek-aspek yang sedang dikaji itu ialah mengenai susunan organisasinya termasuklah soal pengurusan, perjawatan dan sebagainya. Saya yakin tindakan yang sewajarnya akan dapat diambil bagi menyusun UPP ini setelah kajian tersebut selesai dijalankan. Dengan penyusunan semula ini adalah dijangka UPP akan dapat melaksanakan tugas-tugasnya dengan berkesan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh juga supaya filem-filem asing yang menggunakan terjemahan tajuk serta sarikata Bahasa Malaysia yang salah diharamkan dari ditayangkan kepada orang ramai, saya sukalah memaklumkan bahawa pihak Kementerian saya telah dan sedang berusaha untuk memperbaiki terjemahan ke atas tajuk dan sarikata ke dalam Bahasa Malaysia di dalam filem asing yang ditayangkan kepada umum. Oleh kerana kesukaran-kesukaran teknikal beberapa kesilapan yang kecil berlaku di dalam terjemahan sama ada tajuk atau sarikata di dalam Bahasa Malaysia tidaklah dapat diperbaiki atau diatasi dalam masa yang singkat. Namun demikian, Kementerian saya telah berusaha untuk mengatasi masalah, kesukaran dan teknikal tersebut dan saya percaya dengan demikian mutu terjemahan tajuk dan sarikata dalam Bahasa Malaysia di dalam filem asing akan dapat diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah menggesa supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan kawalan dan pengawasan yang rapi terhadap kedutaan-kedutaan asing seperti dari negara-negara China, Russia dan lain-lain lagi. Beliau juga telah mencadangkan supaya pagar keselamatan terutamanya di sempadan Perak dan Thailand diperkukuhkan

untuk mempertahankan daripada anasir subversif dan penyeludupan. Kawalan yang rapi tersebut perlu dilipatgandakan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti rompakan yang berlaku pada siang hari. Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengadakan kawalan dan pengawasan yang rapi ke atas kedutaan-kedutaan asing yang ada di negara kita ini. Saya sukalah menambah bahawa demi kepentingan keselamatan dan kedaulatan negara kita Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap sebarang kegiatan anggota-anggota mana-mana kedutaan asing yang ada di negara ini. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana anggota-anggota kedutaan-kedutaan asing yang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Pendirian yang tegas oleh pihak Kerajaan dalam perkara ini sudah jelas terbukti apabila Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan tegas berikutan dengan peristiwa Siddiq Ghouse baru-baru ini.

Mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan memperkukuhkan pagar keselamatan sempadan khasnya di sempadan Perak-Thailand untuk mencegah anasir-anasir subversif dan penyeludupan, saya sukalah menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan membina pagar sempadan selaras dengan kepentingan keselamatan negara. Umpamanya, Kerajaan telahpun membuat keputusan baru-baru ini untuk membina pagar sepanjang lebih kurang 14 batu mulai daripada Lembang, Nenering di negeri Perak sehingga ke Kroh bersempadan dengan Selatan Thailand.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat itu juga supaya sistem kawalan yang rapi diwujudkan bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti rompakan dan sebagainya, saya sukalah menegaskan bahawa perkara ini adalah sentiasa dalam perhatian pihak Kerajaan. Langkah-langkah memang telah dan akan terus diambil oleh Pihak Polis untuk memperhebatkan rondaan sama ada dengan menggunakan kereta, motosikal ataupun rondaan berjalan kaki, di samping itu

serbuan-serbuan mengejut adalah dibuat ke atas tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang-sarang penjenayah, malahan sukalah saya memaklumkan bahawa kekuatan anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia sendiri telah diperbesarkan di mana seramai 11,000 orang anggota baru akan diambil tiap-tiap tahun sehingga menjadikan kekuatan Pasukan Polis Diraja Malaysia kita berjumlah 120,000 anggota. Langkah-langkah tersebut dibantu dengan kerjasama daripada orang ramai adalah diharapkan akan dapat mengurangkan kadar-kadar kejadian yang tidak diingini seperti rompakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dr Gan Kong Seng telah menyeru Kerajaan supaya mengatasi masalah penagihan dadah yang sangat serius di kalangan belia-belia yang berumur kurang daripada 30 tahun. Sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi penyalahgunaan dadah dalam bidang-bidang seperti undang-undang, rawatan, pemulihan, pendidikan, pencegahan dan penerangan. Kerajaan akan terus berusaha untuk memerangi masalah penagihan dadah ini dengan harapan supaya ianya akan dapat dihapuskan sama sekali. Bagaimanapun perlulah saya menegaskan bahawa masalah penyalahgunaan dadah ini adalah masalah rakyat dan masyarakat keseluruhannya dan tanpa penyertaan dan penglibatan rakyat dan masyarakat segala usaha Kerajaan ini tidak akan mendatangkan hasil yang diharapkan.

Yang Berhormat Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamd menegur bahawa Akta Pendaftaran Anak Angkat, 1952 membenarkan pertukaran bin bapa sebenarnya seseorang kanak-kanak kepada bapa angkatnya memandangkan perkara ini adalah bertentangan dengan hukum syarak. Berhubung dengan perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 adalah meliputi semua kaum, penduduk di negara ini yang mana menganuti berbagai ugama, Akta berkenaan memberi pilihan kepada bapa-bapa angkat semasa memohon pendaftaran anak angkat masing-masing sama ada untuk menukar bin anak angkat itu kepada dirinya sendiri ataupun

mengekalkan nama asal bapa kanak-kanak yang berkenaan. Sebagai seorang yang beragama Islam sepatutnyalah bapa-bapa angkat yang beragama Islam memilih supaya anak-anak angkatnya mengekalkan nama asalnya. Dengan cara itu masalah pertukaran bin tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya beralih pula kepada teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim yang telah menggesa supaya Kerajaan menyegerakan pembinaan Pengkalan Polis Laut di Pantai Timur, Trengganu, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian saya memang sedar akan perkara ini. Rondaan sentiasa dijalankan oleh bot Polis Merin dan juga kapal tentera laut Malaysia. Oleh sebab kawasan perairan kita adalah luas dan bilangan bot-bot Polis Laut adalah terhad, maka rondaan-rondaan yang biasa dijalankan terpaksa yang bersesuaian dengan kemampuan yang kita miliki. Mengenai pembinaan Pengkalan Polis Laut di Pulau Pinang dan Trengganu, sebuah syarikat perundingan telah dilantik untuk menguruskan dan membina projek ini. Pada masa ini syarikat tersebut sedang menjalankan sukatan haidrografi (Hydrographic Survey), kajian-kajian cuaca dan laut (metereological and oceanic studies). Kajian-kajian ini akan diikuti dengan kajian tanah (soil investigation) mengenai bekalan air di bawah tanah. Apabila kajian-kajian itu selesai pelan-pelan akan disediakan dan mengikut perancangan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 1982 dan dijangka siap pada pula pada tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan syor-syor terhadap Kementerian saya. Saya memberi jaminan di dalam Dewan ini bahawa semua teguran yang telah dibuat itu tetap tidak sempat saya sentuh di sini akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Saya percaya tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil sekiranya cadangan-cadangan itu didapati menasabah dan sesuai dilaksanakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

6.20 ptg.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan jawapan daripada Kementerian saya atas perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Dasar Belanjawan 1982.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dengan memberikan teguran, pandangan atau cadangan kepada beberapa perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mendapat perhatian.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat secara umumnya telah melahirkan rasa kurang puas hati tentang pelaksanaan projek-projek Kerajaan khasnya di luarbandar. Misalnya, Senator Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah membangkitkan soal kelambatan pelaksanaan projek di luar bandar dengan menyebut contoh bahawa adanya pembinaan jalan sejauh 1 batu mengambil masa 5 tahun menyiapkannya.

Senator Rahmah Othman juga ada menyentuh mengenai pelaksanaan projek-projek luar bandar. Dalam ucapannya antara lain beliau menyeru Kerajaan mempercepatkan bekalan air dan elektrik ke luar bandar. Senator Basharon Hanapiah di dalam ucapan sulungnya telah menyentuh mengenai masalah-masalah yang sama dan meminta Kerajaan mempercepatkan bekalan elektrik di beberapa kampung berhampiran dengan Alor Setar yang masih belum mendapat kemudahan tersebut.

Senator K. Kumaran pula telah melahirkan rasa tidak puashati dengan keadaan penduduk-penduduk luar bandar khasnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan estet dan beliau mengesyorkan supaya Kerajaan menyediakan infrastruktur seperti jalan raya,

bekalan elektrik dan lain-lain kemudahan untuk penduduk-penduduk tersebut.

Memanglah tujuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diadakan semula untuk memastikan perlaksanaan projek mengikut jadual. Semoga kes-kes seperti yang disebutkan tidak akan menjadi-jadi. Untuk maklumat Ahli yang Berhormat, pihak Kementerian tidak berada di peringkat mengkaji hal-hal pembangunan. Tugas-tugas kajian dan perancangan dibuat oleh agensi-agensi pembangunan Kerajaan yang lain seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia atau Unit Penyelarasan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Kajian dan perancangan adalah dibuat secara teliti. Dalam kajian dan perancangan tidak ada jalan sepanjang 1 batu dijadualkan siap 5 tahun.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditubuhkan untuk menggerakkan tenaga rakyat atau MASDA untuk mencapai matlamat yang telah dirancangan. Langkah pertama yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kelewatan yang kerap kali berlaku ialah dengan mengadakan Pegawai Khas di Kementerian yang membuat perhubungan terus walau dengan telefon sekalipun dengan Pegawai-pegawai Daerah yang berada di peringkat pelaksanaan projek-projek. Setiap peringkat pelaksanaan diawasi oleh Pejabat Daerah dan jika ada masalah berkaitan dengan projek-projek tertentu, Pegawai-pegawai Daerah boleh membuat perhubungan segera melalui telefon dengan Pegawai Khas di Kementerian.

Yang Berhormat Senator Haji Fadzil bin Ahmad telah menyeru Kementerian supaya mengambil tindakan untuk memperkembangkan lagi kraftangan di negara ini. Kementerian semanganya mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh mengenainya melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang terletak di bawah Kementerian. Baru-baru ini Kerajaan telah melancarkan dengan rasminya KARYANIKA sebagai satu agensi pemasaran kraftangan. Wakil-wakil dari luar negeri yang telah melawat pameran KARYANIKA nampaknya begitu tertarik

hati dengan hasil-hasil kraftangan kita dan ini membuktikan bahawa bidang kraftangan di negara kita mempunyai harapan atau potensi yang sungguh baik. Apa yang perlu di dalam usaha memajukan kraftangan ialah meningkatkan mutu, memperbanyakkan jenis dan mengadakan bahan pengeluaran serta mencari pasaran di luar negeri. Untuk tujuan memajukan kraftangan, sehingga kini kita telah pun mempunyai 8 Pusat Kraftangan iaitu di Kota Bharu, Kuala Trengganu, Temerloh, Kuala Pilah, Kuala Kangsar, Alor Setar, Kuching dan Kota Belud.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Senator Abdullah Salleh yang dalam ucapannya telah mengalu-alukan penubuhan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ahli Yang Berhormat itu kemudiannya telah membuat syor supaya KEMAS menubuhkan Bengkel Latihan Mekanik Motor di luarbandar khasnya untuk belia-belia bumiputra. Bagi menjawabnya, sukalah saya memaklumkan bahawa KEMAS di bawah pentadbiran Kementerian ini telah menjalankan berbagai aktiviti dengan tujuan untuk memajukan masyarakat. Di antara aktiviti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar, Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Sanusi bin Junid: Di antara aktiviti itu termasuklah Kumpulan Latihan Kemahiran Kerja (KLK). Kumpulan Latihan Kemahiran Kerja ini mengandungi berbagai jurusan dan salah satu daripadanya ialah jurusan Motor Mekanik. Yang lain-lain ialah Membaiki Basikal, Motosikal; Pendawaian Elektrik dan Membaiki Radio/TV.

Aktiviti KEMAS ini mempunyai objektif-objektif tertentu iaitu:

- (1) Memberi kemahiran asas untuk membolehkan peserta-peserta memperluaskan atau mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka dalam jurusan-jurusan tertentu.
- (2) Menggalakkan masyarakat berdikari dengan menggunakan pengetahuan kemahiran itu untuk keluarga sendiri dan ini dapat menjimatkan perbelanjaan.
- (3) Membuka jalan bagi peserta-peserta mendapat peluang bekerja di bengkel-bengkel mekanik atau di kilang-kilang elektronik dan sebagainya.
- (4) Menggalakkan peserta-peserta menjalankan perniagaan dengan menggunakan kemahiran yang telah diperolehi untuk membuka bengkel-bengkel di kawasan luar bandar sama ada secara perseorangan atau dengan secara berkoperasi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kegiatan aktiviti KEMAS dalam rancangan Latihan Kemahiran ini pada keseluruhannya

adalah tertumpu kepada kawasan luar bandar. Golongan sasaran ialah masyarakat luar bandar. Sehingga kini KEMAS telah mengadakan sejumlah 77 buah bengkel dan kelas Kumpulan Latihan Kemahiran Kerja dalam jurusan Motor Mekanik yang diikuti oleh seramai 1,185 orang peserta-peserta di seluruh negara. Jumlah yang tentunya kecil ini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa sebagaimana kehendak Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Hasnah binti Haji Mohd. Kasim di samping meminta kemudahan asas diperluaskan di luar bandar, beliau juga mencadangkan supaya diadakan pusat-pusat latihan bagi wanita dan anak-anak gadis. Sebagai jawapannya, saya memaklumkan bahawa KEMAS melalui aktiviti Kumpulan Latihan Kemahiran kerja memang sudah ada menyediakan peluang-peluang latihan untuk wanita dan anak-anak gadis iaitu dalam bidang-bidang berikut:

- (1) Jahitan, sulaman, tekanan.
- (2) Anyaman pandan/buluh/rotan.
- (3) Pertukangan kayu/logam/tembaga/perak/tembikar.
- (4) Kraftangan kayu/buluh dan sebagainya.
- (5) Solek-menyolek, dandan-mendandan.
- (6) Menyimpan makanan.
- (7) Taip menaip.

Insy Allah di masa-masa akan datang unit kegiatan akan ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pada dasar dan kegiatan Kementerian Penerangan dan saya mengalu-alukan teguran yang membina itu supaya dapat membolehkan Kementerian ini memperbaiki dan meningkatkan lagi khidmatnya untuk faedah negara dan rakyat.

Berkenaan dengan saranan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil Ahmad bahawa RTM sebagai media utama digunakan untuk memupuk kebudayaan dan mempertahankan kemelayuan, ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Penyiaran (RTM) bukan sahaja sentiasa menuju ke arah memupuk kebudayaan Nasional, malahan telah dimaktubkan dalam matlamatnya yang berbunyi:

“Membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia dan membentuk satu Kebudayaan Nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum”; dan Membantu lahirnya kesedaran sivik dan menggalakkan perkembangan seni dan kebudayaan Malaysia”.

Ke arah tujuan ini, Jabatan Penyiaran memainkan peranan utama dalam menyebarkan dengan seluas-luasnya Kebudayaan Nasional. Menerusi rancangan Radio dan TV, Jabatan ini mengutarakan dan mengutamakan Kebudayaan Nasional yang melambangkan Kemalaysiaan dan mengeneipikan Kebudayaan asing yang tidak sesuai dan yang akan membawa kepada kemerosotan Kebudayaan Nasional Malaysia.

Dari masa ke semasa pihak-pihak berkenaan di Jabatan ini dan juga di peringkat Kementerian Penerangan meneliti dan menganalisa rancangan terbitan tempatan dan membuat cadangan yang boleh memupuk kebudayaan Nasional.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid Tahir bahawa RTM seharusnya melawan pencemaran Bahasa Malaysia, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Penyiaran atau RTM sentiasa mempertahankan Bahasa Malaysia dari dicemari. Oleh itu, Jabatan ini sentiasa bekerja rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institusi-institusi Bahasa yang lain dalam usaha menyelaras dan mempertingkatkan Bahasa Malaysia bukan sahaja dari segi penggunaan, malahan juga

cara penyebutan dan penulisan Bahasa Malaysia tersebut.

Berkaitan dengan saranan Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah mengenai filem-filem Melayu dan Indonesia yang ditayangkan oleh TV Malaysia pada hari Jumaat malam Sabtu yang kebanyakannya filem-filem lama dan ditayangkan berulang-ulang kali dalam masa 2 atau 3 bulan, menimbulkan kebosanan kepada penuntut, saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa TV Malaysia adalah pengguna dan bukan penerbit filem-filem tersebut. Oleh yang demikian, TV Malaysia adalah bergantung kepada bekalan-bekalan yang ada dan yang dipelawa untuk disewa. Oleh kerana TV Malaysia sejak lebih 15 tahun dahulu menayangkan lebih dari 50 buah filem Melayu dan Indoesia setahun sedangkan syarikat-syarikat penerbitan filem tempatan menerbitkan bilangan jauh lebih kurang dari itu adalah nyata permintaan jauh melebihi bekalan.

Sentuhan Ahli Yang Berhormat terhadap drama-drama yang ditunjukkan di TV yang kurang memuaskan, sayugia juga menjelaskan bahawa tugas menerbitkan satu drama setiap minggu menerusi beberapa masalah. Umpamanya, syarikat-syarikat filem tempatan yang banyak bilangannya hanya mampu menerbitkan sebanyak-banyaknya lebih kurang 10 buah filem setahun berbangkit dengan lebih 50 buah drama setahun yang diterbitkan oleh RTM. Namun demikian bilangan yang banyak ini tidaklah begitu menjejaskan mutu persembahannya. Dari masa ke semasa mutu penerbitan drama TV telah membuat peningkatan yang memuaskan. Sekarang ini rancangan drama TV mendapat sambutan yang amat baik penuntut-penuntut. Umpamanya, mengikut Laporan Survey Research Malaysia (SRM) bagi bulan Ogos dan September tahun ini, bilangan penuntut-penuntut DRAMA MINGGU INI di Semenanjung Malaysia sahaja adalah 1.8 juta penuntut, iaitu satu bilangan yang melebihi penuntut-penuntut rancangan Rockford Files (1.7 juta), Fitzpatrick (1.7 juta), Disneyland (1.7 juta), The Waltons (1.6 juta) dan White Shadow (1.6 juta). Walau bagaimanapun saya

mengucapkan terima kasih atas teguran Yang Berhormat ini dan RTM sedang dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk meningkatkan lagi mutu penerbitan drama dan lain-lain rancangan tempatan.

Mengenai permohonan Ahli Yang Berhormat Senator V. V. Aboo supaya Kementerian Penerangan memberi penerangan yang luas atas kegunaan Sistem Metrik di ladang-ladang dan di Kampung-kampung baru, suka saya memaklumkan bahawa Jabatan Penerangan telah memulakan kempen penerangan mengenai pelaksanaan Sistem Metrik pada awal tahun 1980, sebaik saja satu jawatankuasa ditubuhkan di peringkat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Publisiti dibuat melalui media Jabatan iaitu syarahan umum, wayang gambar, di dalam tiap-tiap ceramah kursus sivik dan perhimpunan sivik dan penerangan meliputi semua golongan masyarakat di bandar dan luar bandar menepati sasaran kempen ini ditujukan khas kepada kaum ibu dan juga pekedai runcit. Di samping itu Jabatan Penerangan juga telah mengedarkan poster, majallah-majallah dan pamphlet yang dikeluarkan oleh Bahagian Metrik Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke negeri-negeri seluruh Malaysia untuk dibahagi-bahagikan kepada Persatuan-persatuan seperti Persatuan Pengguna, kelab-kelab, kedai-kedai runcit, Balai Penghulu, Balairaya, Estet, Kampung Baru, Jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya. Sebelum publisiti secara meluas dijalankan Pegawai-pegawai Penerangan di seluruh Negeri termasuk Sabah dan Sarawak telah juga diberikan taklimat dengan secara mendalam akan pelaksanaan Sistem Metrik ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah yang mencadangkan supaya program-program TV perlulah diselangsungkan dengan menunjuk cerita-cerita pahlawan seperti perjuangan perajurit dan sebagainya, Kementerian saya sedang mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ulasan dan pandangan yang membina, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Williah Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam perbahasan mengenai Dasar Belanjawan 1982.

Ahli Yang Berhormat Senator S. Subramaniam di dalam ucapannya telah menyentuh tentang pekerja-pekerja di ladang yang berhijrah ke bandar oleh kerana keadaan di ladang-ladang tidak begitu baik dan memuaskan. Beliau mengesyorkan supaya kemudahan-kemudahan seperti perumahan yang selesa, sekolah-sekolah yang lebih baik dan kemudahan-kemudahan kesihatan disediakan untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang.

Suka saya menerangkan di sini Kementerian saya memang mengambil berat di dalam perkara ini. Pegawai dari Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menasihatkan majikan-majikan bukan hanya di ladang-ladang juga di tempat-tempat pekerjaan yang lain supaya menambahkan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja mereka serta lain-lain kemudahan-kemudahan seperti perumahan, pelajaran dan perubatan supaya pekerja-pekerja tersebut tidak akan meninggalkan tempat-tempat pekerjaan mereka untuk pergi ke tempat-tempat lain untuk mendapatkan kerja-kerja yang memberi kemudahan yang lebih.

Penghijrahan pekerja-pekerja tersebut kata beliau akan mengakibatkan kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan sebagainya. Ini pula mewujudkan masalah lebih ramai pekerja asing datang mencari kerja di negara kita bagi menampung kekurangan-kekurangan pekerja tadi. Beliau menyatakan bahawa pekerja-pekerja pendatang haram itu boleh membawa akibat yang serius dari segi sosial dan ekonomi, Ianya

juga boleh merendahkan kadar gaji dan sara hidup pekerja-pekerja di negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian saya dan juga Kementerian-kementerian yang berkaitan telah menjalankan kajian ke atas kekurangan tenaga pekerja-pekerja di ladang-ladang dan mengenai pekerja-pekerja asing. Kajian tersebut telah pun siap dan Kerajaan akan mengumumkan satu dasar mengenai pekerja-pekerja asing dan pendatang-pendatang haram.

Suka juga saya menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengutamakan pekerja-pekerja tempatan. Oleh itu, walaupun setelah satu dasar mengenai pekerja-pekerja asing dirumuskan Kerajaan tetap akan mengutamakan pekerja-pekerja tempatan dan memastikan mereka di dalam keadaan dan suasana yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah menyentuh mengenai setengah-setengah majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerja lelaki yang beragama Islam untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1976 satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengkaji dan membuat syor-syor mengenai masalah sembahyang Jumaat bagi pekerja-pekerja lelaki yang beragama Islam di sektor swasta. Jawatankuasa tersebut yang terdiri daripada wakil-wakil dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Hal Ehwal Ujama Islam dan Pertubuhan-pertubuhan Majikan dan Pekerja, selepas beberapa perbincangan telah mengemukakan laporannya kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada 16hb Januari, 1978. Dalam laporannya, Jawatankuasa tersebut telah mengesyorkan supaya semua majikan didesak supaya memberi masa selama dua jam termasuk waktu makan tengah hari Jumaat kepada pekerja-pekerja beragama Islam untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat mereka.

Bagi majikan-majikan di kilang-kilang yang melibatkan jentera bergerak sepanjang masa dan memerlukan pengawasan pada setiap ketika mereka diminta mengadakan shift supaya membolehkan pekerja-pekerja mereka yang beragama Islam bersembahyang Jumaat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga minggu.

Pegawai-pegawai dari Kementerian saya semasa menjalankan pemeriksaan di kilang-kilang dan sebagainya sentiasa memujuk pihak-pihak majikan supaya memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Didapati kebanyakan dari majikan-majikan tersebut ada memberi kemudahan ini.

Di sebaliknya tidak dinafikan pula bahawa mungkin masih ada majikan yang tidak mematuhi perkara tersebut. Oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai, maka Kementerian saya tidak dapat menjalankan pemeriksaan pada setiap masa dan di setiap tempat bekerja untuk memastikan perkara ini dipatuhi. Oleh itu, jika pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh memberi maklumat-maklumat, Kementerian saya sedia menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator V.V. Aboo pula telah membangkitkan mengenai permit kerja. Beliau menggesa supaya Kerajaan mengeluarkan permit kepada isteri-isteri asing yang bermastautin di negara kita dan yang mempunyai kelulusan mahir supaya masalah kekurangan tenaga mahir dapat diatasi. Suka saya menjelaskan di sini bahawa sebelum daripada ini Kementerian saya telahpun tidak keberatan mengeluarkan permit kerja kepada isteri-isteri asing yang mempunyai cukup syarat-syarat semuanya jika isteri asing itu adalah isteri kepada seorang warganegara Malaysia dan telahpun memiliki taraf penduduk tetap dan mempunyai syarat-syarat yang cukup dan kelulusan di dalam satu bidang yang kita sendiri dapati sukar untuk mendapat calon-calon seperti jawatan doktor dan sebagainya. Kementerian saya tidak teragak-agak lagi untuk memberi permit kerja kepada pemohon-pemohon di dalam golongan tersebut. Isteri-isteri asing yang

masih belum memiliki taraf penduduk tetap bolehlah memohon kepada pihak Imigresen untuk mendapatkan pas kerja supaya mereka boleh mendapat pekerjaan di bidang masing-masing.

Suka saya sekali lagi mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jelaskan satu persatu, saya telah pun mencatatkan perkara-perkara tersebut dan akan memberi perhatian yang sepatutnya dan yang mana sesuai akan diterima sebagai panduan dan akan dilaksanakan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.46 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan mengenai dasar Belanjawan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan K. Kumaran adalah dimaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil berat tentang pencemaran laut di dalam mengawal dan juga mengatasi masalah pencemaran yang timbul. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan dan mengatasi pencemaran perairan di Selat Melaka serta meningkat keselamatan pelayaran. Satu rancangan kontingensi kebangsaan Selat Melaka telahpun di adakan yang menelan belanja sebanyak \$35 juta bagi perbelanjaan membeli alat-alat kelengkapan dan kapal-kapal. Rancangan ini adalah berteraskan sistem mechanical yang melibatkan penggunaan alat-alat seperti skimmer dan booms untuk membersihkan minyak. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan kimia hanya digunakan di dalam keadaan tertentu sahaja dan apabila perlu. Tindakan ini adalah lebih menguntungkan kerana tumpahan minyak itu dapat dikumpul dan diambil balik serta boleh digunakan. Rancangan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan pada masa ini beberapa buah kapal dan

alat-alat yang diperlukan itu telah dan sedang diperolehi. Rancangan ini dilaksanakan oleh Kementerian saya bersama dengan agensi-agensi lain terutama Jabatan Laut Malaysia.

Selain daripada itu, Kementerian saya telah juga bekerjasama dengan Kerajaan Singapura dan Indonesia bagi menentukan supaya tumpahan minyak dari kapal-kapal yang melalui Selat Melaka dapat dikawal. Tiga buah badan swasta negeri Jepun iaitu Japan Ship Building Industry Foundation, Japanese Shipowners Association dan Petroleum Association of Japan telah menyumbangkan sebanyak 400 juta yen lebihkurang M\$4 juta untuk tabung itu. Tujuan tabung itu diadakan ialah untuk membiayai pada permulaan kos pembersihan sekiranya berlaku tumpahan minyak di perairan Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Oleh kerana pencemaran laut tidak mempunyai sempadan politik, Malaysia bersama dengan negara-negara anggota yang lain telah bekerjasama di bawah kumpulan pakar ASEAN mengenai pencemaran laut. Selain daripada itu negara-negara anggota ASEAN juga telah menyertai program UNSEP—East Asian Seas di mana satu program tindakan telah dipersetujui bagi melindungi sumber-sumber laut serta mengawal pencemaran laut.

Satu tabung amanah dengan sumbangan daripada negara-negara anggota akan ditubuhkan untuk tujuan ini. Kementerian saya juga pada masa ini sedang giat menggubal peraturan-peraturan mencegah pelepasan minyak dan sampah sarap oleh kapal-kapal di Selat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim bin Abdullah semasa soal jawab pada 14hb Disember, 1981 berkenaan dengan kilang-kilang yang paling mencemarkan alam sekitar, saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa keadaan pencemaran adalah daripada segi standardnya yang telah ditetapkan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum peraturan bagi menetapkan standard-standard yang sesuai adalah untuk

kilang kelapa sawit dan getah yang telah disifatkan sebagai yang tinggi pelepasan oksigen bio kimia yang diperlukan atau BOD. Kilang-kilang kelapa sawit dan getah sekarang dikawal di bawah peraturan yang telah ditetapkan. Jumlah kilang-kilang kelapa sawit mengikut negeri-negeri adalah:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kilang</i>
Selangor	23
Perak	26
Melaka	2
Trengganu	6
Sabah	13
Johor	45
Kedah	2
Sarawak	4
Pulau Pinang ..	4
Kelantan	5
Pahang	35
Negeri Sembilan ..	8
JUMLAH ..	173

Jumlah kilang getah mengikut negeri-negeri adalah:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kilang</i>
Selangor	27
Perak	29
Melaka	14
Trengganu	2
Sabah	3
Johor	53
Kedah	32
Sarawak	3
Pulau Pinang ..	9
Kelantan	7
Pahang	17
Negeri Sembilan ..	33
JUMLAH ..	229

Kementerian saya juga sedang membuat kajian bagi menentukan kilang-kilang

perusahaan jenis dan bentuk pelepasan sama ada dari kumbahan atau pelepasan ke udara di bawah peraturan kumbahan dan efluen-efluen perindustrian yang mula dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perkara Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara di bawah Kementerian saya di sepanjang perbahasan atas dasar Belanjawan 1982 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu tetapi saya akan menjawab dengan secara am sahaja semua perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa perkhidmatan telefon telah menjadi bertambah penting dan pemohon-pemohon untuk mendapatnya juga telah meningkat.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil bin Ahmad yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Jabatan Telekom, ingin saya menjelaskan bahawa sungguhpun Jabatan Telekom telah menerima banyak pengaduan mengenai perkhidmatan yang kurang memuaskan dan sebagainya, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Jabatan Telekom telah banyak memberi sumbangan dengan secara langsung dan juga dengan secara tidak langsung untuk menaikkan mutu hidup seluruh rakyat di negara ini terutama sekali rakyat yang duduk di luar bandar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukalah saya memberi tahu bahawa di negara ini kini terdapat sebanyak 473,163 pelanggan telefon. Ini menunjukkan bahawa negara ini telahpun mencapai satu tahap

kemajuan dalam bidang telekomunikasi dengan agak memuaskan sekiranya kita bandingkan dengan keadaan pada 15 tahun yang lalu.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, bilangan pelanggan ini dijangka akan meningkat sehingga 1.2 juta pelanggan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, suka saya memberi tahu bahawa dengan secara am hanya tiga jenis pengaduan sahaja yang diterima daripada orang ramai iaitu kelewatan untuk memasang telefon-telefon baharu, bil-bil telefon yang kononnya menuntut bayaran yang lebih daripada apa yang patut dituntut serta kelewatan dalam membetulkan kerosakan-kerosakan telefon. Untuk mengatasi masalah yang pertama, Jabatan Telekom bercadang hendak memasang lebih kurang 12,000 talian telefon setiap bulan pada tahun 1982 dan ini akan bertambah lagi pada tahun 1983. Dengan ini bererti Jabatan Telekom akan dapat memberi khidmat pelanggan yang baharu pada akhir tahun 1982. Dengan demikian, lebih kurang 93.9% daripada seramai 153,344 pemohon yang kini sedang menunggu untuk mendapat telefon akan dapat telefon masing-masing. Walau bagaimanapun, ini tidak akan dapat memenuhi segala permintaan telefon kerana permohonan baharu yang diterima oleh Jabatan Telekom adalah atas kadar 15,000 tiap-tiap bulan. Tetapi dengan adanya rancangan-rancangan untuk menambahkan bilangan pelanggan telefon sehingga 1.2 juta menjelang akhir tahun 1985, saya percaya masalah kelewatan pemasangan telefon kalau tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya akan dapat dikurangkan kepada satu paras yang lebih memuaskan pada akhir Rancangan Malaysia Keempat ini.

Untuk mengatasi masalah yang kedua iaitu masalah mengenai bil-bil telefon, Jabatan Telekom bercadang akan mengadakan satu sistem pengambilan yang decentralise dan tindakan ke arah mencapai matlamat itu telahpun dimulakan. Ini akan membolehkan akaun-akaun yang lebih kemaskini disimpan di Jabatan Telekom Kawasan dan tidak lagi di Ibupejabat di Kuala Lumpur seperti yang ada sekarang ini.

Mengenai masalah yang ketiga pula iaitu masalah memperbaiki telefon yang rosak, suka saya memberi tahu bahawa Jabatan Telekom akan mengamalkan sistem turnkey dalam pelaksanaan projek-projek telekom di mana sesuatu projek ini akan diuruskan dengan sepenuhnya oleh pihak swasta sehingga ia siap untuk penggunaan Jabatan Telekom. Dengan cara ini Jabatan Telekom akan dapat menumpukan lebih perhatian kepada kerja-kerja penyelenggaraan telefon seperti memperbaiki kerosakan dan sebagainya.

Mengenai bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar pula seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman dan Senator Basharon bin Hanapiah, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada perkara ini. Untuk memenuhi pertambahan di dalam permintaan elektrik, natijah dari perluasan rangkaian elektrik ke luar bandar serta kemajuan perindustrian dan pemodenan dalam sektor pertanian, Kementerian saya bercadang akan menambahkan lagi muatan talian penghantaran dan pembahagian agar bekalan elektrik itu lebih terjamin. Di samping itu juga Kementerian saya akan memperhebatkan lagi usaha untuk memastikan agar projek-projek pembinaan dan pembesaran stesen-stesen janakuasa elektrik akan disiapkan mengikut Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak dapat menjawab satu persatu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi semua pandangannya itu akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebajikan Am.

7.02 mlm.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, bagi menerangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa masalah mengenai Kementerian saya, sukacita saya menjelaskan iaitu Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah menyatakan bahawa rancangan

pemulihan penagih dadah yang dijalankan oleh Kementerian berkenaan tidak begitu berkesan dan perlu dikaji semula.

Sukacita saya menjelaskan bahawa Kementerian Kebajikan Am telah membuat kajian untuk menentukan sama ada cara-cara rawatan yang diberi di pusat pemulihan dadah berkesan atau tidak. Adalah didapati sejumlah 37% daripada penagih-penagih dadah yang telah menerima rawatan pemulihan dari tahun 1975 hingga 1980 telah berjaya dipulihkan. Didapati juga bahawa 28% lagi tidak dapat dikesan dan 35% kembali menghisap dadah. Sungguhpun begitu, rancangan pemulihan yang dijalankan pada masa ini sentiasa dikaji, dinilai dan diperbaiki di samping 2 buah pusat pemulihan yang komprehensif akan dibina di Muar dan di Sungai Petani di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Bilangan kakitangan juga akan ditambah dan undang-undang yang berkenaan akan dikaji semula dan dipinda jika perlu dengan tujuan untuk memperelok lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ada pada masa ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman yang telah menyeru supaya majikan mengambil orang cacat yang terlatih sebagai pekerja. Sebenarnya memang ada majikan-majikan di sektor awam dan swasta yang telah mengambil orang-orang cacat menjadi pekerja tetapi bilangannya boleh dikatakan sangat kecil dan saya percaya masih ramai lagi pekerja cacat yang boleh diambil bekerja sekiranya para majikan dapat memberi peluang yang lebih luas lagi kepada mereka ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad telah meminta supaya kadar bantuan untuk membaiki rumah yang runtuh dinaikkan kerana kadar maksima \$1,000 yang ditetapkan sekarang adalah tidak memadai. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, iaitu bantuan malapetaka adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat akan bertanggungjawab apabila lebih dari 3 buah negeri terlibat ataupun ditimpa malapetaka dan keadaan darurat diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun demikian, ingin saya menjelaskan

di sini iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat tidaklah pula boleh dianggap sebagai satu agensi insuran ataupun mengganti rugi tetapi ianya tujuan yang pertama sekali ialah memberi bantuan, sepertimana yang saya jelaskan tujuan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang berkenaan. Biasanya bantuan yang diberi untuk membaiki ialah \$1,000 maksima, di samping itu lain-lain bantuan juga diberi kepada mereka seperti bantuan-bantuan pakaian, perkakas rumah, alat dapur, pakaian sekolah anak-anak serta buku-buku dan lain-lain lagi yang mana bantuan maksima semuanya jika dikira berjumlah kira-kira \$2,000 untuk satu keluarga.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

7.05 mlm.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat serta memberi sokongan dan pandangan terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan mengenai Dasar Belanjawan 1982 di Dewan yang mulia ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa segala teguran-teguran, pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan sekiranya didapati sesuai akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.

Saya suka mengambil kesempatan ini menjawab teguran-teguran dan syor-syor yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian saya yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Dasar Belanjawan 1982.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah membangkitkan masalah kelewatan menyiapkan projek pembinaan bangunan. Beliau mencadangkan supaya projek itu dilaksanakan secara 'turnkey'. Saya sukacita menyatakan konsep 'turnkey' telah dipersetujui oleh Kerajaan dan Jabatan

Kerjaraya sedang mengkaji berbagai projek pembinaan bangunan dengan harapan pelaksanaan projek-projek ini dijalankan secara 'turnkey'.

Mengenai masalah kekurangan air di Temerloh dan Kuantan sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun, saya suka menyatakan perkara ini adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri, bagaimanapun bolehlah saya terangkan mengenai langkah-langkah tertentu yang diambil oleh JKR Negeri untuk mengatasi masalah-masalah bekalan air di Temerloh. Masalah kekurangan air di Temerloh ialah kerana loji air yang sedia ada di Temerloh itu hanya mampu menghasilkan air sebanyak 3.2 juta gelen sehari. Untuk mengatasi masalah tersebut dua langkah serentak telah dijalankan, iaitu di bawah langkah-langkah sementara kerja-kerja telah dijalankan untuk menggantikan pam-pam loji itu dengan yang baru yang dapat meningkatkan pengeluaran air daripada 3.2 metrik gelen sehari ke 3.8 metrik gelen sehari. Di samping itu dua telaga telah juga disiapkan yang dapat menghasilkan air sebanyak 20,000 gelen sejam. Di bawah langkah jangka panjang, kerja memberi loji air baru dan membaiki sistem aliran air juga sedang diusahakan. Loji baru itu akan berupaya menghasilkan 8.5 juta gelen sehari air dan ianya dijangka siap dalam tahun 1982.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin Salleh telah meminta Kementerian saya memberi perhatian kepada penyelarasan kerja-kerja korek-mengorek jalan raya yang selalunya menyebabkan kesesakan jalan raya. Kementerian saya memang sentiasa mengambil perhatian tentang penyelarasan dengan pihak agensi Kerajaan yang lain dalam kerja-kerja pengorekan jalanraya.

Menyentuh tentang kerosakan jalanraya Jerangau-Jabor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad, sukalah saya menyatakan bahawa kerosakan jalanraya tersebut ialah kerana kebanyakan kenderaan-kenderaan seperti lori-lori balak yang menggunakan jalanraya tersebut melebihi had berat yang dibenarkan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Senator, jalanraya tersebut yang telah dibina dengan pinjaman dari Bank

Pembangunan Asia telah direkabentuk sebagai jalan kemajuan untuk memenuhi kehendak-kehendak di Trengganu Tengah sahaja dan bukan untuk kenderaan-kenderaan yang berat. Buat sementara ini kerja-kerja menampal lubang-lubang di jalanraya Jerangau-Jabor sedang dijalankan bersama-sama dengan kerja penyelenggaraan am.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah meminta Kerajaan supaya mengkaji kemampuan kontraktor sebelum projek ditawarkan. Beliau mencadangkan supaya tindakan diambil di atas kontraktor yang gagal menyiapkan setiap projek. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan perkara ini adalah menjadi amalan sebelum sesuatu projek ditawarkan. Pihak Kementerian saya terlebih dahulu mengkaji segala kemampuan pihak kontraktor berkenaan.

Saya suka menyatakan juga bahawa kontraktor yang gagal untuk menyiapkan setiap projek tanpa sebab-sebab yang munasabah memang dikenakan tindakan seperti berikut:

- (i) menggantung lesen pendaftaran;
- (ii) mengenakan denda mengikut perjanjian kontrak; atau
- (iii) kedua-dua sekali.

Ada juga beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang pembinaan jalanraya dan jambatan. Saya sukalah menyatakan bahawa semua teguran-teguran yang dibuat itu saya ambil perhatian dan di mana sesuai akan saya laksanakan.

Saya suka mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

7.12 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Din): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang

Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang memberikan pandangan atau komen berhubung dengan projek-projek pembangunan di bawah Kementerian ini.

FELDA

Saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir terhadap projek FELDA dan menyentuh sistem perkongsian yang dicadangkan itu. Sebelum sistem ini dijalankan dalam rancangan FELDA ianya akan diperbincangkan di semua peringkat. Setakat ini Kementerian sedang mengambil tindakan untuk mengemukakan cadangan ini bagi pandangan dan komen daripada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka sebelum ianya dikemukakan kepada Kerajaan untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun menyentuh tentang jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA yang tidak memuaskan. Bagi makluman Yang Berhormat adalah menjadi hasrat pihak FELDA untuk memberikan kemudahan-kemudahan asas yang sempurna bagi tiap-tiap kawasan atau rancangan FELDA terutama jalan-jalan masuk dan juga jalan-jalan perkampungan di rancangan-rancangan ini. Mengikut rancangan FELDA, jalan-jalan ini dijangka akan dinaikkan ke taraf jalan yang bertar. Bagaimanapun oleh kerana peruntukan adalah terhad maka perkara ini terpaksa dilaksanakan peringkat demi peringkat dan keutamaan diberi di setengah-setengah kawasan lebih daripada yang lain. Soal pilih kasih tidak timbul dalam memberi kemudahan infrastruktur kepada rancangan-rancangan FELDA.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*

Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad menerangkan supaya peneroka-peneroka FELDA yang didapati telahpun mempunyai tanah hendaklah dipecat dari menjadi peneroka. Bagi makluman Yang Berhormat sebelum seseorang peserta diterima untuk memasuki

sebuah rancangan FELDA mereka terpaksa membuat permohonan menggunakan borang yang tertentu. Borang ini selepas diisi hendaklah mendapat pengesahan daripada Penghulu-penghulu atau Pegawai-pegawai Daerah masing-masing. Sebenarnya tiap-tiap peneroka yang diterima memasuki rancangan FELDA adalah terikat kepada beberapa syarat yang mana sekiranya mereka didapati melanggar syarat-syarat tersebut tindakan tatatertib sehinggalah mereka dapat disingkirkan daripada menyertai rancangan FELDA boleh dikenakan dan telah pun ada diambil tindakan sedemikian.

RISDA—Bantuan Subsidi

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain menyarankan supaya semua bentuk kredit yang dianggapnya membebankan pekebun kecil ditukar kepada bantuan subsidi. Sebenarnya kredit yang dikeluarkan oleh RISDA bagi pekebun-pekebun kecil adalah bagi tujuan rancangan ekonomi yang menguntungkan dan boleh membayar balik kredit yang dikeluarkan. Bagi projek-projek yang diberi bantuan subsidi pula adalah dari jenis yang tidak mendatangkan keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil yang difikirkan tidak dapat membayar balik peruntukan yang telah diberikan kepada mereka. Sekiranya pekebun-pekebun kecil menjalankan kegiatan kredit yang diberikan oleh RISDA mengikut jadual, tidak semestinya projek-projek ini merugikan. Bagaimanapun pihak RISDA sememangnya mengkaji tiap-tiap projek kredit yang diberikan supaya ianya tidak membebankan pekebun-pekebun kecil. Sekiranya projek-projek ini gagal oleh kerana sebab-sebab tidak dapat dielakkan, pihak RISDA biasanya akan mengkaji semula syarat-syarat dan bayaran balik yang dikenakan ataupun menghapuskan sama sekali.

Kerajaan tidak dapat menerima syor Yang Berhormat supaya semua jenis kredit yang ada ditukar kepada bantuan subsidi, lebih-lebih lagi bagi rancangan-rancangan bercorak ekonomi yang menguntungkan kerana wang Kerajaan yang disalurkan kepada mereka yang boleh mendapat keuntungan dan mampu untuk membayar balik pinjaman ini, boleh

disalurkan semula kepada orang lain bagi mendapat faedah yang sama.

Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh mengesyorkan agar dinaikkan lagi bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil getah supaya menghindarkan mereka daripada mengganti tanaman getah kepada lain-lain tanaman. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bantuan subsidi terutamanya bantuan tanam semula kepada pekebun kecil cuma baru dinaikkan pada awal tahun ini selepas mengambil kira kos untuk menanam semula. Hasil daripada kajian yang dibuat oleh pihak RISDA peruntukan sebanyak \$2,200 seekar itu adalah memadai bagi menanam semula seekar tanah dengan getah. Selain daripada bantuan ini untuk menentukan yang pekebun kecil tidak menghadapi masalah keputusan mata-pencarian semasa tanah-tanah mereka ditanam semula pihak Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberikan pinjaman sara hidup sebanyak tidak lebih daripada \$100 bagi tiap-tiap satu keluarga sebulan selama 6 tahun. Ini sebenarnya memadai bagi mereka yang kelazimannya mendapat pendapatan yang lebih kurang serupa daripada tanah yang ditanami semula itu.

Untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula Kerajaan menentukan cuma pekebun kecil yang menanam semula getah tua mereka dengan getah sahaja akan diberikan bantuan bernilai \$2,200 seekar. Bagi mereka yang menanam dengan tanaman lain daripada getah bantuan tanaman semula mereka adalah sebanyak \$1,500 seekar sahaja. Dengan adanya perbezaan jumlah bantuan bagi pekebun-pekebun kecil menanam semula dengan getah dan dengan jenis tanaman lain ini dipercayai akan menggalakkan mereka menanam semula dengan getah.

Hal Ehwal Tanah

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamad menyebut tentang pentingnya mengadakan penyelarasan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam pentadbiran tanah, sememangnya telah ada penyelarasan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam hal ehwal pentadbiran

tanah. Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan dari masa ke semasa telah mengadakan kursus dan seminar mengenai pentadbiran tanah di samping pekeliling-pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk melahirkan keseragaman dan kelicinan dalam pentadbiran tanah.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya beribu-ribu ekar tanah di Kluang, Johor yang diteroka secara haram hendaklah diambil tindakan sewajarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah dinegeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampurinya.

Mengenai Tanah di Kluang, Johor yang diteroka secara haram, Kerajaan Negeri Johor sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dari segi undang-undang. Langkah-langkah selanjutnya telah diambil supaya tidak lagi berlaku penerokaan tanah secara haram bukan sahaja di negeri Johor malah di seluruh negara.

Tentang cadangan Yang Berhormat yang mengesyorkan Kerajaan merizabkan tanah-tanah yang khusus supaya tidak terpaksa membeli balik daripada pemilik-pemilik tanah dengan harga yang tidak menasabah apabila sesuatu projek atau bangunan baru hendak diadakan, perkara ini memang diambil berat dan Kerajaan sedang mengkaji satu rancangan yang teliti berhubung dengan penggunaan tanah di seluruh negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Kewangan.

7.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Belanjawan Tahun 1982 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas segala teguran-teguran dan ulasan-ulasan serta cadangan-cadangan yang telah diberikan. Semua teguran dan cadangan itu akan dikaji dan di mana yang difikirkan sesuai dan praktik akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan kepada beberapa soalan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah mengenai ketidakpastian bila berlakunya pemulihan ekonomi dunia dari keadaan merosot pada masa ini dan apakah rancangan-rancangan Kerajaan jikalau pemulihan itu gagal berlaku seperti yang dijangkakan.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara yang penting ini. Pendapat-pendapat umum pada masa ini menjangkakan yang ekonomi dunia berkemungkinan akan beransur pulih dalam tempoh separuh masa kedua tahun 1982. Walaupun kadar-kadar faedah dan inflasi dunia telah merosot dari paras yang tinggi, namun kita tidak mempunyai jaminan bahawa pemulihan ekonomi dunia yang dijangkakan itu akan menjadi kukuh dan berkekalan sepertimana yang diharapkan.

Semasa kita merancang strategi Belanjawan tahun 1982, kita menyedari sepenuhnya akan kedudukan yang kurang baik yang menyelubungi suasana ekonomi dunia dan dengan itu Belanjawan 1982 telah dirancang untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi negara dapat dikekalkan pada paras yang tinggi dan memuaskan. Walaupun jika kita terpaksa menghadapi keadaan kemelesetan ini bagi satu tempoh yang lebih lama dari yang dijangkakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah menyedari bahawa dalam beberapa Belanjawan yang lepas ialah mengandungi pelbagai langkah-langkah dasar untuk meningkatkan kadar perkembangan industri dan perkilangan dengan lebih cepat lagi. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan bagi memaju dan meningkatkan perusahaan-perusahaan yang berorientasikan eksport, terutamanya yang banyak menggunakan sumber-sumber asli dalam negeri. Sektor perkilangan, dengan itu telah menjadi sektor yang paling cepat berkembang, menyumbangkan lebih 20% dari jumlah eksport kita.

Selaras dengan pertumbuhan keluaran-keluaran perkilangan bagi tujuan eksport dan eksport minyak, maka struktur eksport kita pada masa ini telah dapat dipelbagaikan lagi. Oleh itu kita telah dapat menghadapi kesan kemelesetan dengan lebih baik berbanding dengan kebanyakan negara membangun yang lain. Selain daripada mempelbagaikan struktur eksport, kita juga berusaha mendapatkan pasaran-pasaran dan pembeli-pembeli baru bagi keluaran barangan kita.

Kita juga telah menjalankan usaha-usaha bagi menggalakan eksport perkhidmatan iaitu eksport perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan, udara dan insuran. Pada masa ini akaun perkhidmatan kita dengan negara-negara lain menunjukkan kurangan yang besar kerana kita terpaksa bergantung kuat kepada perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan dan insuran bagi perdagangan antarabangsa kita dengan negara-negara lain. Galakan-galakan yang diberi dalam Belanjawan ini adalah merupakan sebahagian dari usaha-usaha untuk menolong mengembang dan memajukan, perkhidmatan perkapalan dan udara kita dan juga memajukan perusahaan insuran kita supaya kita tidak lagi perlu bergantung kepada orang lain bagi perkhidmatan-perkhidmatan ini. Ini secara progresif akan mengurangkan kurangan dalam akaun perkhidmatan dan memperbaiki akaun semasa Imbangan Pembayaran.

Walau bagaimanapun, saya perlu nyatakan di sini bahawa ekonomi kita adalah sebuah ekonomi terbuka. Maka dengan itu kita tidak dapat mengasingkan diri dari turun naik kegiatan ekonomi dunia. Tetapi dengan sektor awam yang kukuh dan maju serta sektor swasta yang progresif dan dinamik, kita akan dapat mengurangkan dengan banyaknya kesan yang timbul dari kemelesetan ekonomi dunia.

Kita sekarang ini menempuh satu zaman yang agak sulit dan penuh dengan cabaran. Oleh itu ia merupakan masa bagi kita untuk berhati-hati dan berjaga-jaga. Kita sedang mengikuti dengan telitinya arah aliran kegiatan ekonomi dunia dan kita akan mengambil apa jua langkah-langkah tambahan jika difikirkan perlu untuk melindungi ekonomi negara dan mengekalkan

tingkat kegiatan ekonomi dan guna tenaga yang tinggi.

Mengenai percukaaian, ada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kadar cukai pendapatan di negara ini adalah tersangat tinggi sehingga memberi kesan yang buruk kepada orang-orang yang gigih berusaha dan berpendapatan tinggi. Saya tidaklah mahu menafikan bahawa cukai pendapatan di negara ini adalah tinggi, tetapi ianya adalah tidak semestinya tertinggi sekali di dunia mahupun di rantau ini. Walau bagaimanapun, saya tidaklah bersetuju dengan dakwaan bahawa cukai di negara ini adalah terlalu tinggi hinggan ia telah menimbulkan kesan negatif ke atas pengusaha-pengusaha negara ini. Sejak beberapa tahun ini beberapa bidang tertentu seperti bidang perindustrian dan pembinaan telah berkembang dengan pesatnya dan ini menunjukkan bahawa cukai pendapatan yang berkuatkuasa sekarang ini tidak mempunyai kesan yang buruk ke atas usaha-usaha dalam bidang-bidang ini.

Kerajaan sentiasa mengkaji kesan cukai supaya ianya tidak menimbulkan apa-apa kesan negatif ke atas daya usaha. Walaupun kadar cukai itu pada asasnya tidaklah diubah, beberapa perubahan dari segi pelepasan dan perubahan kecil ke atas struktur cukai telah dilaksanakan pada tiap-tiap tahun. Mithalnya, dalam tahun 1980 kadar cukai yang dikenakan ke atas mereka yang berpendapatan tinggi telah dikurangkan dengan tujuan untuk memberi dorongan dan galakan kepada usaha tenaga. Dalam tahun yang sama pelepasan cukai telah juga ditambah demi untuk mengurangkan beban cukai kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Kita tidak seharusnya membuat perbandingan kadar cukai di negara ini dengan sebuah negara lain dengan mengambil kadar dan peringkat sesuatu cukai itu sahaja. Satu-satu sistem cukai itu mestilah dipandang pada keseluruhannya iaitu kesemua cukai-cukai yang ditanggung oleh seseorang warganegara itu. Perbandingan ini pula mestilah dibuat berlatar belakngan segala perkhidmatan sosial yang disediakan oleh Kerajaan seperti pelajaran dan kesihatan. Ini bererti adalah sukar sekali bagi kita untuk

membuat perbandingan sistem cukai di antara dua negara yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang di sini untuk menerangkan penyatuan cukai ke atas suasana pelaburan di negara ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai pendapatan syarikat pada kadar cukai 40% adalah dikenakan ke atas keuntungan sesebuah syarikat itu. Apabila keuntungan itu dibahagi kepada pemegang saham dalam bentuk dividen, keuntungan syarikat yang diedar itu akan dikenakan cukai pada kadar individu yang menerima dividen itu. Jika sekiranya individu yang menerima dividen itu tidak membayar cukai, ia berhak mendapat pulang balik cukai yang telahpun dibayar oleh syarikat itu. Tetapi sekiranya kadar cukai yang dikenakan ke atas individu itu ialah 50%, maka kadar cukai yang dikenakan ke atas dividen kasar yang diterimanya menjadi 50% juga. Ini bermakna individu itu akan dikenakan cukai sebanyak 10% lagi. Keuntungan syarikat, selepas dibayar cukai, yang disimpan oleh syarikat untuk dilabur balik itu adalah dikenakan cukai sebanyak 40% sahaja. Ini bermakna cukai ke atas keuntungan sesebuah syarikat itu boleh dibahagi dua, iaitu cukai ke atas keuntungan yang diedar kepada individu yang memegang saham dan cukai ke atas keuntungan yang disimpan untuk dilabur. Cukai pendapatan ke atas bahagian keuntungan yang disimpan untuk dilabur itu kekal pada 40%. Kadar ini tidak merupakan satu kadar yang membebaskan sehingga mematikan segala daya usaha untuk meningkatkan prestasi syarikat itu.

Kerajaan sentiasalah mengawasi kesan-kesan cukai ke atas suasana pelaburan di negara ini. Salah satu langkah yang dijalankan oleh Kementerian saya untuk mencapai hasrat ini ialah dengan mengadakan Majlis Dailog dengan sektor swasta, termasuklah pelabur, pengusaha, pengguna dan juga ahli-ahli akademik. Setakat ini, tidak ada golongan manapun yang mendakwa bahawa kadar cukai di negara ini adalah terlampau tinggi hinggan ia mungkin akan membawa negara ini "ke zaman ekonomi sebelum perindustrian" seperti didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa menghapuskan cukai import yang dibuat adalah tidak menguntungkan rakyat di luar bandar kerana barang-barang yang terlibat adalah barang-barang mewah seperti kamera dan jam tangan. Suka saya menjelaskan sekali lagi bahawa dalam Belanjawan baru-baru ini saya telah mengumumkan penghapusan atau mengurangkan duti import, duti eksais, duti tokok dan duti jualan ke atas 150 jenis barang. Barang-barang yang terlibat tidaklah sahaja terhad kepada barang-barang seperti kamera dan jam tangan tetapi juga termasuklah barangan lain yang digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah. Barang-barang yang terlibat ialah baja, alat-alat pertanian, makanan dan barang-barang keperluan lain. Sebenarnya hampir kesemua barang-barang keperluan yang dibeai oleh golongan yang berpendapatan rendah adalah tidak dikenakan cukai pada masa ini melainkan barang-barang yang sekarang ini dikenakan cukai perlindungan. Oleh itu saya tidak dapat lagi menghapus atau mengurangkan cukai itu kerana cukai ke atas barang-barang tidak ada lagi.

Mengenai barang-barang yang sekarang dikenakan cukai perlindungan Kerajaan sedang membuat kajian untuk mengurangkan cukai ini dengan tujuan untuk mengadakan persaingan dan dengan itu akan dapat menambahkan bekalan serta mengurangkan harga. Suka saya menegaskan di sini bahawa langkah-langkah cukai bukanlah merupakan tindakan tunggal Kerajaan terhadap usaha untuk meningkatkan lagi taraf dan nilai hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Langkah-langkah lain seperti pembukaan tanah, pemberian subsidi, penyiaran industri ke luar bandar dan sebagainya telahpun diambil oleh Kerajaan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan terutama sekali bagi penduduk-penduduk di luar bandar.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh bahawa terdapatnya pilih kasih oleh bank-bank dalam pemberian pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil melalui Syarikat Jaminan Kredit (CGC) dan mengenai cadangannya supaya satu Jawatankuasa ditubuhkan untuk menentukan

kuota pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil. Setakat yang saya ketahui tidak terdapat pilih kasih oleh bank-bank dalam pemberian pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menentukan kuota pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil melalui CGC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara sudahpun memadai untuk tujuan tersebut di mana semua bank-bank dikehendaki memberikan pinjaman sekurang-kurangnya 5% dari jumlah pinjaman masing-masing kepada peniaga-peniaga kecil berdasarkan kepada kedudukan pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1980. Garis panduan ini perlu dipatuhi tidak lewat dari akhir tahun ini. Bagi bank-bank yang gagal mematuhi paras minima yang telah ditetapkan ini maka denda yang sesuai akan dikenakan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti tentang sesuatu penyelewengan pilih kasih oleh bank-bank dalam pemberian pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil melalui CGC seperti yang dibangkitkan, makluman yang berkenaan bolehlah dikemukakan kepada Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membina ke atas dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara dalam perbincangan Belanjawan 1982 ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua pihak sama ada dari pihak syarikat-syarikat, peniaga-peniaga, pekerja-pekerja dan lain-lain untuk mengambil kesempatan dari langkah-langkah Belanjawan 1982 untuk mempertingkatkan lagi pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi faedah semua rakyat.

Saya yakin dan percaya bahawa dengan kerjasama yang erat dari semua pihak kita akan dapat mengatasi masalah sementara yang dihadapi oleh kita semua dari perkembangan ekonomi dunia yang kurang baik sekarang ini dan dengan itu akan dapat

mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan pendapatan bagi semua rakyat. Sekian terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Rang Undang-undang ini dipersetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun keputusan Dewan mengenai waktu persidangan pada hari ini, Dewan hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun keputusan Dewan mengenai waktu persidangan pada hari ini, Dewan hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 18-12-81.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.46 malam.